



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 15)
USUL YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI: Draf Bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sarawak) 2005	(Halaman 15)
Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri	(Halaman 15)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 79)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: Kes Saman Pemula No. 24-345-2004 di Mahkamah Tinggi (4) Malaya di Pulau Pinang -Y.B.Puan Chong Eng (<i>Bukit Mertajam</i>)	(Halaman 89)
Pengabaian Sambutan 'Hari Tiada Tembakau Sedunia' -Y.B. Tuan Tan Kok Wai (<i>Cheras</i>)	(Halaman 91)
LAMPIRAN: Lampiran A	(Halaman 94)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

19. Yang Berhormat Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC

57. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO

94. Yang Berhormat Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Hairan bin Mohtar

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein

Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria

Hindun binti Wahari

Rozaimah binti Mohamad Ariffin

Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Mazlina binti Ali

Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi

Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS UNIT CETAK

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 4 Julai 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Haji Mat Yassir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah pihak kerajaan dalam memberikan lebih pengiktirafan kepada kepentingan golongan belia bagi melaksanakan berbagai-bagai program dan projek melalui peruntukan RMK-9 yang akan datang memandangkan penyediaan peruntukan sejak beberapa tahun kebelakangan ini tidak menggambarkannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan memberikan fokus terhadap usaha berterusan menjana potensi belia supaya dapat menyumbang secara produktif dalam pembangunan sosial ekonomi negara di samping melahirkan generasi belia yang berkemampuan untuk menghadapi cabaran pembangunan yang pesat.

Perhatian dan komitmen tinggi pihak kerajaan terhadap pembangunan golongan belia di negara ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa memberi pengiktirafan ke atas golongan belia bahkan tahap pengiktirafan tersebut sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Antara langkah-langkah pihak kerajaan untuk memperkasakan agenda pembangunan belia di negara ini, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, termasuklah meningkatkan peranan dan menguatkuasakan pertubuhan belia sebagai peneraju perubahan dan pembangunan masyarakat, menghubungi dan membangun 7.7 juta belia yang tidak berpersatuan dari segi semangat patriotisme, pembangunan sahsiah diri, kesukarelawan dan kemasyarakatan. Membentuk identiti bangsa Malaysia sebagai bangsa bermoral dan berintegriti serta berupaya menangkis penceroboh budaya dalam era globalisasi yang mencabar, meningkatkan latihan kemahiran selaras dengan tuntutan ekonomi dan sosial.

Mmewujudkan masyarakat perdagangan dan perniagaan belia yang berdaya saing, berintegriti dan cemerlang, meningkatkan keberkesanan Program Rakan Muda dan menanam nilai kemasyarakatan dan kesukarelaan, meningkat keberkesanan sistem penyampaian NGO, Majlis Perundangan Belia Negara serta agensi yang terlibat. Merealisasikan peranan media dan komunikasi dalam pembangunan belia, menjana kepimpinan belia yang prihatin, dinamik dan menguasai kemahiran dalam pelbagai bidang. Membangun ilmu berkaitan pembangunan belia melalui penyelidikan dan mewujudkan kesejahteraan politik dan perpaduan serta menjana ketahanan nasional. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yassir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya berpendapat pengiktirafan kepada golongan belia generasi yang penting yang akan mewarisi pimpinan akan datang ini harus digambarkan kepada peruntukan yang diperuntukkan untuk kementerian ini. Kalau kementerian yang berasaskan tani boleh ada peruntukan RM1.5 bilion maka saya berpendapat Kementerian Belia dan Sukan ini harus tidak kurang daripada itu kerana kepentingannya. Apakah pandangan daripada Setiausaha Parlimen mengenai perkara ini.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dalam bajet Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dikemukakan pada Dewan yang mulia ini, pihak kementerian memerlukan peruntukan sebanyak RM125 juta untuk agenda belia dan dalam belia juga memerlukan RM270 juta untuk Program Rakan Muda bagi memperkasakan bukan sahaja pertumbuhan-pertumbuhan belia di negara ini tetapi untuk mewujudkan semangat dalam pembangunan belia negara.

Pada masa sekarang untuk makluman Dewan yang mulia ini, peningkatan gejala sosial di kalangan belia iaitu keruntuhan moral, penagihan dadah, budaya samseng, *vandalisme*, *hedonisme* dan lain-lain ini semua bukan sahaja membebankan kementerian dari segi kewangan tetapi juga dari segi keperluan jawatan. Oleh yang demikian memang betul apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan peruntukan yang diberikan kepada kementerian tetapi untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pertanyaan kementerian kepada Kementerian Kewangan untuk peruntukan tidak seharusnya semua yang diminta oleh Kementerian Belia dan Sukan diluluskan. Oleh itu, memang kita ini terhad tetapi kita akan cuba sedaya-upaya untuk menangani masalah tersebut. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tadi kita diberitahu bahawa tidak semua yang dipinta oleh kementerian diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Dahulu kita diberitahu setiap komuniti, setiap Ahli Parlimen ada cadangan untuk membina pusat sukan di setiap Dewan Undangan Negeri, peruntukan sebanyak RM3 juta dan sebagainya. Tetapi sampai hari ini saya belum lagi dapat keterangan ataupun keputusan daripada kementerian. Apakah ini juga tanda-tanda bahawa kementerian tidak mendapat peruntukan yang diumumkan tentang bahagian ini.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tadi jawapan saya adalah berkenaan dengan pembangunan belia dari segi *human capital*. Dari pembangunan belia dari fizikal yang ditanya berkenaan dengan pembangunan kompleks sukan komuniti memang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini peruntukan yang ditanya untuk kompleks sukan komuniti pembinaan 513 kompleks baru adalah di dalam anggaran RM1,282,500 dan ini adalah dalam fasa lima tahun. Tahun pertama iaitu 2006 kementerian akan memerlukan RM250 juta, 2007 RM250 juta dan sebagainya. Ini akan bermula pada tahun 2006 sekiranya semua ini berjalan dengan lancar iaitu keputusan diberi oleh Jemaah Menteri ataupun Kementerian Kewangan.

[Soalan No. 2 -Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir]

3. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dari segi geografi negara Pakistan, Bangladesh dan China lebih kurang sama jaraknya dari Malaysia, apakah rasional kita cuma mengambil tenaga kerja dari negara Pakistan dan Bangladesh dan mengapa tidak negara China, bukankah ini suatu langkah menyekat atau mengurangkan peluang majikan kita mendapatkan tenaga mahir.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini, negara China dan Bangladesh bukan merupakan negara sumber bagi tujuan pengambilan pekerja asing. Sungguhpun demikian, kerajaan membenarkan tenaga separuh mahir China untuk bekerja di sektor tertentu seperti perabot, seramik, antik dan artisan. Manakala Pakistan adalah negara sumber. Keputusan kerajaan membenarkan Pakistan sebagai salah sebuah negara sumber ialah sebagai satu langkah untuk mengimbangi perdagangan di antara Malaysia dengan Pakistan di mana pada masa ini imbalan pembayaran amat berpihak kepada Malaysia.

Pakistan juga adalah sebuah negara punya eksport tenaga kerja dan rakyatnya memiliki kemahiran asas dalam sektor-sektor tertentu seperti pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan. Di samping itu, tenaga kerja Pakistan juga telah terbukti mampu melaksanakan kerja dengan baik seperti di negara-negara Teluk, Eropah, Taiwan dan Hong Kong.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Menuntut ilmu sehingga ke negeri China, demikian sabda Rasulullah [*Dewan riuh*].

Tuan Yang di-Pertua, amat ketara ini menunjukkan betapa serius, betapa kuat azam Rasulullah dan umat Islam dalam soal menuntut ilmu pengetahuan. Dalam soal tenaga kerja memandangkan pentingnya tenaga kerja dalam proses pembinaan negara. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sama serius, adakah kerajaan sama ataupun mempunyai azam yang sama kuat seperti Nabi Muhammad dalam soal mengejar ilmu iaitu adakah kerajaan bersedia mempertingkatkan usaha untuk mengejar tenaga kerja meskipun atau sehingga ke negeri China.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Parlimen Gopeng memang fasih dan faham. Saya hendak menambah dari segi apa yang disebut oleh Rasulullah iaitu "tuntutlah ilmu walaupun ke negara China". Pada zaman dalam 1400 tahun yang lalu, negara China merupakan negara yang paling jauh, *very very far* dengan izin. Tetapi pada hari ini negara China sudah menjadi dekat dan kalau diambil iktibar apa yang disebutkan oleh Rasulullah, hari ini kita mengejar ilmu walaupun ke bintang-bintang *at the other side of the universe* walaupun dalam laut. Maka itu maknanya hadis berkenaan.

Saya percaya dalam konteks pekerja asing, kita dapati pekerja negara China amat mahir dalam beberapa bidang, maka arahan kerajaan ialah supaya hanya pekerja-pekerja yang mahir yang membuat barangan berkualiti antarabangsa dan mampu kita bersaing dengan negara-negara yang mahir dalam bidang yang sama untuk di bawa ke mari ke negara Malaysia. Tetapi tidak boleh diabaikan bahawa ekonomi negara jiran, khasnya negara-negara yang berdekatan dengan kita adalah ekonomi-ekonomi yang lemah, mereka mempunyai tenaga kerja yang banyak.

Malaysia dengan dasar untuk memperkayakan jiran telah mengorak langkah untuk membolehkan pekerja-pekerja negara yang dekat untuk berkhidmat di negara ini dengan sekali gus membantu mengembangkan ekonomi negara berkenaan. Seperti mana yang disebutkan negara seperti Pakistan, Bangladesh dan sebagainya adalah negara-negara yang mempunyai imbalance perdagangan terlalu berpihak kepada Malaysia, maka negara Malaysia membuat satu dasar untuk membolehkan negara-negara berkenaan dapat memberi pekerjaan kepada warga mereka. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan Yang Berhormat....

Seorang Ahli: Soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Susah sikit. Bolehkah, itu soalan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan pekerja setakat ini dari Pakistan, Bangladesh dan China? Dan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita kira dari jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan Pakistan misalnya, dan di antara Malaysia dengan China, lebih negara China? Saya nampak itu pelabur-pelabur di sini tak kira bangsalah yang minat pergi ke China, bukan pergi ke Pakistan. Dengan demikian, apakah dasar jangka jauh selain daripada kemahiran pekerja, dasar jangka jauh dari segi itulah kerana kita memerlukan pekerja dan dasar jangka jauh untuk memperbagaikan pekerja-pekerja di negara ini supaya kita tidak bergantung kepada satu-satu negara sahaja.

Dato' Seri Azmi Khalid: Tuan Yang di-Pertua, jumlah tenaga kerja daripada negara China hari ini hanya 2,700 yang datang ke negara Malaysia dalam bidang-bidang khusus. Negara Pakistan yang baru dibuka, yang telah diberi kelulusan untuk masuk setakat hari ini ialah 7,800 orang sahaja, walaupun pada silingnya kita letakkan 100,000. Tetapi untuk memperbagaikan sumber pekerja asing, negara telah membuka ruang kepada 16 negara dunia, termasuk Pakistan yang terbaharu, sebelumnya ialah 15. China tidak merupakan sebuah negara sumber, tetapi diizinkan atas kepakaran-kepakaran tertentu. Namun demikian, oleh kerana ekonomi negara China merupakan ekonomi antara yang terbesar di dunia dan China tidak merupakan satu negara yang dikatakan memerlukan bantuan secara ketara dari segi aktiviti ekonomi, perkembangan ekonomi, pendapatan rakyat dan sebagainya, maka dia tidak dianggapkan sebagai negara sumber. Terima kasih.

4. Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk meminda peruntukan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 supaya memberikan kuasa yang lebih luas kepada mahkamah untuk memainkan peranan 'check & balance' dalam kes-kes melibatkan penggunaan akta tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk meminda peruntukkan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA 1990, supaya memberikan kuasa yang lebih luas kepada mahkamah untuk memainkan peranan 'check & balance' dalam kes-kes melibatkan penggunaan akta tersebut.

Ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, telah dilakukan secara berhemah dan teliti bagi membendung unsur-unsur yang boleh memudaratkan keselamatan negara. Sebarang cadangan pindaan terhadap peruntukan di dalam akta ini perlulah relevan dan menepati kehendak semasa selaras dengan iltizam kerajaan untuk mengekalkan keamanan dalam negara. Terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberikan jawapan menyatakan bahawa pihak kerajaan akan cuba memastikan bahawa tidak ada penyelewengan dalam pelaksanaan dan juga penguatkuasaan di bawah ISA. Saya percaya kita semua bersetujulah bahawa kita tidak akan mempunyai perasaan was-was terhadap niat baik daripada pihak kerajaan tetapi pada realitinya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang ada banyak rintihan. Sebenarnya ini telah juga dibangkitkan dalam laporan Suruhanjaya Polis baru-baru ini yang menyatakan bahawa ISA telah pun memberikan satu kuasa yang terlampau luas kepada eksekutif, kerana kita percaya bahawa negara kita adalah mengamalkan sistem Demokrasi, pengagihan kuasa iaitu perundangan, eksekutif dan juga kehakiman.

Bukankah lebih baik jika kita memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada pihak mahkamah supaya dia boleh mengenal pasti sama ada betul-betul bukan sahaja dari segi persoalan bagaimana seseorang itu ditahan, tetapi juga mengapa, dia ditahan. Kerana kita rasa jika sesuatu permohonan di bawa ke hadapan mahkamah yang sentiasanya pada masa kini mahkamah dia tersuntuk kerana dia kata, dia hanya terhad sahaja bidang kuasanya ke atas soal tatacara prosedur yang terlibat dan bukannya, apakah betul-betulnya sama ada wujudnya satu pertalian antara orang yang kena ditahan itu dengan kesalahan jenayah yang.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee: yang dikatakan wujud. Saya percayalah supaya ada ruang untuk kita untuk memajukan hak asasi manusia tanpa menjejaskan keselamatan dalam negara kita. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa ISA ini ialah undang-undang pencegahan ataupun *primitive law*, ertinya kita mesti mengambil tindakan sebelum sesuatu kejadian berlaku. Seperti kalau misal kata sudah berlaku bom meletup, itu sudah bukan lagi pencegahan. Kita boleh ambil tindakan di bawa undang-undang jenayah. Misal kata sebagai contoh ertinya ambil tindakan sebelum sesuatu kejadian berlaku.

Kalau kejadian itu telah berlaku, dah tidak *primitive law*, mungkin kita akan ambil tindakan di bawah undang-undang jenayah atau pun undang-undang lain itu yang pertama, yang kedua mengenai hak asasi tahanan. Ingin saya jelaskan bahawa walau pun ISA ini tahanan ditahan tanpa perbicaraan, namun demikian, hak dia sebagai rakyat Malaysia tetap diberikan perlindungan. Apabila seseorang tahanan itu ditahan dia dihantar di Simpang Renggam, ia akan diberi tahu bahawa orang tahanan ini berhak untuk mendapatkan khidmat peguam dan dia boleh merayu kepada lembaga penasihat.

Lembaga penasihat ini ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bukannya di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, di depan lembaga penasihat. Apabila lembaga penasihat dan dia merayu di depan lembaga penasihat, lembaga penasihat mesti mengadakan dengar, mendengar kes rayuan ini dalam tempoh tidak lebih enam bulan.

Di depan lembaga penasihat ini, orang tahanan ini boleh membawa peguam, boleh membawa saksi dan cara kes didengar di depan lembaga penasihat adalah sama dengan kes didengar di dalam mahkamah terbuka.

Pengerusi Lembaga Penasihat ialah seseorang yang bertaraf sebagai seorang hakim. Tidak timbul hak individu itu kita nafikan. Walau pun kita tahan tanpa bicara tetapi setiap tindakan yang kita ambil mestilah mengikut lunas-lunas, undang-undang dan peraturan-peraturan yang termaktub di dalam undang-undang itu sendiri. Sekiranya tindakan kerajaan tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam undang-undang itu sendiri, maka orang tahanan berhak untuk memohon *habeas corpus* di hadapan mahkamah. Terima kasih

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, [*Bercakap tanpa pembesar suara*] di bawah seksyen 57, Akta Keselamatan Dalam Negeri, yang memberi ia kuasa kepada mahkamah untuk menjalankan, mengendalikan kes-kes di mana seseorang memiliki senjata atau peluru senjata.

Seroang Ahli: [*Soalan*]

Tuan R. Karpal Singh:...Selain daripada itu ada peruntukkan dalam undang-undang untuk mengadakan bagi seorang tahanan hak untuk membawa satu *habeas corpus* dalam mahkamah. Tetapi apa yang terus terang adalah apabila seseorang tahanan dibebaskan oleh mahkamah, kerajaan tidak menghormati perintah itu oleh kerana selepas dia lepas daripada bebaskan, dia ditangkap semula. Adakah ini langkah-langkah yang baik bagi seorang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk *primitive detention*. Apa yang ada kini adalah satu permohonan yang boleh dibuat kepada lembaga penasihat, *advisory board*.

Tetapi *advisory board* tidak ada, tidak ada yang mahkamah ada kerana *recommendation* ada dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong, tetapi jika ada *recommendation* itu tidak dihormati, seorang tahanan tidak boleh buat apa-apa. Tidaklah lebih baik, untuk memberi kuasa kepada mahkamah dari segi apa yang saya cadangkan tadi untuk membolehkan seorang tahanan dapat satu perintah yang boleh di kuat kuasa oleh mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, mudah-mudahan cepat sembuhlah, Yang Berhormat supaya boleh bercakap lebih hebat lagi. Yang Berhormat saya tahu perkara ini selalu dibangkitkan mengenai dakwaan yang pertama *habeas corpus*. Yang Berhormat sebagai peguam, Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa di dalam mahkamah menerima permohonan *habeas corpus* daripada seseorang tahanan, ianya sudah tentu berdasarkan kepada segi teknikal.

Namun demikian, kita dapati bahawa sejak akhir-akhir ini permohonan *habeas corpus* itu dibenarkan oleh mahkamah ialah kerana bukan dari segi teknikal, dari segi menjalankan undang-undang di bawah akta itu, tetapi ialah kerana persiapan yang disediakan oleh peguam kanan persekutuan mengenai *habeas corpus*, sebagai contoh apabila peguam kanan persekutuan memohon supaya kes itu untuk dipindahkan kerana sesuatu sebab, mahkamah tidak boleh terima dan kes itu telah pun ditolak dan mereka menanya pemohon.

Begitu juga afidavit kadang-kadang tidak sempat kita sediakan, juga telah ditolak permohonan ini. Dalam erti kata lain, kebanyakan kes-kes *habeas corpus* yang di menangi oleh pihak pemohon pada hari ini ialah kes-kes yang belum lagi didengar perbicaraannya hanya baru daripada segi penerimaan afidavit sahaja telah pun ditolak kes itu. Sebab itu, apabila tahanan ini dibebaskan walau pun dia menang dalam *habeas corpus* tapi bagi pihak kementerian kita akan lihat, sebab apa dia dibebaskan.

Kalau dia dibebaskan kerana peguam persekutuan lambat datang, kerana afidavit kita lambat fail, sedangkan kita telah pun mendapat kajian bahawa orang tahanan ini

memang benar-benar melakukan kesalahan, maka kita pihak polis menangkap semula mereka ini. Walau pun mereka ini ditangkap semula, peraturan-peraturan asal mesti diikuti dan apabila sampai kepada pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, kita akan menimbang semula sama ada kes tangkapan semula ini perlu..

Tuan R. Karpal Singh: *[Mohon untuk bercakap]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya!

Tuan R. Karpal Singh: *[Mohon untuk bercakap]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan, boleh?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia sudah lupa ini, sudah lama tidak datang Dewan. Tengah saya bercakap mana boleh minta jalan, ini bukannya waktu perbahasan, soal jawab, ya. *[Disampuk]* Untuk tanya apa, boleh tangkap atau tidak boleh tangkap? *[Disampuk]* Saya tengah terang ni, Yang Berhormat tunggu dulu..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukit Gelugor, minta jalan, tidak dengar ke? Sama ada boleh atau tidak?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang kesian, saya kadang-kadang kesian tengok pembangkang ini. Dia terlampau ghairah, dia pun tidak tahu peraturan, ini bukat waktu *debate*, ini waktu soal jawab. Soal jawab mana ada minta jalan, Yang Berhormat. Tunggulah waktu *debate* nanti, bangkit. Nanti bila ada belanjawan, bangkitlah dan kita boleh *debate* pada masa itu. Tetapi tidak apalah, Yang Berhormat rehat lebih-lebih sikitlah supaya Yang Berhormat lebih faham apa Peraturan Mesyuarat ini.

Memang saya tidak nafikan memang polis akan tangkap semula. Mereka yang telah dibebaskan oleh mahkamah atau *habeas corpus*, tetapi apabila sampai kepada pihak kementerian kita akan timbang semula sama ada tahanan ini patut kita bebaskan atau pun kita buang daerah atau pun kita lanjutkan tahananannya berdasarkan kepada fakta kes yang kita terima. Kita selalunya akan buat kajian secara mendalam sebelum kita membuat keputusan kes-kes yang ditangkap semula. Terima kasih.

5. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk menghalang hakisan pantai dan sungai di seluruh Malaysia.

Setiasusaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk mengatasi masalah hakisan pantai di seluruh negara dilakukan melalui langkah-langkah jangka pendek dan juga jangka panjang. Bagi langkah jangka pendek projek-projek pengawalan hakisan pantai dilaksanakan di kawasan yang mengalami hakisan yang kritikal. Bagi kawasan hakisan pantai yang lain kerja-kerja pemantauan dijalankan dari masa ke semasa untuk menentukan supaya hakisan tidak bertambah buruk.

Di Semenanjung Malaysia sepanjang 288 kilometer pantai telah mengalami hakisan yang kritikal dan sehingga kini kerja-kerja pengawalan hakisan pantai telah disiapkan sepanjang 199 kilometer dan ia akan diteruskan di dalam RMK 9. Antara kaedah pengawalan hakisan yang lazim digunakan ialah pembinaan lapis lindung, *groin* pemecah ombak dan juga penambakan pantai.

Bagi langkah jangka panjang pula ia melibatkan perancangan dan pengurusan pembangunan di kawasan pantai secara bersepadu iaitu melalui penyediaan dan pelaksanaan pelan pengurusan persisiran pantai bersepadu ataupun ISMP dan ISMP mengenal pasti kawasan-kawasan pantai yang boleh dibangunkan bagi pelbagai kegunaan serta kawasan-kawasan yang perlu dipelihara bagi tujuan-tujuan tertentu. Bagi memantapkan lagi usaha untuk mengawal impak hakisan pantai akibat projek-projek pembangunan serta memastikan bahawa semua pihak yang terlibat di kawasan pantai sama-sama bertanggungjawab ke atas perlindungan kawasan pantai, tindakan sedang

diambil untuk mempertimbangkan keperluan mengadakan satu Rang Undang-undang Pantai.

Untuk mengatasi masalah hakisan sungai sehingga kini pihak kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM10 juta untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan tebing sungai sepanjang 30 kilometer di seluruh negara dan telah pun mengenal pasti tebing-tebing sungai yang kritikal untuk kerja-kerja pengukuhan. Langkah-langkah yang telah diambil ialah membaik pulih serta mengukuhkan semula kawasan hakisan yang menggunakan cerucuk bakau, *geo-protect* tayar, susunan batu, *gabion* dan juga dinding-dinding konkrit. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kedah.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Umum mengetahui bahawa kesan kerosakan akibat hakisan pantai dan sungai ini melibatkan kos pembaikan yang begitu tinggi. Soalan tambahan saya ialah adakah dalam ISMP terdapat kementerian mengusahakan program menggalakkan orang ramai ataupun kementerian sendiri menanam pokok-pokok menghalang hakisan seperti pokok nipah dan bakau yang dipercayai boleh membantu hakisan pantai dan sungai di seluruh Malaysia? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat dan itu soalan yang amat baik sekali. Sebenarnya pada Mac tahun ini selepas kejadian *tsunami* pada Disember tahun lepas pihak kementerian telah pun mengadakan usaha untuk membaik pulih kawasan-kawasan pantai dengan menanam pokok-pokok bakau dari pelbagai spesies dan setakat ini pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah pun menanam lebih daripada satu juta pokok bakau pelbagai spesies dan ia akan diteruskan di bawah RMK 9. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan pokok-pokok nipah akan saya kemukakan kepada pihak Jabatan sebab kita tidak fikir lagi pasal pokok nipah dan mengkuang di tebing sungai ini. Jadi saya rasa itu cadangan yang baiklah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha, adakah peruntukan di dalam undang-undang yang sedia ada untuk menjaga kepentingan kerajaan supaya tidak berbelanja berlebihan dalam pengawalan di persisiran pantai ini sekiranya hakisan itu disumbangkan oleh pihak-pihak swasta ataupun terdapatnya peruntukan dalam undang-undang yang sedia? Ada kategori-kategori yang membolehkan sekiranya hakisan itu berlaku oleh golongan tertentu maka mereka bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah hakisan ini. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Dalam Akta Peruntukan kita tidak ada sebenarnya sebab kejadian hakisan ini terutama sekali di bahagian pantai yang luas itu iaitu di bahagian timur Semenanjung ialah kerana keadaan semula jadi tetapi ada juga hakisan berlaku apabila pertukaran dari segi hidraulik laut akibat pembinaan muara-muara sungai, akibat pemecahan ombak dan juga struktur-struktur ataupun penambakan-penambakan laut seperti terjadi di negara jiran kita. Dalam negara kita tidak ada peruntukan untuk kalau kes benda ini berlaku kerana orang lain kecuali kita boleh mengemukakan bukti-bukti yang amat kukuh terutama sekali di peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Perdana Menteri menyatakan walaupun diberitahu dalam sesi-sesi Parlimen lalu bahawa langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah PTI tetapi bilangan dan masalah ditimbulkan di kawasan setinggan khususnya di Sandakan tidak berkurangan. Apakah tindakan yang lebih efisien dan efektif sedang dan akan diambil supaya masalah ini dapat diatasi segera.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, masalah pendatang tanpa izin PTI di Sabah amnya dan di Sandakan khususnya tidak pernah dipandang ringan oleh kerajaan. Kerajaan sentiasa

mengambil tindakan tegas terhadap mereka. Antara langkah-langkah yang telah dirancang dan sedang diusahakan ialah pertamanya menggandakan operasi-operasi bersepadu secara berterusan bagi menangkap dan mendakwa serta menghantar pulang pendatang tanpa izin ke negara asal mereka.

Kedua, mengadakan pemeriksaan ke atas majikan dan orang ramai yang menggaji dan melindungi pendatang tanpa izin dan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang terlibat. Ketiga, mengadakan seminar atau taklimat kepada kedua-dua masyarakat sama ada di peringkat kampung, mukim mahupun daerah mengenai isu pendatang tanpa izin bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman serta bagi mendapatkan kerjasama rakyat dalam membendung masalah ini. Keempat, meningkatkan kawalan sempadan laut dan darat.

Tindakan penguasaan undang-undang terhadap PTI telah dipertingkatkan oleh berbagai-bagai agensi penguat kuasa sebaik sahaja program pengampunan tamat pada 28 Februari 2005 yang lalu. Jabatan Imigresen dan RELA telah melaksanakan "Ops Tegas". Selain daripada itu pihak PDRM juga mengambil tindakan terhadap PTI melalui "Ops Cegah Jenayah".

Pasukan Petugas Persekutuan bagi Sabah dan Labuan telah pula melaksanakan "Ops Nyah" secara bersepadu melibatkan semua agensi penguatkuasaan. Semasa operasi bersepadu yang diselenggarakan oleh PPKKPSL ini pada 12hb dan 13hb Mei 2005 di Semporna seramai 179 orang pendatang asing telah diperiksa dan daripada jumlah tersebut seramai 76 orang PTI ditangkap. Operasi bersepadu ini akan diteruskan ke Sandakan dan juga lain-lain daerah di sepanjang tahun ini. Sebagai makluman, sepanjang tahun lima bulan lalu iaitu dari Januari hingga 5hb Mei 2005 seramai 3,000 orang PTI iaitu 1,797 orang Filipina, 1,131 orang Indonesia dan 72 orang lain-lain warganegara telah pun diusir keluar daripada Sabah.

Selain daripada kawalan di darat, kawalan di laut dan persisiran pantai telah pun dipertingkatkan. Bagi negeri Sabah "Ops Pasir" merupakan salah satu usaha kerajaan mengawal kemasukan PTI ke negara ini. Pasukan Keselamatan seperti Tentera Darat dan Pasukan Gerakan Am ditempatkan di *pos-pos* "Ops Pasir" sepanjang pantai dan di pulau-pulau di Sabah. Penambahan kapal-kapal TLDM di Sabah telah membantu usaha kawalan sempadan laut daripada dibolosi oleh PTI. Setakat ini tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dianggap cukup efisien dan efektif, namun apa yang lebih penting ialah sumbangan rakyat dalam membendung masalah PTI ini. Rakyat perlu memberi kerjasama kepada kerajaan dengan memberi maklumat mengenai kehadiran PTI di kawasan mereka untuk diambil tindakan oleh agensi-agensi penguat kuasa, bukan melindungi mereka daripada diambil tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sandakan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi tadi. Apa yang dapat dilihat oleh rakyat di Sandakan dan juga aduan daripada mereka ialah tiadanya rancangan yang sempurna untuk masalah ini. Misalnya selepas rumah-rumah setinggan di sesuatu tempat dirobuhkan, tiada tindakan efektif untuk menyekat mereka daripada mendirikan rumah setinggan lain di tempat yang lain dan juga tindakan yang efektif tidak ada untuk menghantar mereka balik ke negara. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut sebentar tadi iaitu PATI ini, kalau kita tangkap mereka, kita usir mereka keluar, saya telah menyebut sebentar tadi iaitu bahawa kita telah mengusir 1,797 orang Filipina dan 1,131 orang Indonesia. Kalau mereka PATI dia tidak ada hak untuk duduk dalam negara kita. Kita hantar dia balik. Takut yang duduk buat rumah setinggan ini ialah rakyat Malaysia sendiri. Itu kita kena berhati-hati supaya kalau rakyat Malaysia membinanya bermakna itu sudah di bawah penguatkuasaan agensi yang lain. Sebab itu kita harus berhati-hati terlebih dahulu sebelum kita katakan itu bahawa kita telah gagal dalam usaha kita untuk membendung PATI daripada masuk ke negara kita.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Pendatang tanpa izin memang sudah begitu lama di Sabah. Tetapi apa yang menghairankan apabila ada operasi bersepadu, pendatang tanpa izin di kawasan-kawasan tertentu sudah tidak ada. Operasi yang dijalankan sama ada pihak tentera polis sudah bocor lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Pantai Timur Sabah, lautan begitu panjang sekali daripada Tawau hinggalah ke Semporna. Kita berhadapan dengan Indonesia dan juga Filipina. Kalau di daerah Tawau pendatang tanpa izin ini dia boleh datang hari ini dan dia boleh kembali malam. Dia boleh berada di Tawau pada malam hari dengan membuat jenayah dan kemudian lepas itu dia terus balik.

Soalan yang dikemukakan tadi dan jawapan yang dibagi tidak memuaskan kerana memang kita sudah bagi tahu jawapan-jawapan yang dahulu pun kerajaan mengambil tindakan dengan sepenuhnya, tetapi sambil lewa seperti mana kata kawan. Tetapi, kita apabila pergi ke Tawau, kita nampak banyak bot kecil yang masuk. Saya nampak tidak ada kawalan sama sekali daripada Polis Marin.

Tidak ada kawalan sama sekali. Saya minta mungkin soalan ini dijawab bersama oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bukan Jabatan Perdana Menteri, Keselamatan Dalam Negeri bersama untuk bincang dan memuat operasi bersepadu yang kukuh bukannya sambil lewa sahaja. Operasi ada, kemudian apabila satu pasukan polis, marin, imigresen serbu satu kawasan, mereka putih mata tidak ada, ada lagi. Soalannya kita di Sabah minta satu perancangan yang terperinci untuk membanteras pendatang tanpa izin dan saya minta pandangan sewajarnya daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan tidak sambil lewa. Saya sendiri telah pergi ke Tawau dan sempadan dan melawat pulau-pulau yang mana kita meletakkan pos-pos di mana di antara 12 tentera dan juga polis diletakkan di pulau-pulau ini untuk membendung kemasukan PATI ke negara kita. Saya pergi ke semua pulau itu dan saya melihat iaitu bahawa mereka telah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik.

Cuma masalah di Tawau ia ialah soal kekeluargaan yang wujud seperti juga di sempadan di Siam, di Rantau Panjang. Kita tidak boleh menghalang orang daripada masuk kerana mereka mempunyai sanak saudara di kedua belah tebing sungai. Kita memberikan kebebasan sedikit kepada mereka iaitu mereka telah wujud di situ sebelum sempadan itu wujud. Begitu juga di Tawau, kalau kita mengambil sikap iaitu tidak membenarkan kemasukan secara mudah, ini akan membangkitkan perasaan kemarahan di kalangan rakyat tempatan kerana mereka ada saudara mara dan mereka sebelum ini pun bebas masuk ke Tawau dan orang Tawau masuk ke sana.

Pulau Sebatik sebagai contoh bahagi dua. Kadang-kadang dia masuk di Pulau Sebatik belah Malaysia, dia sudah berada di Malaysia dan dia bebas untuk masuk ke Tawau sebab dia sudah masuk ke Pulau Sebatik yang dimiliki oleh Malaysia. Ini masalah. Tetapi kalau Yang Berhormat sebagai wakil rakyat, mahu kita ambil tindakan yang tegas tidak membenarkan berlakunya kemasukan dua hala ini, kita boleh ambil. Tetapi kalau rakyat tempatan marah, jangan marah kepada kita. Ini kita ambil sentimen orang di bawah yang telah wujud sebelumnya sempadan ini wujud.

Yang ketiganya saya fikir itu bahawa tidak berlaku kebocoran daripada segi angkatan tentera atau poliskah memberi maklumat kepada PATI iaitu sebelum mereka hendak pergi buat siasatan diberi maklum. Saya rasa tidak, tentera kita, polis kita tidak melakukan perbuatan seperti itu. Mungkin teknologilah telefon. Mobil senang. Dia tahu, dia boleh telefon, PATI ini pun ada juga telefon dia, dia boleh tahu. Saya rasa saya tidak boleh terimalah kalau dianggap iaitu bahawa ada usaha daripada pihak kita yang sengaja membocorkan rahsia dalam kita hendak menyiasat. Saya tidak terima ini.

[Soalan No.7 - Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] tidak hadir]

8. Dato' Wan Adnan Bin Wan Mamat [Indera Mahkota] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah jumlah graduan menganggur yang telah dilatih di dalam Skim Latihan Siswazah Menganggur (SLSM) mengikut negeri setakat ini dan dari bidang manakah kebanyakan daripada graduan ini datang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, seramai 21,160 graduan telah diluluskan untuk mengikuti latihan di bawah Skim Latihan Graduan bermula 25 November 2001 sehingga 29 Februari 2004. Jumlah graduan yang diluluskan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah	Peratus
1. Selangor	3,307	15.63%
2. Kuala Lumpur	2,281	10.78%
3. Kelantan	2,270	10.73%
4. Johor	1,980	9.36%
5. Perak	1,932	9.13%
6. Kedah	1,530	7.23%
7. Pulau Pinang	1,509	7.13%
8. Sarawak	1,120	5.30%
9. Pahang	1,108	5.24%
10. Melaka	1,060	5%
11. Sabah	1,020	4.82%
12. Negeri Sembilan	995	4.70%
13. Terengganu	925	4.37%
14. Perlis	101	1.10%
15. Labuan	22	0.48%

Dari 21,160 graduan yang telah diluluskan untuk mengikuti latihan, pecahannya adalah seperti berikut:

Latihan	Jumlah	Peratus
1. Pengangkutan	89	0.42%
2. Sastera	2,565	12.55%
3. Sains	1,680	7.94%
4. Pendidikan	106	0.50%
5. Ekonomi	777	3.67%
6. Teknologi Maklumat	4,720	22.30%
7. Pertanian	115	0.54%
8. Hotel dan Pelancongan	317	1.49%
9. Kejuruteraan	1,902	8.98%
10. Keselamatan	1	0.004%

11. Undang-undang	126	0.59%
12. Pengurusan	3,595	16.98%
13. Pentadbiran	114	0.53%
14. Kemahiran Teknikal	59	0.27%
15. Perdagangan	2,095	9.90%
16. Agama dan Syariah	1,201	5.67%
17. Perubatan	26	0.12%
18. Alam Sekitar	11	0.05%
19. Kewangan	1,333	6.29%
20. Seni Bina / Ukur	196	0.92%
21. Hubungan Antarabangsa	41	0.19%

Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun panjang jawapannya tadi, tetapi saya hendak tanya dalam bidang kursus apakah graduan-graduan ini dilatih dan berapakah bayaran yang dikenakan, jangka masa latihan dan bahasa yang digunakan semasa pengajaran dalam skim ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bidang-bidang latihan yang ditawarkan dalam Skim Latihan Graduan adalah seperti berikut:

- (i) Bahasa Inggeris;
- (ii) Eksekutif Pembangunan;
- (iii) Persijilan dalam jualan dan juga pemasaran;
- (iv) Perakaunan Perniagaan;
- (v) Sistem Kejuruteraan Microsoft;
- (vi) Rangkaian Profesional SISCO;
- (vii) Sistem Pentadbiran Linux ;
- (viii) Pembangunan Laman Web dan juga Aplikasi Pembangunan.

Seterusnya untuk tahun ini kita akan tambah dalam bidang perancangan kewangan dan juga pengkayaan pengurusan. Di samping itu akan ditambahkan juga dalam bidang *Tourist Guide* dan juga *Event Management* dan yang terakhirnya dalam bidang keusahawanan.

Semua kursus ini dijalankan dalam bahasa Inggeris dan diberikan peruntukan kepada siswazah ini sebanyak RM350 sebulan. Jangka kursusnya dijalankan di antara empat bulan sehingga tujuh bulan. Dalam tempoh tertentu itu, telah dipastikan dan diwajibkan semua pelatih ini mesti mengikuti latihan praktikal selama dua bulan di tempat-tempat kerja. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamaanya, saya bagi pihak Parlimen Ketereh mengalu-alukan guru-guru daripada Ketereh ke Parlimen.

Menghormati tetamu Dewan adalah salah satu daripada budaya kita, berbudi bahasa dan mereka adalah guru-guru yang mengajar - siswazah-siswazah - ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Kita dengar tadi Timbalan Menteri kata macam-macam punya program-program untuk kita memberikan siswazah kita ini tempat untuk mereka bekerja setelah keluar daripada pusat pengajian tinggi. Tetapi adakah Yang Berhormat lupa bahawa sembilan daripada sepuluh pintu rezeki itu adalah bidang perniagaan.

Apalah salahnya pihak kerajaan, pihak kementerian mengkaji program Rancangan Malaysia Kesembilan melihat di sudut pertanian yang akan diperuntukkan berbillion ringgit dan juga dari sudut perniagaan dan kita serapkan, kita tambahkan ilmu-ilmu kepada siswazah ini supaya mereka boleh berdikari dan tidak bergantung kepada kerajaan semata-mata. Maknanya mereka masuk dalam bidang perniagaan yang tidak ada hadnya untuk mencari rezeki.

Begitu juga dalam bidang pertanian yang kita pandang lekeh, tetapi itulah yang kita makan hari-hari. Apakah dua faktor ini kementerian tidak fokus kerana saya nampak dahulu kita ada Belia Niaga, ada belia-belia yang berniaga hari ini menjadi jutawan daripada yang berniaga burger di tepi jalan. Ini membuktikan bahawa program itu berjaya. Tetapi hari ini kita nampak kurang. Adakah pihak Yang Berhormat akan balik khabar kepada Menteri Yang Berhormat, terangkan kepada Kabinet, sistem perniagaan, latihan perniagaan dan juga pertanian ini harus dipertingkatkan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Satu soalan yang begitu baik tetapi untuk pertanian, sebenarnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun melaksanakan program-program termasuk program yang terbaru, iaitu memberikan ruang dan peluang pekerjaan kepada pemegang-pemegang Ijazah dan juga Diploma serta SPM.

Untuk bidang perniagaan memang sebenarnya pihak lagi satu kementerian yang dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah pun melaksanakan usaha-usaha yang sangat gigih dan baik. Walau bagaimanapun dalam Skim Latihan Graduan, kita juga menawarkan satu kursus iaitu Kursus Keusahawanan. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapat melihat yang pihak kementerian telah menjalankan berbagai-bagai program ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua dipanggilkan, pihak kementerian *has performed the duty*. Tetapi yang pentingnya pihak kementerian seharusnya menguruskan produk ataupun *to manage the product* iaitu melihat apakah program-program latihan yang telah disertai oleh graduan-graduan yang tidak berpeluang mempunyai pekerjaan tadi, selesai sahaja latihan, apakah keputusannya selepas itu. Adakah pengurusan produk ini berlaku dan apakah *mekanisme* yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan selepas latihan, graduan ini mempunyai kerja dan mengurangkan masalah sosial iaitu pengangguran siswazah di negara kita. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang pihak kementerian melaksanakan usaha-usaha untuk mengkaji serta menyusul kembali apakah mereka yang keluar daripada latihan ini memperolehi pekerjaan. Terus terang saya katakan bahawa program yang telah dilaksanakan ini telah memberikan banyak faedah kepada graduan.

Sebagai contohnya, boleh dikatakan 85% sebelum dimasukkan praktikal program yang terdahulu semuanya mendapat pekerjaan. Bakinya 15% mungkin lambat sedikit. Yang dapat 85% pekerjaan itu dalam tempoh ataupun lingkungan enam bulan. Kemudian yang terbaru ini, pihak kementerian telah pun melaksanakan satu rancangan iaitu mengadakan *tracer study*. Bagi memastikan bahawa graduan-graduan ini akan memperolehi pekerjaan, bukan setakat latihan sahaja tetapi ada juga program-program yang 100% mendapat pekerjaan apabila mereka keluar seperti Sistem Kejuruteraan Microsoft, SISCO Certified Network Professional ataupun Rangkaian Profesional SISCO dan satu lagi Linux System Administrator ataupun Sistem Pentadbiran Linux ini, di samping yang satu lagi iaitu Laman Web dan juga Aplikasi tentang pembangunan.

Memang kita tidak biarkan pelatih-pelatih ini sekadar untuk mendapat latihan tetapi disusuli dengan kajian dan penganalisisan. Terima kasih.

9. Tuan Billy Abit Joo @ Abit Joo [Hulu Rajang] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan berapakah jumlah dan berapakah purata pelajar yang berasal dari kawasan Kapit, khasnya Balleh dan Belaga yang mengikuti kursus seperti bidang Perubatan, Pergigian, Kejuruteraan dan Arkitek bagi lima tahun yang lepas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa penuntut dari Kapit termasuk Balleh dan Belaga yang mengikuti kursus profesional terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan perubatan di IPTA dan IPTS adalah menggalakkan berdasarkan kepada statistik yang ada setakat ini, di mana seramai 341 penuntut dari Kapit sedang mengikuti kursus tersebut seperti:

- (i) Perubatan (1 orang) di Universiti Malaysia Sarawak;
- (ii) Kejuruteraan (5 orang) di Universiti Malaysia Sarawak;
- (iii) Kejuruteraan (1 orang) di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia;
- (iv) Kejuruteraan (1 orang) di Universiti Putra Malaysia;
- (v) Kejuruteraan (6 orang) di Institute Methodist Pilley, Sibu; dan
- (vi) Kejuruteraan Perisian (327 orang) di Institut Tinggi Abadi, Sibu.

Untuk maklumat Yang Berhormat, berdasarkan maklum dari PTPTN, semenjak tahun 2001 hingga 30 Jun 2005 didapati seramai 269 orang penuntut dari Kapit sedang mengikuti kursus sains telah mendapat pembiayaan dari PTPTN, pengkhususan ini termasuklah bidang profesional ataupun kritikal seperti perubatan, pergigian, kejuruteraan dan arkitek.

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa meneruskan usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi penglibatan pelajar luar bandar termasuk dari Kapit untuk mengikuti kursus-kursus di bidang profesional di IPTA. Sekian, terima kasih. .

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih di atas jawapan tadi. Dari jawapan tadi kita difahamkan agak menggalakkan juga jumlah pelajar yang ke peringkat tinggi. Tetapi di dalam senarai tadi ramai daripadanya adalah di kolej-kolej swasta bukan kolej kerajaan ataupun institut-institusi kerajaan. Soalan tambahan saya, apakah langkah sewajarnya yang dibuat supaya lebih ramai lagi anak-anak luar bandar di Sarawak seperti di Balleh dan di Hulu Rajang dapat masuk atau pun diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang seperti dalam soalan saya tadi? Setakat ini amat kurang, Tuan Yang di-Pertua.

Adakah pihak kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan ingin menambah dan mempertingkatkan lagi infrastruktur sekolah di luar bandar, *especially* di Bakun misalnya belum ada *secondary school* dan di SMK Belaga sangat sesak dan kekurangan. Di Hulu Rajang hanya ada beberapa buah *secondary schools* sahaja dan saya berharap kementerian akan memberi perhatian yang lebih kepada sekolah-sekolah di luar bandar seperti di kawasan saya.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian sememangnya sedar akan peningkatan kemahuan pelajar untuk menyambung pengajian di IPTA terutama sekali dalam bidang pengajian tinggi. Justeru itu kementerian dalam berapa perkara telah mengambil langkah-langkah seperti memberi pemahaman kepada pelajar berkaitan sistem pemilihan yang berpandukan meritokrasi dan dengan itu beberapa program *outreach* bersepadu bersama IPTA untuk menyampaikan maklumat yang jelas dan jitu mengenai tawaran program-program ke semua 17 buah IPTA dalam negara ini, 20 buah

politeknik dan 34 buah kolej komuniti tentang program-program seperti Sains Kesihatan Bersekutu, pengajian Hibrid Sains dan juga Kejuruteraan. Semoga calon-calon yang cemerlang daripada luar bandar juga boleh membuat pilihan bijak dalam permohonan kemasukan ke IPTA.

Selain daripada itu pihak kementerian juga membuka peluang pendidikan teknikal dan kemahiran di politeknik dan kolej komuniti yang dibina di kawasan luar bandar yang sememangnya memberi fokus penyertaan kepada pelajar luar bandar dalam bidang-bidang kejuruteraan.

Kementerian juga mengadakan penyelarasan dengan bahagian sekolah terutama sekali dengan Jabatan Pelajaran Negeri, Bahagian Pengurusan Politeknik dan Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti dan IPTA untuk membantu menyediakan "help desk" ataupun ruang bagi pemohon-pemohon untuk masuk ke IPTA mengetahui tentang cara-cara aplikasi melalui talian dan langkah-langkah proaktif kementerian untuk membantu pemohon yang menghadapi masalah mendapatkan kemudahan internet di luar bandar.

Akhir sekali berkenaan dengan Bahagian Sekolah, kita bersyukur kerana Menteri Pelajaran ada di sini – wakil dari Pelajaran ada di sini - untuk mengambil perhatian dalam bahagian dua. Terima kasih.

[Soalan No.10 - Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) tidak hadir]

[Soalan No.11 - Y.B. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) tidak hadir]

12. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina akan termasuk dalam program sekolah sepenuh masa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat program sekolah sepenuh masa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas kerana Kementerian Pelajaran Malaysia tidak pernah melaksanakan program sekolah sepenuh masa. Walau bagaimanapun jika program sekolah sepenuh masa yang dimaksudkan ialah sekolah satu sesi, maka Kementerian Pelajaran pada dasarnya mempunyai sasaran untuk menjadikan semua sekolah di seluruh negara beroperasi dalam satu sesi iaitu satu sidang sahaja.

Sehingga tahun 2005 Kementerian telah berjaya menyediakan 87.7% sekolah satu sesi pada peringkat rendah dan 60.6% pada peringkat menengah. Untuk merealisasikan semua sekolah menjadikan sekolah satu sesi, Kementerian Pelajaran Malaysia akan meningkatkan usaha menyediakan lebih banyak bilik darjah dan kemudahan pendidikan melalui pembinaan sekolah baru, bangunan tambahan dan gantian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah yang dikatakan satu sesi itu? Kalau melibatkan 100% sekolah tidak mengira aliran, berapakah jumlah peruntukan yang akan diberikan dan bilakah sasaran itu akan tercapai dan bagaimanakah ia dapat direalisasikan dalam tempoh terdekat kerana ini akan memberi satu impak yang agak kuat kepada sekolah-sekolah yang masih mengamalkan dua sesi iaitu sesi petang? Minta penjelasan. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, hasrat kerajaan adalah untuk menjadikan semua sekolah beroperasi satu sesi. Ini adalah sebab pengurusan sekolah satu sesi akan mempermudah pelaksanaan program-program kurikulum selepas waktu sekolah - selepas tengah hari. Tetapi ia memerlukan peruntukan yang lebih besar dan pada masa yang sama kami dapati bahawa sekolah-sekolah di kawasan bandar walaupun kami memulakan sebagai sekolah satu sesi tetapi memandangkan penduduk adalah padat - bilangan penduduk begitu ramai - selepas waktu sekolah-sekolah satu sesi pun menjadi sekolah dua sesi.

Dari segi peruntukan yang akan diperlukan, saya rasa ini memerlukan data terperinci dan saya memerlukan notis. Saya mohon supaya Ahli Yang Berhormat

mengemukakan soalan itu secara bertulis dan kementerian saya akan menjawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG

PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi mentadbir sistem insurans deposit di bawah akta ini dan bagi perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI

- **Draf Bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sarawak) 2005**
- **Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri Dalam Negeri Sarawak**

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Saya ada memberi notis untuk satu usul di bawah 18 (1). Apa keadaannya?

Tuan Yang di-Pertua: Esok.

Tuan Lim Kit Siang: Esok.

Tuan Yang di-Pertua: Esok akan dipertimbangkan. Sila Yang Berhormat.

11.09 pagi

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10 Jadual 13 kepada Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak 2005) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 23 Jun 2005 bersama dengan Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 8 Jun 2005 mengenai persempadanan bahagian-bahagian

pilihan raya Parlimen dan negeri dalam negeri Sarawak dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12 Jadual tersebut untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut diluluskan.”

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum menurut Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan Suruhanjaya Pilihan Raya adalah bertanggungjawab untuk mengulang kaji dan mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri pada lat tempoh tidak kurang daripada lapan tahun. Sesuai dengan kehendak peruntukan tersebut, Suruhanjaya Pilihan Raya telah menjalankan kajian semula bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi negeri Sarawak bermula pada 17 Januari 2005. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kajian semula terakhir yang dilakukan bagi negeri Sarawak ialah pada bulan Mac 1996.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya nyatakan pada awal tadi, tugas mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi negeri Sarawak ini adalah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya. Suruhanjaya Pilihan Raya di dalam menjalankan tugasnya untuk mengulang kaji dan mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihan raya perlu mematuhi kehendak Perlembagaan Persekutuan.

Di samping terdapatnya peruntukan berhubung dengan lat tempoh kajian semula yang perlu dipatuhi, Suruhanjaya Pilihan Raya juga telah mematuhi had tempoh kajian semula itu perlu disiapkan di dalam tempoh masa dua tahun selepas kerja-kerja dimulakan berpandukan kepada Fasal (9) dan (10) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Tugas persempadanan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bermula pada 17 Januari 2005 apabila notis pengesyoran persempadanan bahagian pilihan raya disiarkan kepada umum melalui akhbar tempatan yang diwartakan.

Sukacita saya memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya telah pun menyiapkan laporannya setelah mematuhi sepenuhnya prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Bahagian Kedua, Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu, syor-syor yang terkandung di dalam laporan itu adalah juga dibuat dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang terkandung dalam Bahagian Satu, Jadual yang sama.

Laporan kajian semula persempadanan ini telah diserahkan kepada saya pada 10 Jun 2005 sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 8 Jadual Ke-13 Perlembagaan Persekutuan. Laporan ini juga telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 35/2005 pada 23 Jun 2005. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat laporan persempadanan ini mengandungi enam bab iaitu Bab A hingga Bab F. Saya percaya laporan ini telah diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun, izinkan saya memberikan sedikit keterangan mengenai isi kandungan laporan tersebut.

Bab A – mengandungi maklumat-maklumat mengenai latar belakang yang menerangkan perkara-perkara bersabit dengan keadaan negeri Sarawak seperti bilangan pemilih, faktor *weightage*, kawasan luar bandar dan juga bahagian-bahagian pilihan raya yang sedia ada.

Bab B – ada diterangkan mengenai aspek-aspek penerangan, panduan tugas, purata pemilih dan kriteria pembahagian bahagian-bahagian pilihan raya yang dipersempadankan. Perkara yang penting di dalam Bab B laporan ini yang perlu saya sebutkan ialah berkaitan dengan unit kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri. Berhubung dengan apa yang diistilahkan sebagai unit-unit kajian-kajian semula, sukacita saya jelaskan bahawa mengikut Fasal (6) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, Malaysia telah dibahagiakan kepada tiga unit kajian semula yang berasingan iaitu negeri-negeri Tanah Melayu termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, kedua, negeri Sabah, dan ketiga, negeri Sarawak.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ulang kajian bagi unit kajian semula negeri-negeri Tanah Melayu termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dan negeri Sabah telah pun dijalankan pada tahun 2003 dan bahagian-bahagian pilihan raya yang dipersempadankan semula bagi unit-unit kajian semula Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah telah digunakan ketika Pilihan Raya Umum 2004 yang lepas.

Bagi maksud pilihan raya bagi bahagian-bahagian pilihan raya yang dipersempadankan semula oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk negeri Sarawak, setelah ia diluluskan kelak akan dapat dikuatkuasakan apabila Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan untuk pilihan raya Dewan Undangan Negeri. Sementara itu, bahagian-bahagian pilihan raya bagi Dewan Rakyat yang dikaji semula hanya akan berkuat kuasa apabila Dewan Rakyat dibubarkan.

Perlu diterangkan bahawa selagi dewan-dewan yang saya nyatakan tadi tidak dibubarkan atau tidak dengan sendirinya terubur maka selama itulah masih terpakai bahagian-bahagian pilihan raya yang telah dipersempadankan mengikut urusan persempadanan yang telah dijalankan pada tahun 1996.

Di dalam Bab B ini juga Suruhanjaya Pilihan Raya ada memberikan keterangan yang jelas mengenai kajian semula dan persempadanan yang telah dijalankan termasuk prinsip-prinsip persempadanan, daftar pemilih yang digunakan, purata bilangan pemilih purata, pemetaan serta keterangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan nama-nama bahagian pilihan raya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, daftar pemilih yang digunakan sebagai asas sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen (3) Bahagian Satu, Jadual Ke-13 Perlembagaan Persekutuan ialah daftar pemilih yang disahkan pada bulan November 2004.

Jumlah pemilih bagi negeri Sarawak mengikut daftar pemilih yang berkenaan ialah sebanyak 905,722. Angka ini merupakan 10.78% lebih daripada jumlah pemilih tahun 1966 apabila kajian semula dan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya negeri Sarawak yang terakhir dijalankan. Jumlah pemilih pada ketika itu ialah sebanyak 817,460. Satu perkara yang perlu diambil perhitungan juga ialah berkaitan dengan jumlah pemilih ini ialah purata pemilih bagi negeri Sarawak.

Mengikut laporan yang dibentangkan ini purata pemilih Parlimen ialah 29,217, manakala purata pemilih negeri ialah sebanyak 12,757. Di dalam laporannya, Suruhanjaya Pilihan Raya ada memberikan ulasan mengenai kesukaran yang dihadapi oleh pihaknya dalam usaha mengimbangkan pemilih bagi tiap-tiap bahagian pilihan raya berpanduan secara ketat kepada fakta purata pemilih.

Ini disebabkan oleh keadaan topografi dan demografi negeri Sarawak yang amat luar biasa menyebabkan bilangan pemilih yang diwujudkan bagi bahagian tertentu kawasan luar bandar khususnya kawasan-kawasan pedalaman adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya. Perkara ini memang tidak dapat dielakkan bagi negeri Sarawak memandangkan bahawa tumpuan penduduk adalah terhad kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja. Kesukaran yang timbul ialah dari segi mengimbangkan bilangan pemilih dan keluasan kawasan pilihan raya yang patut diwujudkan.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, negeri Sarawak dengan kawasan seluas 124,449 km persegi adalah negeri yang terbesar di Malaysia. Jumlah penduduknya kecil iaitu kira-kira 2.09 juta orang tidak setimpal dengan keluasan kawasan yang tertentu. Satu ciri demografi yang berbeza bagi negeri Sarawak ialah bahawa di samping konsentrasi penduduk yang besar di kawasan bandar terdapat taburan penduduk yang tinggal secara berkelompok di merata-rata kawasan pedalaman yang sukar dihubungi.

Masyarakat di kawasan-kawasan ini yang juga mempunyai hak yang sama untuk mengundi dan hak untuk memilih wakil. Perlu juga diletakkan di bawah bahagian pilihan raya tertentu. Namun demikian, untuk mengimbangkan jumlah penduduk dengan keluasan kawasan, maka Suruhanjaya Pilihan Raya telah cuba sedaya upaya bukan sahaja untuk menentukan bahawa terdapat bilangan pemilih yang berpatutan bagi satu-satu bahagian pilihan raya tetapi juga menentukan bahawa bahagian pilihan raya itu tidak begitu luas hingga menimbulkan kesukaran kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih kelak.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa di samping keadaan topografi dan demografi yang luar biasa yang terdapat di negeri Sarawak, satu faktor yang sukar diatasi tetapi memberi kesan dan mempengaruhi keputusan-keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya di dalam menentukan sempadan bahagian pilihan raya khususnya bagi

kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak ialah mengenai faktor pengangkutan dan perhubungan.

Sungguhpun terdapat banyak perubahan disebabkan oleh pembangunan yang pesat yang berjalan di negeri Sarawak sejak persempadanan terakhir dijalankan dalam tahun 1996, namun kekurangan kemudahan pengangkutan dan perhubungan masih menjadi faktor penghalang yang besar khususnya untuk mematuhi kehendak mewujudkan bahagian-bahagian pilihan raya yang ideal dari segi pentadbiran termasuk urusan perjalanan pilihan raya bagi bahagian-bahagian berkenaan. Sungai-sungai sama ada kecil atau besar masih menjadi saluran pengangkutan dan perhubungan yang utama di negeri Sarawak.

Dengan hal yang demikian, amatlah sukar bagi Suruhanjaya Pilihan Raya untuk benar-benar mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya secara memenuhi sepenuhnya kehendak prinsip yang terkandung dalam Jadual 13 Perlembagaan atau mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya yang kesemuanya dapat ditadbirkan dengan mudah dan berkesan oleh wakil-wakil rakyat yang akan dipilih kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bab C Laporan Persempadanan ini, terdapat maklumat mengenai syor-syor Suruhanjaya Pilihan Raya, notis-notis yang telah dipamerkan, rayuan-rayuan dan bantahan-bantahan yang telah diterima dan pindaan kepada syor-syor awal persempadanan semula yang telah dibuat. Apabila syor pertama persempadanan dipamerkan mulai 17 Januari 2005 hingga 17 Februari 2005, sebanyak 26 rayuan telah diterima.

Berikutan dengan ini, sebanyak 13 siasatan tempatan telah dijalankan di negeri Sarawak dalam bulan Mac 2005. Hasil daripada siasatan tempatan ini, beberapa pindaan telah dilakukan kepada syor awal persempadanan. Apabila syor persempadanan yang telah dipinda dipamerkan kali kedua pada 22 April 2005 hingga 22 Mei 2005 sebanyak sepuluh rayuan telah diterima.

Berikutan dengan ini, sebanyak lapan siasatan tempatan telah dijalankan pada 30 dan 31 Mei 2005. Dengan tindakan-tindakan itu, saya yakin bahawa rakyat di Sarawak telah diberikan peluang sepenuhnya untuk mengambil bahagian di dalam proses persempadanan ini seperti mana yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Ulasan-ulasan sepenuhnya mengenai rayuan-rayuan dan siasatan-siasatan yang telah dijalankan ada terkandung di dalam Bab E laporan itu.

Sementara Bab D di dalam laporan ini mengandungi perakuan-perakuan suruhanjaya mengenai bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi negeri Sarawak. Butir-butir lanjut mengenai segala perakuan Suruhanjaya Pilihan Raya ini adalah terkandung dalam Jadual 1 dan Jadual 2 kepada laporan ini dan peta yang menunjukkan semua bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri adalah seperti mana yang diberikan di dalam Bab Infrastruktur iaitu Jilid 2. Peta yang disediakan adalah berasaskan kepada peta asas yang paling kemaskinian yang mengandungi rangkaian jalan raya, sungai-sungai dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adalah bersependapat dengan saya bahawa kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak perlu dibuat bukan semata-mata sebagai menepati kehendak perlembagaan tetapi ia harus dijalankan memandangkan kepada perkembangan-perkembangan yang pesat yang berlaku di negeri Sarawak terutama dalam bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh kira-kira lapan tahun yang lalu.

Di samping itu, dengan adanya pertambahan bilangan penduduk dan bilangan pemilih yang pesat di negeri tersebut, maka pertambahan kawasan pilihan raya Parlimen dan negeri juga akan membuka peluang kepada rakyat Sarawak untuk mendapatkan perwakilan yang lebih seimbang dan berkesan. Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menyambut baik pengkajian semula dan persempadanan yang telah dijalankan itu dan memberi sokongan terhadap syor-syor yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya dari negeri Sarawak tentu masih ingat bahawa pada bulan Jun 2005, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meminda Perkara

14(2) Perlembagaan Negeri Sarawak. Pindaan ini memperlihatkan tambahan sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri bagi negeri Sarawak. Namun demikian, pindaan ini masih belum berkuat kuasa dan ia hanya akan dikuatkuasakan sebaik sahaja laporan dan perintah perlembagaan bahagian-bahagian pilihan raya negeri Sarawak ini diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Dalam urusan persempadanan negeri Sarawak ini juga, Suruhanjaya Pilihan Raya telah memperakukan tambahan tiga kerusi Parlimen dan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan hanya akan dipertimbangkan selepas urusan persempadanan ini selesai. Apabila berkuat kuasanya pindaan Perkara 14(2) Perlembagaan Negeri Sarawak dan Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan nanti, maka bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak akan menjadi 31 untuk Parlimen dan 71 untuk Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, draf Perintah Perlembagaan Bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak 2005 adalah dibentangkan bersama ini sebagai Kertas Statut Nombor 76 tahun 2005 dan sebelum saya mencadangkan supaya draf perintah itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa penghargaan kepada Pengerusi, ahli-ahli, pegawai-pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya yang telah bekerja dengan penuh dedikasi bagi menjalankan urusan kajian semula bahagian-bahagian pilihan raya dan seterusnya menyediakan laporan untuk dibentangkan di dalam Dewan ini dalam masa yang lebih pendek daripada yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu tadi terbuka untuk dibahas. Mambong.

11.26 pagi.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya mengenai Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak. Urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak telah pun dijalankan berlandaskan kepada peruntukan 113 Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan. Hasil daripada urusan persempadanan semula, seperti mana yang kita telah maklum sembilan kerusi di Dewan Undangan Negeri baru diperuntukkan dengan penambahan bilangan keseluruhan kerusi Dewan Undangan Negeri di Negeri Sarawak kepada 71 daripada 62 sebelum ini.

Jumlah keseluruhan kerusi Parlimen pula bertambah kepada 31 daripada 28 sebelum ini dengan tiga kerusi baru Dewan Rakyat diperuntukkan. Mengikut perenggan (ii) Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, lap tempoh di antara sesuatu kajian semula dalam urusan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya ialah tidak kurang daripada lapan tahun. Oleh itu adalah wajar urusan ini dijalankan kerana urusan semula telah pun dijalankan dalam tahun 1996 di mana penambahan bahagian pilihan raya Parlimen dari 27 kepada 28 dan penambahan bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri dari 56 kepada 62 adalah diasaskan kepada jumlah pemilih yang telah bertambah. Bilangan penduduk di negeri Sarawak kini mencecah 2.5 juta orang iaitu purata 20 orang untuk satu kilometer persegi. Sejak tahun 1996, terdapat pertambahan pemilih seramai 88,262 orang.

Di samping itu, dalam masa lapan tahun yang lepas, berlaku juga perpindahan penduduk dari satu bahagian pilihan raya ke satu bahagian pilihan raya yang lain. Ini memerlukan kajian semula dan persempadanan. Jumlah bilangan pemilih terkini di negeri Sarawak ialah 905,722 orang, hampir satu juta orang.

Sarawak adalah negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan kawasan 124,449 km persegi. Penduduk-penduduk terdiri daripada kira-kira 26 kumpulan etnik, tiada kumpulan etnik yang mempunyai bilangan lebih daripada 50% di Sarawak. Kumpulan etnik yang terbesar ialah kaum Iban yang merangkumi 29% daripada penduduk negeri Sarawak.

Di Parlimen kaum Iban diwakili oleh lapan orang Ahli Dewan Rakyat. Kaum Melayu Melanau pula yang merangkumi 28% daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Sarawak diwakili oleh tujuh orang Ahli Dewan Rakyat. Manakala kaum Bidayuh, saya sendiri yang terdapat 8% daripada penduduk Sarawak mewakili tiga kawasan Parlimen. Kaum orang Hulu pula diwakili oleh tiga orang Ahli Dewan Rakyat di Parlimen dengan bilangan penduduk kira-kira 5% daripada jumlah penduduk di Sarawak. Kaum Cina yang merupakan kira-kira 25% daripada penduduk Sarawak mewakili tujuh kawasan Parlimen.

Dari fakta-fakta yang saya sebut, ini menggambarkan bahawa rakyat di Sarawak berusaha untuk mewujudkan politik berbilang ataupun *plural politics*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Dr. James Dawos Mamit: Sri Gading, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini perkara berkaitan dengan Sarawak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini ada kaitan dengan kuasa di Parlimen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan sahaja menyokong, bahkan hendak mengucapkan tahniah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang masa untuk Yang Berhormat meminta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, akan sampai Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, tolong sabar sedikit Tuan Yang di-Pertua. Al-maklum Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: dan Mambong ini pakar Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: kalau tidak bersabar tentu tidak akan beri peluang kepada Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya. Tuan Yang di-Pertua sabar. Tuan Yang di-Pertua, bertanding MCA Tuan Yang di-Pertua? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang persidangan Dewan bukan *convention* MCA. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukanlah, fasal saya minat dengan Tuan Yang di-Pertua ini dan Tuan Yang di-Pertua salah seorang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, Yang Berhormat masuk MCA.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...pemimpin MCA yang bertanggungjawablah. Bukan sahaja menyokong malahan mengucapkan tahniah kerana Sarawak memang sepatutnya sebagai negeri yang terbesar di negara kita. Kalau tambah tiga Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua baru 31. Hari ini Parlimen kita ada 219, tolak Sabah - 25, ia akan menjadi dan dicampur dengan tolak Sarawak hari ini - 28, jumlah yang tinggal - 166 semuanya di Semenanjung.

Sedangkan Sarawak dengan Semenanjung lebih besar ataupun sama besar. Maknanya, dari segi keluasan geografi, Sarawak dan Semenanjung ini, Semenanjung ada 166, Sarawak baru 31, saiz sama Tuan Yang di-Pertua, jadi masih kurang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat boleh bahas nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, yang ini saya hendak tanya Mambong Tuan Yang di-Pertua, Mambong. Semua Ahli Parlimen di Parlimen ini akan menyokong, kecuali saya ingat Ipoh Timor, pembangkang akan membantahlah. Nombor satu dia takut Tuan Yang di-Pertua, 31 ini akan dimonopoli oleh Barisan Nasional. Ini dia akan cari jalanlah macam mana hendak bantah. Dia takut fasal.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan tiada untuk Yang Berhormat minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Mambong ini bagus Tuan Yang di-Pertua, dia faham sangat. Macam mana saya berliku-liku macam sungai Sarawak itu Tuan Yang di-Pertua, dia akan dapat jawab. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi tidak mengikuti peraturan mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa pula peraturan Tuan Yang di-Pertua. Memang apabila seorang Ahli Parlimen berdiri, kita dibenarkan untuk bertanya. Saya dalam sesi bertanyalah Tuan Yang di-Pertua. Semua akan menyokong kecuali.....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan mesyuarat. Kenapa heret saya dalam perkara ini. Saya pun belum ucap, belum jawab apa-apa. Kenapa heret nama saya dalam ini. Tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey. Saya tarik baliklah.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cuma saya ubah sedikit Tuan Yang di-Pertua, daripada Ipoh Timor kepada pembangkang. Pembangkang akan membantahlah Tuan Yang di-Pertua. Dia takut Barisan Nasional lebih kuat dan kerana di Sarawak Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional memang diterima oleh orang Sarawak.....

Tuan Chong Chieng Jen : Peraturan mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:kerana kepimpinannya Kerajaan Barisan Nasional.....

Tuan Chong Chieng Jen: Ingat saya belum ucap. Saya akan menyokong usul itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:di Sarawak. Apalah Kuching, Kuching duduklah!

Tuan Chong Chieng Jen: Sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan Kuching, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baiklah, Bandar Kuching. Kuching atau Bandar Kuching pun sama jugalah. Fasal kepimpinan Barisan Nasional di Sarawak telah menyempurnakan tugas dia dengan sangat baik. Saya hendak tanya ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sama ada dia bersetuju dengan Yang Berhormat atau tidaklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ambil Tuan Yang di-Pertua punya soalan kepada Mambong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya akan masukkan cadangan Sri Gading di dalam ucapan saya. Ini memang saya setuju. Saya tahu nanti Bandar Kuching memang akan menyokong laporan ini kerana pembangkang pun

ada peluang untuk bertanding tetapi keputusannya kita belum tahulah pada masa-masa akan datang. Biarlah saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam ciri-ciri kaum dan penduduk di Sarawak yang *multi-ethnicity* dan *multi-cultural*, dengan izin, pemeliharaan kestabilan politik amat penting. Justeru itu, kewujudan *plural leadership system*, dengan izin lagi, adalah satu rumusan yang amat baik untuk kestabilan dan imbalan politik di negeri Sarawak.

Pelbagai bentuk politik di dunia ini sekarang. Namun, saya ingin menyentuh identiti politik ataupun *politics identity*. Jika kita imbas sifat-sifat politik di Sarawak, ia seolah menggambarkan identiti politik ataupun politik bercorak identiti kerana;

- (i) Parti PBB berjuang untuk kepentingan masyarakat bumiputera. Kini dengan bilangan 11 orang Ahli Dewan Rakyat;
- (ii) SUPP berjuang untuk kepentingan masyarakat Cina. Kini ada enam orang Ahli Dewan Rakyat di Parlimen;
- (iii) Parti PRS yang timbul daripada pergolakan dalam PBDS berjuang untuk masyarakat Dayak, ada tiga orang MP di dalam Dewan ini;
- (iv) Parti SPDP pula yang timbul daripada pergolakan dalam SNAP. Sebuah parti *multi racial* terus memiliki sifat ini, ada tiga orang Ahli Dewan Rakyat juga di dalam Dewan ini; dan
- (v) DAP pula, walaupun bersifat *multi-racial* tidak menarik minat masyarakat bumiputera di Sarawak, ada seorang Wakil Rakyat di Dewan ini.

Identiti politik timbul kerana pengalaman yang dialami oleh ahli-ahli yang menubuh sebuah parti. Pengalaman ini kebiasaannya adalah pengalaman ketidakadilan. Tetapi kalau kita lihat di dalam sistem parti politik di Sarawak ia bukan menjurus kepada identiti politik tetapi dengan adanya *philosophy* dan konsep Barisan Nasional maka Sarawak mengamalkan politik pluralisme.

Philosophy dan skop identiti politik merangkum:

- (i) perjuangan dalam demokrasi Barat, di mana hak tempatan atau *indigenous rights* dan *regional self-determination*, dengan izin, tidak dipedulikan. Ini biasanya berlaku dalam konteks penjajahan;
- (ii) identiti politik sendiri yang mengambil kira nilai dan budaya hidup yang berbeza daripada masyarakat *mainstream*. Ini adalah satu *philosophy* dan skopnya.
- (iii) sifat *essentialism*, dengan izin, ini ialah berpegang kepada satu paksi yang dianggapkan satu daya pengikatan ataupun *binding force* di dalam identiti politik.

Di Sarawak seperti mana yang saya telah sebut tadi identiti politik dengan sifat-sifat yang telah disebut tadi memang bukan bentuknya. Segala sifat-sifat di Sarawak menjurus kepada imbalan politik berbilang kaum kerana ada 26 kaum terdapat di Sarawak.

Justeru itu maka kami di Sarawak ingin mewujudkan politik pluralisme dan tidak mahu lari daripada situ. *Philosophy* dan perjuangan dan sifat-sifat Barisan Nasional yang disertai oleh 4 buah parti politik di Sarawak berpegang teguh kepada *the art of governance*, dengan izin, *the art of governance* iaitu *a science that sensitizes opposing views into a higher level of understanding and practice*. Saya ingin menyebut ini sekali lagi *the art of governance* yang diamalkan di dalam Barisan Nasional ialah *a science that symbolizes opposing views into a higher level of understanding and practice*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah amalan Barisan Nasional yang mengambil kira permuafakatan ataupun *consensus building*. Saya lihat Barisan Nasional di negara kita termasuk juga di negeri

Sarawak seakan-akan berjuang untuk mentransformasikan politik ke arah paradigma baru. Dengan mewujudkan Islam Hadhari, paradigma baru dalam Barisan Nasional menggalakkan langkah *holistic* untuk menyediakan suasana *symbiosis* di mana kehendak diri kita sendiri dapat dirangkumkan dalam pembaharuan sosial sejagat. Ini adalah amat penting.

Jika, kita hanya mengira, *my own interest and not other people interest* maka sistem politik di mana-mana akan runtuh. Dalam pada ini rakyat yang berjaya, berilmu dan berpengetahuan seharusnya mengambil kira dan mengguna pakai prinsip-prinsip sosial dan *spiritual health above all else*, dengan izin. Ini adalah penting, prinsip-prinsip yang amat penting dan ia juga diamalkan di dalam Barisan Nasional.

Ada orang berkata semasa kita mengundi di pilihan raya, kita harus mengingatkan kita memperjuangkan nyawa diri kita sendiri. Justeru itu, saya menyarankan *if you are going to vote do it with your whole life because one's soul is no safer from oppression than one's lungs are safes from pollution and exploitation*.

Ini bermakna jika kita mengundi kita harus memikirkan bahawa kita memperjuangkan nyawa kita sendiri kerana nanti kalau salah sama juga akibatnya dengan paru-paru kita yang rosak kerana pencemaran dan penyakit-penyakit yang lain yang berhadapan dengan kita setiap hari.

Dengan kewujudan Islam Hadhari nampaknya hala tuju Barisan Nasional menumpu kepada a *new paradigm in transforming politics*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Paradigma baru memerlukan anjakan pemikiran *'involving a shift of our deepest assumptions of what it means to be a human being'*, dengan izin. Kita harus mengingatkan bahawa kita ini manusia dan anjakan di dalam pemikiran kita haruslah kepada politik paradigma baru, di mana politik sekarang haruslah ditransformasikan kepada politik baru yang mengirakan bukan keperluan kita sendiri tetapi keperluan masyarakat sejagat.

Bolehkah paradigma baru bertahan lama di dalam asas politik negara dengan adanya perkembangan pesat dalam bidang Internet? Internet ialah *player* baru di dalam arena politik di dunia ini. Kita harus melihat internet sebagai *player* kerana internet boleh mengubah bukan sahaja corak pemikiran tetapi corak dan sistem politik.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Dr. James Dawos Mamit: Boleh, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi kita dengar Yang Berhormat bagi Mambong mengenai politik *pluralism*, paradigma yang baru, politik *belonging*, bukannya benar bahawa di dalam politik Sarawak, satu masalah yang besar, yang berpanjangan, berdekad-dekad ialah rungutan, khasnya penduduk-penduduk di Sarawak daripada Iban, Bidayuh dan *population* Dayak bahawa mereka tidak menikmati tempat yang sewajarnya sama ada untuk menyertai dalam *sharing of the political cake and the economic cake* dan dibayangkan dengan begitu lama tidak ada seorang Iban yang menjadi Ketua Menteri dan ini bukan sahaja dibayangkan dalam masalah jawatan Ketua Menteri tetapi dalam *distribution of political power* melalui kawasan-kawasan Parlimen, kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri.

Bukankah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam persempadanan semula dalam ini, ini adalah masa di mana kita perlu kembalikan kedudukan di mana ada satu keseimbangan politik dan *economic distraction of power* yang lebih elok, lebih wajar, lebih adil kepada semua kaum, khasnya kepada Iban dan Dayak di Sarawak.

Dr. James Dawos Mamit: Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tentang *distribution of power*. Saya pun telah sebut tadi bahawa kaum Iban yang merangkumi 29% daripada penduduk di negeri Sarawak ada 9 orang Ahli Dewan Rakyat di sini dan kaum Melayu Melanau yang merangkumi 28% daripada rakyat negeri Sarawak ada 8 orang Ahli Dewan Rakyat di Dewan ini. Kalau kita lihat daripada imbalan dan komposisi *elected representative*. Ini bermakna kita membahagi-bahagikan *sharing of power* supaya politik di Sarawak lebih seimbang lagi.

Satu lagi jawatan Ketua Menteri. Di dalam Barisan Nasional di Sarawak, ini adalah daripada *consensus*. Kalau semua komponen parti Barisan Nasional bersetuju bahawa seseorang itu dilantik sebagai Ketua Menteri, dia dilantik kerana politik kita adalah bukan *partisan power struggle* ataupun *persecute of power*. Seperti yang saya telah sebut tadi, politik kita di Sarawak adalah *really the art of governance, the science that that sensitizes opposing views into a higher level of understanding*. Itulah politik kita di Sarawak.

Tetapi dengan perkembangan internet sekarang, ini adalah satu cabaran. Oleh itu transformasi politik yang bercorak *populism*, kemasyarakatan dan mempercepatkan *pluralisme* ataupun berbilang kaum, memang mungkin akan timbul pada masa-masa akan datang.

Di Amerika Syarikat, perkembangan pesat dalam internet boleh menukar struktur dan pengaruh-pengaruh parti politik. Internet boleh menyumbang kepada ciri-ciri kemasyarakatan yang membina syor-syor *order* yang kukuh dan internet boleh mempercepatkan *pluralisme* kerana isu-isu yang *fragmented*, isu-isu yang tersendiri di dalam sistem sekarang boleh diintegrasikan melalui pandangan-pandangan orang-orang yang minat dalam isu yang dimaksudkan tanpa penglibatan langsung oleh parti-parti politik.

Internet mengembang akses kepada maklumat-maklumat yang bercorak politik dan justeru itu dapat mempercepatkan penglibatan masyarakat dalam *mainstream* politik. Ini bermakna jika peluang wujud bagi rakyat untuk berhubung langsung dengan kerajaan, maka penglibatan mereka dalam politik semasa boleh mempengaruhi ramai lagi orang melalui internet. Di dalam mengulang kaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak, SPR telah pun mengambil kira banyak aspek termasuk penambahan bilangan pemilih, taraf pembangunan dan kewujudan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta maaf hendak ganggu sedikit. Bolehkah saya dapat tahu berapa lama lagi tempoh masa diperlukan oleh ucapan Yang Berhormat? Lebih kurangnya, satu jam atau

Dr. James Dawos Mamit: Saya perlu tidak lebih daripada lima minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. James Dawos Mamit: Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila, sila.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut lagi, di dalam mengulang kaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak, SPR telah pun mengambil kira banyak aspek. Ini termasuk

- (i) penambahan bilangan pemilih;
- (ii) taraf pembangunan dan kewujudan infrastruktur di banyak kawasan;
- (iii) faktor *weightage*. Ini membolehkan rakyat negeri Sarawak untuk mewujudkan seperti mana yang saya telah sebut, politik pluralisme di dalam politik negeri itu.

Namun peranan internet juga harus dilihat sebagai satu faktor yang perlu diambil kira pada masa-masa akan datang apabila kajian semula dan persempadanan semula kawasan-kawasan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dijalankan kerana perkembangan internet adalah satu-satunya yang tidak dapat kita hentikan lagi, ia terus berjalan dan pada masa akan datang, kemungkinan internet akan bercorak lebih berlainan lagi daripada masa sekarang dan ini memberi ruang kepada rakyat untuk berinteraksi bukan sahaja dengan wakil-wakil rakyat mereka tetapi sesama sendiri untuk melahirkan pandangan-pandangan tentang politik terkini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin bertanya sekarang, di dalam persempadanan semula, kenapalah kawasan Parlimen Mambong tidak dimasukkan dalam *exercise* itu.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit.

Dr. James Dawos Mamit: Silakan

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya ingin mendapat penjelasan yang lebih jelas daripada Yang Berhormat Mambong kerana saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi faktor internet ini perlu diambil kira. Adakah Yang Berhormat bagi Mambong berpandangan dengan adanya penggunaan internet yang meluas pada masa akan datang, ini bermakna bilangan kawasan pilihan raya ini perlu ditambah atau tidak perlu ditambah kerana rakyat mungkin boleh berhubung dengan wakil-wakil rakyat melalui internet dan tidak memerlukan hubungan yang secara personel. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih rakan dari mana tadi? *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Parit. Saya berpendapat bahawa dengan kemajuan internet ini lebih elok lagi jika kawasan Parlimen atau kawasan Dewan Undangan Negeri lebih diperkecilkan lagi kerana perhubungan melalui internet ini bermakna jika kita tidak berhadapan dengan memilih-pemilih kita, mereka akan hubungi kita dan justeru itu kalau terlalu ramai menghubungi kita dalam satu-satu masa, maka komputer kita juga akan mengalami satu kelemahan ataupun *jammed* di tengah jalan.

Itulah sebabnya saya berpendapat bahawa kawasan sekarang haruslah diperkecilkan lagi. Oleh itu tambah lagilah kawasan kerana di dalam politik dan kepimpinan adalah perlu jika lebih ramai lagi pemimpin-pemimpin ada supaya aktiviti-aktiviti pembangunan dan sebagainya boleh dipercepatkan dengan efisien. Itu adalah pendapat saya sendiri. Yang lain saya pun tidak tahu.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong laporan ini dan saya inginkan ia diwartakan dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mas.

12.00 tgh.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan mengenai Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri Sarawak.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat]**

Hasil daripada kajian semula yang dijalankan, pihak SPR telah mengenal pasti dan mencadangkan malah telah pun mengumumkan pertambahan kerusi DUN Sarawak sebanyak 9 kerusi menjadikan jumlah 71 kerusi kesemuanya dan kerusi Parlimen ditambah 3 kerusi menjadikan 31 kerusi.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada SPR di atas keprihatinan dan kesungguhan menjalankan tugas yang penuh bermakna untuk Sarawak dan rakyatnya. Bagi Sarawak yang luasnya hampir sama dengan Semenanjung Malaysia dapat menikmati kemajuan yang setanding dengan lain-lain kawasan dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan pesat sekarang, langkah yang diambil oleh SPR itu amatlah tepat, sesuai dan berpatutan. Walaupun dari segi bilangan penduduk, Sarawak belum mencapai kepesatan tetapi penduduk Sarawak telah meningkat daripada 1, 835, 588 orang dengan jumlah pengundi berdaftar sebanyak 817,460 orang pada tahun 1996 iaitu semasa kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya yang lepas dibuat kepada 2,009,893 orang dengan jumlah pengundi berdaftar sebanyak 9,005,722 orang sekarang. Ini bererti peningkatan penduduk sebanyak 174,208 orang dan pengundi berdaftar seramai 88,262 dalam tempoh 8 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya aspek lain yang diambil kira oleh SPR dalam kajian ini termasuklah aspek infrastruktur yang tidak lengkap, bermasalah perhubungan dan

lain-lain lagi dan dengan adanya persempadanan baru ini maka nasib rakyat di kawasan tertentu akan lebih terbela.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu bahagian pilihan raya yang terbabit dalam kajian semula di Sarawak kali ini ialah Parlimen Bukit Mas yang saya wakili. Daerah Limbang dan daerah Lawas yang jaraknya tidaklah terlalu jauh hanya 80 kilometer sahaja antara kedua-dua daerah tersebut tetapi terpisah oleh Wilayah Temburung Brunei menjadikan perjalanan agak rumit kerana memerlukan pasport dengan *endorsement* atau cap imigresen sebanyak 8 kali yang diperlukan dan proses ini terpaksa dilalui setiap kali membuat lawatan sama ada dari Limbang ke Lawas atau sebaliknya.

Juga Tuan Yang di-Pertua, setiap pilihan raya yang diadakan penamaan calon dipusatkan di Limbang sebagai pusat pentadbiran bagi bahagian Limbang. Pergerakan ahli-ahli politik dan penyokong-penyokong Barisan Nasional khasnya dari Lawas ke Limbang secara besar-besaran seperti ini menyulitkan pihak pengurusan dan penganjur selain dari memakan belanja besar dan masa terbuang. Dengan cadangan yang dibuat oleh SPR di mana kawasan Parlimen Bukit Mas sekarang akan dibahagikan menjadi dua iaitu Parlimen Limbang dan Lawas serta penambahan kerusi DUN Batu Danau di Limbang maka ini akan membawa perubahan menambah baik keadaan di Limbang dan Lawas selain mendapatkan keseimbangan peluang dan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Bukit MAS amat berterima kasih dan mengalu-alukan cadangan pihak SPR ini. Dari segi nama kawasan Parlimen baru, Tuan Yang di-Pertua kalau boleh dikekalkan nama Bukit Mas kepada Parlimen Limbang satu nama yang indah dan menjadi buah mulut termasuk Ahli-ahli Parlimen dan juga mencadangkan Parlimen Lawas diberi nama Gunung Murut, ataupun Murut sahaja iaitu gunung yang tertinggi di Sarawak dan terletak dalam kawasan DUN di Ba'kelalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan sedikit fakta yang terdapat di dalam laporan SPR iaitu mengenai kumpulan etnik yang terdapat di Sarawak. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak tidak terdapat etnik atau suku kaum Murut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, suku kaum Murut hanya terdapat di Sabah, suku kaum yang dikaitkan sebagai Murut di Sarawak adalah Suku Lun Bawang. Gelaran Murut kepada Suku Lun Bawang adalah peninggalan kerajaan British dahulu. Juga seperti kaum Iban dahulu digelar sebagai Sea Dayah, Bidayuh sebagai Land Dayak dan lain-lain. Saya berharap perubahan nama ini dapat diambil perhatian. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan SPR, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching.

12.06 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebuah sistem pilihan raya yang bersih bebas dan adil adalah jaminan terhadap demokrasi berperwakilan. Ini adalah satu mekanisme tunjang yang membenarkan warga-warga negaranya untuk melaksanakan hak mereka dalam penyertaan politik. Ia juga menjamin bahawa rakyat dapat betul-betul diwakili di dalam kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab SPR untuk memastikan bahawa proses-proses pilihan raya adalah bersih, bebas dan adil. Tugasnya hanya boleh dilaksanakan dengan berpatutan melalui penilaian tiga unsur yang penting yakni;

- *proportionate representation* (perwakilan perseimbangan)
- *popular participation* (pernyertaan popular)
- *transparency* (ketelusan)

Secara amnya ketiga-tiga unsur ini tidaklah diamalkan oleh SPR dalam urusan persempadanan ini. Berkenaan dengan usul pertamanya iaitu *proportional representation*. Ia adalah berlandaskan konsep *one person, one Vote*. Di bawah konsep ini pembentukan kawasan pilihan raya yang lebih kurang sama bilangan pilihan pemilih adalah amat penting untuk memastikan bahawa setiap undi yang dibuang membawa nilai yang sama. Adalah memeranjatkan saya bahawa di Sarawak jumlah pengundi di antara kawasan-kawasan

pilihan raya jauh tidak seragam. Kajian di antara kawasan Parlimen dan DUN-DUN seperti di bawah yang saya akan sebutkan nanti akan menunjukkan ketidakseragaman ini dari segi pemberatannya.

Dari segi bilangan pengundi dalam kawasan pilihan raya antara 6 buah kawasan Parlimen yang terkecil adalah seperti berikut;

Kawasan Parlimen	Bilangan Pengundi
Batang Sadong - P.200	17,141
Lubok Antu - P.203	17,658
Tanjong Manis - P.206	17,885
Egang - P.207	16,512
Ujong Rajang - P.216	17,217
Lawas - P.222	15, 913

Jumlah pengundi di 6 kawasan ini adalah 102,326 tetapi memandangkan 6 kawasan Parlimen yang paling besar di Sarawak ialah:

- (i) Bandar Kuching kawasan saya P195 bilangan pengundinya 54,802,
- (ii) Stampin P196 bilangan pengundinya 60,131,
- (iii) Lanang P211 bilangan pengundinya 48,682,
- (iv) Sibul P212 bilangan pengundinya 52,354,
- (v) Bintulu P217 bilangan pengundinya 49,774, dan
- (vi) Miri P219 bilangan pengundinya 52,827.

Jumlah pengundi di 6 kawasan ini adalah 318,570.

Ini jelas menunjukkan bahawa bagi setiap undi yang dibuang di 6 kawasan Parlimen yang terkecil ini adalah bernilai 3 hingga 4 kali lebih tinggi daripada nilai setiap undi yang dibuang di 6 buah kawasan Parlimen yang terbesar dan jikalau kita lihat kawasan DUN atau Dewan Undangan Negeri dan 6 buah kawasan DUN yang terkecil dari segi bilangan pengundinya adalah seperti berikut:

- (i) Sadong Jaya N19 bilangan pengundinya 7,084 orang,
- (ii) Sebuyau N22 bilangan pengundinya 7,187,
- (iii) Saribas N29 bilangan pengundinya 7,152,
- (iv) Belaga N56 bilangan pengundinya 6,880,
- (v) Batang Danau N68 bilangan pengundinya 7,005 orang,
- (vi) Bekalalan N69 bilangan pengundinya 6,314.

Jumlahnya 41,622 orang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen: berbanding dengan 6 kawasan DUN yang terbesar seperti berikut:

- (i) Bandungan N9 bilangan pengundinya 24,807,

(ii) N10 Pending 29,995,dan

(iii) Batu Lintang N.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini kita sebut Bandar Kuching, tidak boleh sebut Kuching ha?

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak mahu minta penjelasan inikah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak saya, saya panggil Bandar Kuchinglah.

Tuan Chong Chieng Jen: Belum habis penjelasan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ikuti perbahasan Bandar Kuching, betul ya? Bukan Kuching ya bandar Kuching, betullah? Cakap betullah kalau saya cakap betul.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tidak mahu kasi penjelasan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: OK, OK, OK.....

Tuan Chong Chieng Jen: *Abuse of the privilege given*, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak mahu minta penjelasankah Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak mahu kasi itu saya punya hak

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: OK lah tapi saya cuma mahu tanya

Tuan Chong Chieng Jen: kalau mahu penjelasan minta baik-baik jangan bermain-main di Dewan ini

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak mainlah saya mahu betul pasal Bandar Kuching dahulu saya sebut kuching *you* marah jadi saya cakap Bandar Kuching betulkah?

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak ada bacakah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagilah peluang saya.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak apalah, tidak apalah, nantilah, nantilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya mahu cakap dalam bidang yang awak sebutlah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Chong Chieng Jen: Selepas saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Aiseymen*, apalah.

Tuan Chong Chieng Jen: *Abuse of the right, abuse of the privilege given to you* dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Bandar Kuching.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apalah Bandar Kuching, bagi peluanglah saya.

Tuan Chong Chieng Jen: Bukit kawasan, DUN Bukit Asek N44...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah sila, Yang Berhormat Sri Gading sila duduk.

Tuan Chong Chieng Jen: 26,513 orang, Pelawan N47

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta satu kali lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi ha? OK, OK, terima kasih Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Guna baik-baik ha.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Seorang Ahli Parlimen yang baiklah. Baiklah, memang *you* baiklah. Saya ingat perbandingan yang Bandar Kuching bawa Tuan Yang di-Pertua tidak boleh jadikan hujah, bukan soal besar yang di katakan kawasan besar pengundi ramai.

Di Semenanjung ini Tuan Yang di-Pertua, Johor Bahru hendak dekat 150,000 pengundi. Pasal dia bandar raya Tuan Yang di-Pertua macam Bandaraya Kuchinglah, dia ini orang bandar raya Tuan Yang di-Pertua jadi kalau dia punya pengundi 60,000 kalau dibandingkan Bandaraya Johor Bahru apa benda?

Di Semenanjung kalau ambil contoh Sabah, Sabah ada kawasan cuma belas ribu untuk satu Parlimen. Kerana keadilan bagi seorang wakil rakyat dan juga keadilan kepada pengundi supaya mudah Sarawak ini al-maklumlah Tuan Yang di-Pertua kawasannya luas yang mana taburan penduduknya begitu rupa. Kalau dibahagi satu-satu kawasan itu besar maknanya seseorang wakil rakyat tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan yang itu penting ini yang Yang Berhormat Bandar Kuching hendak kena faham dan pengundi kita tidak dapat hendak mengadukan halnya kerana apabila terlampau besar kawasan dan pengundi terlampau ramai dan tidak munasabah dari segi perhubungan dia akan menjadi kerugian kepada rakyat.

Suruhanjaya Pilihan Raya membuat sesuatu sepadanan bagi memudahkan rakyat jadi apa yang dianjurkan atau diunjurkan atau dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ini telah mengambil kira semua pihak jadi kalau hendak menuduh Suruhanjaya Pilihan raya ataupun Rang Undang-undang ini tidak berlaku adil tidak kena Yang Berhormat Bandar Kuching. Jadi *you* beralih tempat lainlah kalau jangan *you* buat perbandingan ini kerana kalau dibandingkan dengan Sabah, kalau dibandingkan dengan Pahang.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya, saya, *I will determine the scope of my debate*, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Nanti saya ada akan tunjukkan Yang Berhormat dan Dewan ini bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Ada ketidaktelusan dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ini....

Tuan Chong Chieng Jen: Dalam persepadanan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habis, sudah habis duduklah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *Exercise* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi dia berucap, minta jalanlah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tadi saya sudah minta jalan dia sudah bagi lepas itu dia celah pula dia tidak boleh tahan hujah saya pasal itu dia tidak berapa bagi, ini pembangkanglah Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi jalanlah Yang Berhormat Bandar Kuching, hendak bagi jalankah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pembangkang ceritanya itulah ceritanya.

Tuan Chong Chieng Jen: Dia sudah, sudah, sudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: OK lah *you* jalanlah.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tahu, saya tahu soalnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti saya masuk lagilah.

Tuan Chong Chieng Jen: Dia menyoal kerana dia tidak sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Karang kita keluar hisap rokok sama-sama lah kopi *room* sana.

Tuan Chong Chieng Jen: Nantilah, nantilah selepas saya menjalankan tugas saya sebagai wakil rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bandar Kuching teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, untuk menjawab soalnya. Itu konsep *one person one vote* adalah satu *universal* konsep, tidak boleh kita kata kerana di Semenanjung sini tidak ikut itu konsep oleh itu, itu konsep tidak payah diikuti di kawasan Sarawak.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen: *Two wrongs does to not make one right*, itulah *universal query* dengan izin dan saya akan menunjukkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Mas.

Tuan Chong Chieng Jen: Nanti, nanti selepas saya menjawab. Ada satu kawasan di Sarawak yang keluasanya adalah lebih luas daripada kebanyakan kawasan lain Parlimen di Bintulu adalah ketiga terbesar keluasanya tetapi bilangan pengundinya adalah kelima terbanyak. Itulah tidak konsisten kerana itu Bintulu adalah kawasan yang pembangkang ada *chance* untuk menang oleh itu tidak di bagilah. Saya akan pulangkan kepada tajuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mas.

Tuan Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat daripada Bandar Kuching mengatakan pengundi di bandar itu banyak, memang banyak. Satu daripada faktor Tuan Yang di-Pertua, pengundi di bandar ini semakin hari semakin meningkat adalah oleh kerana rakyat di luar bandar itu berhijrah ke bandar-bandar khususnya di Sarawak itu seperti di Kuching, Sibu, Bintulu, Miri dan lain-lain.

Contoh di kawasan saya ini perhitungan yang dibuat lebih awal dahulu menunjukkan rakyat di daerah Lawas itu sendiri sahaja sebanyak 50,000 tetapi bilangan yang dibuat kemudian ini hanya 32,000 sahaja rakyat, bererti rakyat kita di luar-luar bandar itu termasuk di daerah Lawas yang disebutkan tadi dan daerah yang lain-lain di Sarawak banyak berhijrah ke bandar-bandar, pusat bandar termasuk di Kuala Lumpur ini.

Oleh itu satu persoalan di sini yang selalu dipersoalkan oleh sesetengah pihak, adakah Yang Berhormat bersetuju penambahan kerusi bagi kedua-dua negeri dan Parlimen di Sarawak merupakan infrastruktur yang perlu untuk luar bandar itu sendiri. Satu persoalan yang saya katakan tadi orang bertanya apa dahulu, ayam dahulukah atau telur dahulu? Sebab sepatutnya telur yang dahulu baru ada ayam itu kemudian. Begitu juga halnya dengan pengundi ini. Dengan adanya infrastruktur yang lengkap di luar bandar, saya percaya rakyat yang sudah berhijrah termasuk yang akan bertambah di kawasan-kawasan tertentu akan meningkat. Adakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bersetuju?

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, saya memang setuju. Tetapi perbandingan ayam dengan telur dan pembinaan infrastruktur dengan jumlah pengundi itu tidak tepat kerana saya selalu menyokong bahawa pembinaan infrastruktur di luar bandar haruslah dibuat dan tidak tahu siapa punya salah. Semenjak kita mencapai kemerdekaan negara kita adalah ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional, tetapi sehingga sekarang masih banyak masalah infrastruktur tidak dibina di luar bandar, bekalan air, bekalan *electricity* tidak ada di luar bandar dan luar bandar itu kawasan yang memang kuat menyokong Barisan Nasional. Adakah *what they get in return*? Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya sambungkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Petrajaya, Yang Berhormat Petrajaya bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagilah!

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching jiran saya. Saya hendak balik sedikitlah. Yang Berhormat Bandar Kuching mengatakan bahawa wujudnya ketidaktelusan oleh SPR dalam pengagihan ataupun persempadanan yang baru berlaku ini. Sebagaimana yang kita tahu peruntukan perundangan yang dijalankan dengan jelas termasuk prosedur telah dijalankan dengan jelas. Maknanya pameran pemberitahuan semuanya telah dijalankan dengan jelas dan hak kepada sama ada persetujuan persempadanan terletak kepada para pengundi. Maknanya bila SPR telah mempamerkan kepada pengundi misal kata di Bintulu atau di Bandar Kuching, hak untuk bersetuju atau tidak bersetuju terletak pada pengundi bukan terletak pada kita sebagai wakil rakyat.

Pengundi telah menyuarakan pendapat mereka dan menyokong tentang pandangan-pandangan ini. Bagaimanakah kita menyatakan tidak wujudnya ketelusan dalam apa yang telah dijalankan dan di sini pameran telah dibuat dua kali dan mereka telah menyuarakan pandangan dan pendapat mereka, dan SPR telah mengambil kira menimbang, menilai barulah mereka mengemukakan laporan ini. Adakah kita adil menyatakan ketidaktelusan wujud. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya ada mengatakan ada tiga usul iaitu *propositional representation*, *popular participation* dan ketelusan iaitu *transparency*. Saya belum ingat sana, *transparency*.

Untuk menjawab nanti saya akan menunjukkan kepada Yang Berhormat apakah ketidaktelusan yang saya sebutkan dan untuk menjawab soalan Yang Berhormat, perkataan itu ada pameran dan ada peluang diberi kepada pengundi-pengundi untuk memberi bantahan. Ada perbezaannya di antara *formal transparency* dan *substantive*

transparency seperti *formal justice* dan *substantive justice*. *Formal transparency* adalah pada mukanya *transparent*, tetapi di bawah operasinya tidak *transparent*. Itulah perbezaannya *formal transparency* dan *substantive transparency*. Baik, saya akan balik kepada ucapan saya.

Untuk kawasan Bukit Assek N44 bilangan pengundinya 26,513. Pelawan N47 bilangan pengundinya 22,211 dan Kidurong N58 bilangan pengundinya 23,321 dan bilangan pengundi di enam kawasan ini adalah 151,771. Ketidakeragaman ini telah mengakibatkan kesan berikut iaitu:

Yang pertama setiap undi yang dibuang di enam kawasan DUN yang terkecil ini adalah bernilai tiga hingga empat kali tinggi nilainya daripada setiap undi yang dibuang di enam kawasan DUN yang terbesar, dan semua enam kawasan itu yang terbesar baik kawasan Parlimen ataupun kawasan DUN majoriti pengundinya adalah kaum Tionghoa. Ketidakadilan ini nampaknya tidak mendorong konsep *proportionate representation* bagi kaum Tionghoa dalam proses pilihan raya.

Saya akan bandingkan di antara bandar dengan semi bandar. Terdapat perbezaan besar di antara saiz kawasan pilihan raya di kawasan bandar dan separa bandar contohnya perbandingan di antara N8 Satok. Bilangan orang pengundinya adalah 11,302 orang dengan N9 Padungan bilangan pengundinya adalah 24,8407 orang. Kedua-dua kawasan itu Satok dengan Padungan yang terletak bersebelahan di antara satu sama lain di dalam metropolitan Kuching. Ini menunjukkan bahawa satu undi di Satok adalah bernilai dua kali daripada satu undi di Padungan dan perbandingan di antara N48 Nangka yang pengundinya seramai 12,522 dengan jirannya N44 Bukit Assek 26,513 orang pengundi di Sibul, dan menunjukkan bahawa satu undi di Nangka adalah bernilai dua kali daripada satu undi di Bukit Assek. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan dalam pemberatan undi.

SPR mempunyai hak untuk menentukan sempadan kawasan pilihan raya, tetapi ianya perlulah digunakan dengan sebaik-baiknya supaya SPR sendiri berfungsi sebagai satu badan yang betul-betul *independent* dan tanpa pilih kasih.

Fungsi SPR yang utama adalah untuk membentuk kawasan pilihan raya yang sama saiz, nombor dan struktur kawasan pilihan raya seharusnya berkadaran dengan penambahan populasinya. Dalam erti kata yang lain populasi sepatutnya menjadi kriteria utama dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya terutama dalam sistem pemilihan "*The First Past the Post*" di Malaysia.

Kita mempunyai beberapa cadangan. Cadangan yang pertama ialah menghadkan saiz kawasan pilihan raya. Dengan mengambil perhatian terhadap keadaan geografi di Sarawak tanpa melalaikan kepentingan perwakilan keseimbangan. Kami mempercayai dan mengesyorkan supaya SPR seharusnya menyempadkan kawasan pilihan raya dalam cara di mana setiap kawasan Parlimen sepatutnya harus mempunyai bilangan pengundi 25,000 orang minimum dan tidak seharusnya melebihi 35,000 orang pengundi, dan setiap kawasan DUN sepatutnya harus mempunyai bilangan pengundi 10,000 orang minimum dan tidak seharusnya melebihi 20,000 pengundi.

Dengan laporan kajian semula persempadanan yang dibentangkan ini walaupun ia disebut bahawa purata pemilih satu kawasan Parlimen adalah 29,217 orang dan purata pemilih kawasan DUN adalah 12,757. Jika kita meneliti kawasan-kawasan yang disempadankan 21 daripada 31 kawasan Parlimen di Sarawak, iaitu 68% mempunyai jumlah pengundi kurang daripada 29,217 orang dan 44 daripada 71 kawasan DUN di Sarawak iaitu 62% mempunyai jumlah pengundi kurang daripada 12,757 orang. Ini adalah tidak sejajar dengan konsep demokrasi keadilan dan konsep *proportionate representation*.

Berkenaan dengan kawasan Stampin, ia adalah baik kerana SPR dalam laporan ini membentuk satu kawasan DUN yang baru iaitu Kota Sentosa N12. Tetapi dengan pembentukan satu kawasan DUN bagi kawasan Parlimen Stampin adalah tidak mencukupi kerana memandangkan kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan Parlimen Stampin dan jiran kawasanya Bandar Kuching, SPR seharusnya menyempadankan sebuah lagi kawasan DUN di kawasan Parlimen Kuching dan di samping itu SPR juga seharusnya

membentuk satu lagi kawasan Parlimen hasil cantuman kawasan Stampin dan Bandar Kuching.

Sekiranya terdapat penambahan satu kawasan Parlimen dan saiz purata kawasan Stampin, Bandar Kuching dan kawasan baru itu akan lebih kurang 38,300 pengundi. Untuk kawasan Parlimen Lanang dan Sibu P211 dan P212. SPR harus mempertimbangkan kepadatan penduduk yang tinggi dengan perwakilan yang tidak adil dan tidak seimbang dengan menyempadankan sebuah lagi kawasan Parlimen di Lanang dan Sibu supaya bilangan pengundi setiap kawasan berada dalam lingkungan 33,000 orang pengundi.

Satu kawasan DUN sepatutnya dibentuk untuk memastikan purata bilangan pengundi satu kawasan adalah di antara 16,800 orang. Merujuk kepada kawasan Bintulu. Kawasan Parlimen Bintulu merupakan satu kes yang paling tidak adil dan menunjukkan aplikasi prinsip persempadanan yang tidak konsisten dan tidak ketelusan. Tiada sebarang persempadanan semula dilakukan untuk Bintulu. Ini adalah tidak adil kepada rakyat Bintulu. Memandangkan keadaan geografi dan peningkatan bilangan penduduk khususnya di kawasan DUN N58 Kidurong, maka ianya perlu di sempadan semula. N57 Jepak dan N59 Kemena seharusnya di sempadan semula untuk membentuk sebuah kawasan Parlimen yang baru dengan 26,450 orang pengundi.

Kawasan DUN Kidurong sepatutnya dibahagikan kepada dua kawasan DUN untuk membentuk sebuah kawasan Parlimen yang baru dengan jumlah pengundi sebanyak 23,321 orang. P217 Bintulu mempunyai jumlah pengundi sebanyak 49,774 orang. Bilangan ini adalah amat tinggi. Angka ini melebihi angka purata pemilih Parlimen dengan 70%. Sekiranya 21,530 orang pengundi boleh membentuk satu kawasan Parlimen di Sibuti P218, maka tiada sebab mengapa Kidurong yang mempunyai 23,321 orang pengundi dengan keluasan tanah yang sama tidak boleh. Kekurangan, ketelusan dan konsistensi SPR adalah amat jelas terlihat dalam kes berkenaan kawasan Bintulu.

SPR ada menjelaskan dalam laporannya bahawa persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya adalah bergantung kepada dua ciri, iaitu bilangan pemilih dan keluasan kawasan dalam muka surat 24.2 seperti mana yang telah diterangkan purata bilangan pemilih menjadi asas penting yang mempengaruhi jumlah serta keluasan bahagian-bahagian pilihan raya ini untuk menentukan tidak terdapat perbezaan jumlah pemilih yang besar di antara satu bahagian pilihan raya dengan bahagian pilihan raya yang lain, melainkan bagi bahagian-bahagian pilihan raya tertentu di luar bandar dan kawasan pedalaman di mana pendekatan perlu diberikan juga kepada keluasan kawasan.

Saya ingin bertanya apakah kriteria yang dipertimbangkan. Atas apa garis panduan yang digunakan dalam kes persempadanan kawasan Bintulu. Keluasan kawasan Bintulu adalah 10,024 kilometer persegi dan jumlah pemilihnya adalah 49,774 orang sementara keluasannya adalah yang ketiga besarnya di Sarawak maka bilangan pemilihnya adalah kelima terbanyak. Saya akan membuat perbandingan dengan Mas Gading P.192, Batang Sadong, Batang Lupar, Lubok Antu, Bentong, Seratok, Tanjung Manis, Igang, Jurau, Kanowit, Mukah, Selangau, Kapit, Siputeh, Limbang dan Lawas ke semua bahagian-bahagian kawasan Parlimen tersebut mempunyai keluasan kawasannya yang lebih kecil daripada keluasan Bintulu, tetapi pada masa yang sama bilangan pemilih bagi setiap kawasan itu adalah hanya separuh atau kurang dari separuh jumlah pemilih di kawasan Bintulu. Kenapakah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya memang terhutang budi kepada Yang Berhormat Bandar Kuching kerana banyak membuat *research* berkenaan dengan perangkaan tetapi saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bandar Kuching mengapa pula Yang Berhormat dia hanya menjurus ke arah bilangan pengundi, tetapi bukannya telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita memang ada faktor-faktor lain dalam menentukan *delimitation constituency*, dengan izin, iaitu kita kena ambil kira juga perkembangan pembangunan prasarana,

pengangkutan, pertumbuhan pusat-pusat perkembangan ekonomi dan juga banyak faktor-faktor lain di dalam Jadual ke-13 Perlembagaan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen: Bilangan pemilih itu dan keluasan kawasan merupakan dua kriteria yang paling penting disebutkan oleh SPR dalam laporannya. Dalam kes Bintulu yang saya sebut tadi adalah sangat jelas bahawa prinsip yang disebut dalam laporan itu tidak diikuti, tidak di *apply* dengan konsistennya. Oleh itu, kenapa kawasan Bintulu tidak disempadankan semula dalam *exercise* ini. Adakah kerana di kawasan ini terdapat sokongan yang kuat terhadap pembangkang dan di kawasan ini pada masa sekarang salah satu kawasan DUN di dalam kawasan Bintulu iaitu Kidurong

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Mambong.

Tuan Chong Chieng Jen: ... sedang dipegang oleh parti DAP.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan Bandar Kuching. Di dalam SPR menjalankan kajian semula dan persempadanan pelbagai faktor diambil kira. Namun, faktor-faktor yang diguna pakai di dalam *any natural system*, dengan izin, termasuk statistik susah kita untuk melaksanakannya. Oleh itu, saya yakin memang SPR menggunakan *standard deviation*, *analysis of variance* dan sebagainya kerana di dalam muka surat 6 SPR telah pun menyebut faktor *weightage* bagi kawasan luar bandar dan walaupun faktor *weightage* diberikan di kawasan luar bandar untuk mengaplikasikan rumusan statistik, ini pun amat sukar. Oleh itu *standard deviation* dan *analysis of variance* dan sebagainya haruslah diguna pakai dan untuk menerima atau mengguna sepenuhnya ini adalah satu kesulitan. Itulah sebabnya perbandingan bilangan pengundi di kawasan luar bandar, di kawasan bandar dan bilangan pengundi dan keluasan kawasan lain lagi memang sukar untuk di *synchronize*. Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Tetapi di kawasan Bintulu terdapat juga banyak kawasan di dalamnya tidak dapat sampai oleh kereta. Kalau awak meneliti peta yang disediakan oleh SPR di mana ia juga meliputi kawasan pedalaman dan kebanyakan kawasan pedalaman Bintulu tidak ada jalan, mesti pakai *long boat* baru dapat sampai. Soalan saya ialah kenapa Bintulu tidak diberi satu kawasan lagi dan kalau kita berkata mengenai infrastruktur, saya akan beri satu perbandingan yang jelas menunjukkan bahawa kekurangan ketelusan dan ketidakadilan yang tidak *consistency* oleh SPR dalam kajian ini. Kalau kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya juga ingin menyentuh Bintulu. Kalau kita lihat daripada tiga Dewan Undangan Negeri di Bintulu ia termasuk Jepak, Kidurong dan Kimana. Memang Kimana adalah kawasan luar bandar dan kalau kita lihat daripada bilangan pengundi adalah jauh kurang ataupun kurang daripada Kidurong kerana Kidurong adalah kawasan bandar dan separa bandar. Tetapi walaupun ia demikian oleh kerana kebudayaan rakyat iaitu masyarakat Iban yang kebiasaannya tinggal di tebing sungai, bukankah sungai itu dianggapkan satu infrastruktur yang baik di mana wakil rakyat boleh sampai kepada para pengundi ataupun rakyat dengan agak senang sikit.

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau mengikut ucapan dan *argument* Yang Berhormat, kerajaan tidak perlu bina jalan raya kepada kawasan pedalaman. Ya, dahulu mereka guna sungai kerana tidak ada jalan raya. Sungai itu *winning here and there* ambil masa yang lebih panjang tetapi kita boleh buat jalan terus sahaja *straight one point to one point* iaitu jarak yang terpendek di antara dua titik. Saya akan tunjukkan

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Adalah Yang Berhormat daripada Bandar Kuching bersetuju bahawa selain daripada asas kriteria-kriteria yang ada disebut dalam laporan SPR untuk

digunakan semula kawasan-kawasan pilihan raya adalah kriteria-kriteria yang tersurat dan tersirat dan tidak diakui oleh SPR tetapi kita semua tahu ia digunakan the hidden agenda dalam persempadanan semula kawasan-kawasan yang itulah bagaimana untuk boleh memperkukuhkan dan memperkuat peluang kemenangan Barisan Nasional dalam kawasan-kawasan tertentu, itulah agenda yang tersurat dan tersirat dan ini sungguhpun tidak patut menjadi kriteria untuk SPR kalau SPR benar-benar bebas, benar-benar *transparent* tetapi *Election Commission* di Malaysia tidak bebas dan tidak *autonomous*. Mereka ialah a *creature* Barisan Nasional sahaja untuk memenangi kawasan-kawasan tertentu dan semacam Bintulu yang ada disebut semacam dalam persempadanan semula dalam Semenanjung Malaysia.

Kawasan Jeli di Kelantan adalah contoh yang baik tujuan ialah bagaimana untuk memperkuat kemenangan calon Barisan Nasional di mana sekarang Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri dalam kawasan itu dan mengabaikan semua ciri dan kriteria dan ada banyak kawasan kita boleh sebut ini pun berlaku dalam Sarawak. Beranikah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang ada di sini mengatakan beliau tidak pernah atau kerajaan Sarawak tidak pernah memberi pandangan bagaimana boleh menukar kawasan-kawasan ataupun persempadanan kawasan-kawasan supaya Barisan Nasional dapat peluang kemenangan dengan lebih besar. Ada *interference*, campur tangan dalam persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya. Adakah berani Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berdiri kata tidak ada campur tangan.

Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Ya, Yang Berhormat Kota Samarahan.

Tuan Lim Kit Siang: Melalui apa adakah benar menyampaikan pandangan sendiri atau melalui [Bercakap tanpa pembesar suara].. Barisan Nasional, bagaimana untuk mempersempadankan kawasan-kawasan tidak pernah. Adakah satu *open commission enquiry* sama adaberanikah semacamnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, bukan Yang Berhormat hendak minta penjelasan daripada

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya minta penjelasan ya. Minta penjelasan.

Puan Chong Eng: Mana berani.

Tuan Chong Chieng Jen: Itulah saya kata tadi ada *on the face transparency* tetapi benar-benar *substantive transparency* tidak ada kerana ada *hidden agenda* sebagai mana Yang Berhormat dari Ipoh Timor kata. Saya beri satu lagi contoh yang kedua yang jelas menunjukkan kekurangan ketelusan dan *consistency* SPR dalam kajian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kemaman bangun, nak bagi jalan?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekiranya ada yang menganggap bahawa perubahan sempadan itu bertujuan untuk memberikan kemenangan kepada parti yang tertentu khususnya parti yang memerintah, saya ambil contoh dalam pilihan raya yang lepas di negeri Terengganu.

Di negeri Terengganu tidak ada satu kawasan pun yang diubah walaupun sepatutnya sudah sampai waktunya ada *exercise* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, perubahan persempadanan kembali dalam negeri Terengganu kecuali di Hulu Terengganu ada sedikit perubahan dibuat atas dasar faktor kependudukan dan *accessibility*. Tidak ada satu pun kawasan baik pun di Kemaman, di Dungun, di Besut dan di Kuala Terengganu tidak ada langsung perubahan dari segi persempadanan tetapi sampai pilihan raya Barisan Nasional menang, bukan menang kecil tetapi menang besar. Ertinya ada waktunya kalau pembangkang kalah terimalah kekalahan kerana rakyat telah menolak dia bukan kerana sempadan. Jadi itu soalan saya.

Tuan Chong Chieng Jen: *Argument* Yang Berhormat itu adalah sangat sempit [Disampuk]. Satu pilihan raya sama ada kalau dia menang atau kalah ada banyak unsur. Terengganu dahulu adalah Anwar faktor, Barisan Nasional *lost*. Sekarang 2004 dia tidak ada. Ada ciri-ciri lain lagi dan persempadanan merupakan satu ciri yang besar dalam pilihan raya sama ada kamu akan menang atau kalah.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Mambong. Hendak beri jalan yang mana satu Yang Berhormat? Mambong sila.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dr. James Dawos Mamit: Penjelasan. Janganlah boleh beri jalan dengan bos dahulu, saya yang berdiri dahulu.

Tuan Chong Chieng Jen: Nanti beri kamulah. Sekarang saya beri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, sila Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Kepada Kemaman ada timbul satu perkara yang mungkin Yang Berhormat Bandar Kuching tidak begitu tahu apa yang berlaku. Benar apa yang berlaku tidak ada perubahan persempadanan kawasan pilihan raya yang besar dilakukan dalam *exercise* baru-baru ini tetapi ini bukan bererti tidak ada *gerrymandering* dan *hanky-panky* dalam Terengganu dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa saya ada di sini satu laporan pakar-pakar yang ada buat mengenai kawasan persempadanan dalam *last exercise* dan mereka berkata bahawa adalah *hanky-panky* dalam *delineation* di Kelantan, di Selangor, di Johor, di Penang, di Negeri Sembilan tetapi tidak ada di Terengganu.

Dia berkata satu kajian dibuat, betul tidak ada berlaku di Terengganu, oleh kerana dengan izin, Terengganu's *situation was complex, primarily involves voters not the delineation*. *Gerrymandering* mengenai *voters* pengundi-pengundi, pengundi-pengundi hantu, *phantom voters* yang banyak. Kawasan-kawasan yang lebih daripada 95% *turn out*, dan ada negeri-negeri di mana cara-cara digunakan untuk menang melalui cara yang kotor yang tidak demokratik sama ada *delineation* atau melalui *gerrymandering* dan *hanky-panky* dengan pengundi-pengundi, pemilih-pemilih. Mungkin Yang Berhormat bagi Terengganu atau PAS lebih arif dalam perkara ini. Ini tidak bererti bahawa tidak ada *hanky-panky* dan *dirty politics*, *electoral politics* dalam Terengganu.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, saya memang setuju. Persempadanan itu merupakan salah satu daripada taktik-taktik yang kotor, penipuan Barisan Nasional. Taktik kedua adalah *money politic*, UMNO 'pakar'. [Ketawa] Terdapat Menteri kena ditangkap.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kemaman bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Tadi dia bagi tahu bahawa di Terengganu tidak ada *gerrymandering*, tidak ada persempadanan dibuat dengan alasan untuk menyokong ataupun memberi keuntungan kepada mana-mana parti, dan PAS kalah teruk hanya menang empat kerusi di sana. Sekarang ini timbul dia kata bahawa betul tidak ada *gerrymandering* pembangkang kalah juga. Sekarang ada *hanky-panky*. Semua orang boleh cakap. Kalau saya kata sekarang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ada *hanky-panky* dibuat oleh DAP. Yang Berhormat Batu Gajah buat, Bandar Kuching semua orang boleh cakap - *hearsay*. Tolong sebutkan Terengganu apa dia *hanky-pankynya*, mana kawasannya siapa penghuninya, berapa ramai yang dibawa di sana? Sebut sekarang juga.

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau mahu saya sebut, kita menyeru SP untuk menyiasat, beranikah? Itu bukti *money politic*, bukan saya bercakap sahaja, Perdana Menteri juga cakap, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada cakap. Dalam UMNO ada *money politic* dan ada orang yang akan dipecat kerana *money politic*, itulah bukti. Kalau ada *money politic* dalam parti, memang seharusnya dan *money politic* dalam pilihan raya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang bangun. Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat bagi Mambong.

Tuan Chong Chieng Jen: Itulah satu *logic of induction*, tahukah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat bagi Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kerana memberi laluan ini. Apa yang disebut-sebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, *hanky-pankylah involve voters*lah dan bukan persempadanan ini. Apa yang ditakutkan? Tadi saya sudah sebut, semasa saya berbahas. Saya mengatakan bahawa DAP adalah satu parti yang multi *racial*, itu betul, satu prinsip yang betul.

Jikalau DAP satu parti yang multi *racial*, persempadanan ini walaupun kawasan di luar bandar memang kawasan bumiputera, kerana masyarakat bumiputera tinggal di kawasan luar bandar. Kalau DAP mahu bertanding di kawasan luar bandar, silalah bertanding di kawasan luar bandar. Janganlah menggunakan persempadanan sebagai satu taktik untuk Barisan Nasional menang di dalam pilihan raya. Kita lihat dari segi 'tourism' politik. Ini yang harus kita lihat sekarang, supaya di masa akan datang rakyat tidak mengira lagi bahawa saya daripada parti PBB Yang Berhormat daripada DAP. Masuk sahajalah di dalam semua kawasan. Yang Berhormat, bolehkah masuk di dalam semua kawasan?

Tuan Chong Chieng Jen: Saya memang tidak boleh masuk di dalam Barisan Nasional. Itu 'tourism' politics itu memang betul, saya bersetuju. Tetapi sekarang mesti mengakui bahawa ada jurang perbezaan di antara tahap pendidikan penduduk di kampung, luar bandar dan tahap pendidikan penduduk di bandar raya. Di bandar raya mereka dapat akses kepada lebih banyak *information* - maklumat. Oleh itu mereka lebih memahami tentang konsep demokrasi dan berbanding dengan di luar bandar, penduduknya tiada ICT yang canggih tidak dapat mengakses kepada informasi-informasi yang terkini. Oleh itu, lebih senang tertipu oleh Barisan Nasional semasa pilihan raya...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Yang Berhormat bangun.

Tuan Chong Chieng Jen: Oklah, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching ini dia termasuk dalam kategori 'angry man' pasal kalah teruk. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, saya nak bagi tahu. Yang Berhormat Bandar Kuching ini menyebut Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri kita hari ini benar-benar bekerja membanteras *money politic* dan buktinya nyata. Kita buat kerja benar, kita kota apa yang kita kata dan hasilnya hari ini kita dapat lihat. Tetapi apa berlaku pada DAP? Simpan duit nelayan RM100 ribu sehingga pihak kerajaan pula hendak bukakan, sampai hari ini tidak selesai lagi masalah itu.

Apa yang berlaku pada 'Akaun Selamatkan Bukit Cina' sampai hari ini DAP tidak bukakan? Di mana ketelusan, di mana *transparency* DAP? Itu baru sedikit ada kuasa, tidak buat kerja pun hendak tuding jari pada pihak kerajaan, sekurang-kurangnya Perdana Menteri kita mengambil tindakan yang tidak popular untuk meletakkan kebenaran pada parti UMNO, ini dia DAP, cakap sahaja lebih. Diri sendiri tidak nampak, diri orang nampak, apa jadi Yang Berhormat bagi Bandar Kuching?

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat tidak faham tentang dana itu. Kalau Yang Berhormat mahu benar-benar faham, Yang Berhormat tanya Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kenapa pula hendak tanya Yang Berhormat bagi Ipoh Barat? Saya tanya dekat sini. Benda ini....

Tuan Chong Chieng Jen: Ini terkeluar, ini bukan saya punya pakar. *I would not pretend that I know, this is matter that occurred before me.*

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Cakap Melayulah.

Tuan Chong Chieng Jen: *If you want*, kalau awak mahu....

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada tiga yang bangun ini, hendak bagi jalan tidak?

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau Yang Berhormat mahu, tanyalah pada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Bukankah benar bahawa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dia sendiri tahu tidak ada masalah. Oleh kerana perkara ini ada dilaporkan kepada pihak polis, dan kalau ada apa-apa sedikit masalah, pihak polis bagi pihak Barisan Nasional sudah ambil tindakan terhadap DAP, bukan sebaliknya. Sungguhpun ada korupsi bermaharajalela beratus juta ringgit dalam Barisan Nasional polis pun tolong untuk menutup perkara ini, itulah sebaliknya dan adakah Yang Berhormat Bandar Kuching bersetuju, sungguhpun Yang Berhormat bagi Tangga Batu kata bahawa mereka kotakan apa yang mereka kata, bahawa melawan *money politics for show* sahaja. Kalau begitu kenapa mahu tutup perkara, tidak ada lagi *official*. Bukankah benar bahawa sebenarnya ada banyak pemimpin-pemimpin UMNO yang terlibat dalam *money politics*.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, bekas Timbalan Presiden ada berkata bahawa korupsi, *money politics* di UMNO sudah sangat serius sehingga untuk jawatan *supreme council* libat bukan 100 ribu ke 200 ribu, bukan 1 juta ke dua juta, tetapi 10 juta ke 50 juta dan bukankah benar kalau BPR mengambil tindakan mungkin tidak ada Kabinet, tidak ada *supreme council*. Adakah rela mengadakan satu ekspo raksasa. Jangan berdiri di sini dan berkata bahawa '*pure and true*' apabila begitu kotor dan begitu *corrupt*.

Tuan Chong Chieng Jen: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak habiskan atau hendak sambung?

Tuan Chong Chieng Jen: Sambung banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, Yang Berhormat sambung sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat waktu sekarang jam 1.00 Dewan yang mulia ini kita tangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan disambung semula. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, berapa lama lagi?

Tuan Chong Chieng Jen: Lebih kurang setengah jam kalau tidak ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap dekat satu jam.

Tuan Chong Chieng Jen: Tetapi banyak celahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat beritahu pada saya Yang Berhormat akan berucap 30 minit sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen: Mana ada, 45 minitlah [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia belum berucap lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Pagi tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah ikut?

Tuan Lim Kit Siang: Ikut, saya ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, bukan...

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana apabila Dewan ini ditangguhkan dan masa itu ada celahan, saya ada sebutkan mengenai kita dalam masalah *money politics* – penyelewengan mengenai *integrity election process*, saya ada sebut mengenai satu seruan dan dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO yang mengatakan bahawa *money politic* dan korupsi dalam UMNO semakin serius.

Masa itu Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada menanyakan dan nampaknya Yang Berhormat bagi Tangga Batu tetapi nampaknya semua Ahli Parlimen Barisan Nasional ada kekeliruan tentang siapa orang itu? Mereka fikir nama yang disebutkan oleh saya ialah bekas Ahli Parlimen bagi Permatang Pauh – Datuk Seri Anwar Ibrahim. Bukan, saya bukan sebut Datuk Seri Anwar Ibrahim. Orang yang saya sebut ialah sebenarnya Yang Berhormat bagi Tangga Batu kawasan itu, bekas Ahli Parlimen bagi Jasin – Tun Ghaffar Baba. Dia mengatakan dua minggu lalu bahawa korupsi *money politic* dalam UMNO, *the worse* dalam sejarah parti di mana bukan sahaja melibatkan RM100 ribu atau RM200 ribu, bukan melibatkan RM1 juta atau RM2 juta tetapi melibatkan RM10 juta ke RM50 juta untuk *election* kepada jawatan *Supreme Council* sahaja, tidak sebut Naib Presiden. Bukan Anwar Ibrahim tetapi Tun Ghaffar Baba.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya akan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawabkah?

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan, itu satu kenyataan, saya memang sokong kenyataan itu. Saya akan teruskan dengan ucapan saya. Contoh yang kedua, yang jelas menunjukkan kekurangan ketelusan dan konsistensi SPR dalam kajian semula persempadanan ini adalah jika kita bandingkan kawasan DUN Satok (N8) dengan Padungan (N9) atau Pending (N10). Keluasan Satok hanya empat kilometer persegi berbanding dengan keluasan Padungan yang seluas enam kilometer persegi dan keluasan Pending yang seluas 14 kilometer persegi.

Walaupun keluasan Satok adalah lebih kecil daripada Padungan dan juga Pending tetapi bilangan pengundinya hanya 11,302 orang berbanding dengan bilangan pengundi Padungan yang seramai 24,807 orang dan bilangan pengundi Pending yang seramai 29,995 orang. Kedua-dua kawasan DUN itu adalah dalam kawasan Bandar Kuching dan Satok itu adalah jiran kawasan Bandar Kuching. Kenapakah keadaan ini berlaku? Adakah ia kerana kedua-dua kawasan DUN Padungan dan Pending ini adalah dianggap sebagai *volatile seats* yang mana pembangkang mempunyai peluang yang tinggi untuk menang dalam pilihan raya sebaliknya kawasan Satok itu dianggap sebagai *sure seats* kepada Barisan Nasional. Kenapa Padungan dan Pending tidak diberi satu tambahan kepada kawasan DUN?

Saya ingin SPR menjawab soalan ini kerana infrastruktur, unsur kebudayaan dan semua itu sama kecuali satu faktor. Faktornya ialah Satok itu dianggap sebagai *sure seats* untuk Barisan Nasional manakala Padungan dan Pending itu adalah kawasan yang berbahaya bagi Barisan Nasional. Unsur kedua yang saya ingin....

Tuan Henry Sum Agong: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mas bangun.

Tuan Henry Sum Agong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, wakil Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini terus menerus mempersoalkan pertambahan kerusi bagi kawasan khususnya kawasan luar bandar, di pendalaman. Soalan saya kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, adakah Yang Berhormat yang partinya DAP yang mewakili seluruh suku kaum takut dengan kewujudan tiga kerusi Parlimen khasnya di Sarawak? Kalau inilah merupakan pendapat bagi DAP, bagi DAP, ia tidak seharusnya mewakili pelbagai kaum, kalau takut dengan pertambahan wakil daripada pendalaman ini? Minta penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tidak berasa takut kerana pertambahan kerusi di luar bandar. Saya juga ada menyentuh tentang Bintulu yang mengandungi kawasan luar bandar. Itu adalah satu prinsip – *international principle of justice affair flair* dengan izin.

Soalan Yang Berhormat timbulkan ini menunjukkan Yang Berhormat langsung tidak faham apa itu operasi dan prinsip keadilan dalam pilihan raya. Saya ada sebut berkenaan Bintulu. Bintulu juga adalah di luar bandar yang begitu luas. Keluasan Bintulu adalah sama luas keluasan dengan Mas Gading tetapi Mas Gading ada dua kawasan sekarang. Kenapa Bintulu tidak ada? Itulah satu prinsip keadilan yang harus diadakan sebagai seorang wakil rakyat. Ini bukan perasaan takut atau tidak takut. Unsur ketelusan dalam sistem pilihan raya adalah satu mekanisme yang akan memastikan supaya rakyat dapat mengundi menggunakan undi mereka dengan baik. *Make inform decision by voting*, dengan izin.

Tiada apa-apa lagi yang lebih penting daripada sebuah sistem pilihan raya yang berketelusan. Banyak ahli politik dan agen-agen mereka telah terlibat dalam politik wang, *money politics* seperti kes beli undi supaya dapat menang dalam pilihan raya. Kita semua tahu bahawa kesemua ini berlaku tetapi tidak ramai diambil tindakan. Di Sarawak, petisyen pilihan raya telah difailkan dalam mahkamah untuk memerangi kes beli undi.

Contohnya, petisyen yang berkenaan dengan kemenangan BN di Bukit Bergunung, semasa pilihan raya Sarawak pada tahun 1996. Kemenangan calon BN telah dibatalkan oleh Mahkamah Pilihan Raya Kuching kerana penggunaan wang yang berleluasa oleh agen-agensya, walaupun dalam kes itu calonnya tidak terlibat kerana itu *lack of evidence* tetapi agennya dihukum bahawa diputuskan oleh mahkamah bahawa dia telah menggunakan wang untuk menguruskan pilihan raya yang berleluasa. Oleh itu, kemenangan calon BN itu telah dibatalkan oleh mahkamah tinggi.

Ini ialah satu bukti *money politic*. Salah satu aspek yang paling berkontroversi ialah ketidak.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen: Sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, tidakkah itu membuktikan bahawa wujudnya ketelusan dan keadilan dalam sistem kita, di mana bila ada aduan, siasatan dijalankan dan dibawa ke mahkamah dan dibuktikan mahkamah telah menjalankan keadilan. Ini bersesuaian, bercanggah dengan apa dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa tidak wujud ketelusan dan sebagainya. Itu yang saya ingin dapat penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Ini adalah *tips of the iceberg*. Kalau benar-benar ada ketelusan iaitu *money politic* yang terwujud dalam UMNO kita haruslah merujuk kepada polis untuk siasatan, untuk tuduhan.....

Seorang Ahli: Apa kena mengena dengan UMNO ini?

Tuan Chong Chieng Jen: Kenapa? [Disampuk] Kenapa, tidak mahu rujuk dan hari ini Naib Perdana Menteri sudah ucap bahawa ada *time frame* bahawa UMNO tidak mahu terima aduan lagi mengenai wang politik. *Criminal offence has no limitation*. Semasa satu *Criminal Crime Act* telah dilakukan ia tiada *limitation, no time bar*. Kenapa ada satu arahan bahawa UMNO tidak akan menerima aduan, Timbalan Perdana Menteri sudah berkata, itu menunjukkan mahu *cover up*. Tidak mahu satu siasatan yang *transparency* dan *thorough transparency investigation into the money politics incidents*, dengan izin.

Salah satu aspek yang paling kontroversi ialah ketidaktelusan sistem pilihan raya dalam sektor undi pos. Adalah menjadi kebiasaan bahawa ahli-ahli polis, tentera, kakitangan pilihan raya boleh membuang undi mereka melalui undi pos. Kebelakangan ini juga telah difahamkan bahawa isteri-isteri mereka juga boleh berbuat demikian. Sekiranya mereka ini diperlukan semasa pilihan raya untuk memelihara keamanan dan menjaga tatatertib awam semasa pilihan raya, maka ia bukanlah masalah untuk pegawai-pegawai itu, ahli-ahli polis dan tentera untuk membuang undi melalui undi pos. Tetapi adalah tidak munasabah untuk isteri-isteri mereka juga diberi hak untuk mengundi secara pos kerana mereka sepatutnya dilayan seperti warganegara biasa.

Saya pernah dengar banyak tuduhan berkenaan dengan pembelian undi pos termasuk bahawa kertas undi yang dikeluarkan oleh pusat pengeluar undi di tingkat 20 telah dibeli oleh agen-agen calon sebelum *list* sampai ke tingkat bawah. Malahan dalam beberapa pusat polis, tentera dan kakitangan pilihan raya diminta untuk tandatangan dan undi di hadapan superior mereka.

Kerap kalinya ia terlibat pertukaran wang yang bertukar tangan dalam proses itu. Ramai calon telah memenangi pilihan raya itu, calon Barisan Nasional yang telah memenangi pilihan raya dengan bergantung kepada undi pos. Dalam Pilihanraya Parlimen 2004 bagi kawasan Sibu sebanyak 2,531 undi pos di undi, dia mendapat 2,512 undi pos, lebih kurang 99.3% undi pos berbanding dengan 0.7% undi pos yang diperolehi oleh pembangkang.

Mengapakah ini boleh berlaku? Terdapat banyak penjelasan terhadapnya. Tanpa undi pos yang hampir semuanya diperolehi oleh Yang Berhormat bagi Sibu, mungkin tidak akan dia berada di Dewan ini dan juga tidak akan dilantik sebagai Timbalan Menteri. Saya tidak percaya bahawa undi pos adalah adil dan ianya sepatutnya dihapuskan.

Unsur ketiga yang saya akan sentuh adalah berkenaan dengan popular *participation*. Untuk memastikan bahawa sesuatu pilihan raya itu adalah adil, tidak ada sesiapa pun atau parti politik yang dibenarkan untuk mempengaruhi atau menakut-nakutkan pengundi, *inducement, intimidation and threat*. Kesemua ini adalah kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya.

Walau bagaimanapun akta ini tidak mempunyai apa-apa peruntukkan yang menyatakan bahawa *inducement, intimidation and threat* ini adalah tidak dibenarkan pada waktu bukan pilihan raya. Dengan ini saya ingin memberi dua contoh di sini. Untuk contoh mempengaruhi pengundi, saya ingin menyatakan bahawa terdapat begitu banyak papan iklan, *due box* dan ditempatkan di tempat-tempat yang strategik di Sarawak dan juga ada di sini, Semenanjung sini, yang tertera dengan perkataan satu lagi projek pembangunan

Barisan Nasional. Logo Barisan Nasional, dacing itu juga dapat dilihat dengan jelas dalam pada itu papan iklan ini.

Memang benar bahawa projek-projek ini dilaksanakan oleh kerajaan, walaupun parti-parti kompenian Barisan Nasional yang membentuk kerajaan selepas memenangi pilihan raya, papan iklan ini seharusnya menyatakan bahawa projek-projek ini adalah projek kerajaan, adalah memesongkan untuk menyatakan projek-projek pembangunan ini adalah daripada BN sendiri. Apa yang lebih teruk lagi, logo BN telah dipaparkan pada papan iklan ini dan bukannya letak itu lambang kerajaan.

Kewujudan logo BN pada papan iklan ini memberi gambaran bahawa projek-projek ini dilaksanakan oleh tabung Barisan Nasional, bukannya dari tabung kerajaan iaitu daripada kumpulan wang yang disatukan. Kita tahu bahawa semua ini adalah tidak benar dan ini memang jelas telah memesongkan fikiran rakyat dan mempengaruhi mereka supaya berfikir bahawa wang ini dikeluarkan oleh BN untuk pembangunan projek-projek ini.

Satu lagi hakikat yang amat menarik ialah bahawa papan-papan iklan yang berlogo dacing ini sering didirikan di kawasan luar bandar. Kenapa? Oleh itu, saya sering berkata, saya tadi juga berkata bahawa pengundi-pengundi luar bandar, mereka senang ditipu oleh taktik-taktik kotor Barisan Nasional. Oleh itu, pengundi-pengundi di bandar raya, mereka faham tentang konsep kerajaan dan Barisan Nasional.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong.

Tuan Chong Chieng Jen: Perbezaan.....

Dr. James Dawos Mamit: Bandar Kuching, itu satu penghinaan. Adakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini menghina kami di kawasan luar bandar, kaum Bidayuh, kaum Iban, kaum orang Ulu sebagai masyarakat yang bodoh? Adakah Yang Berhormat ini menghina kami? Silalah tarik baliklah. Janganlah macam itu.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tidak akan tarik balik.....

Dr. James Dawos Mamit: Buat perbezaan begitu.....

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tidak menghina tetapi saya

Dr. James Dawos Mamit: Itu satu penghinaan.

Tuan Chong Chieng Jen: telah menyebut tahap pendidikan luar bandar adalah lebih rendah daripada tahap pendidikan dalam bandar.....

Dr. James Dawos Mamit: *That is a wrong assumption. Are you more educated than I am? [Disorak] [Dewan terlalu riuh]*

Tuan Chong Chieng Jen: *You are staying in Kuching.* Awak adalah seorang Yang Berhormat Wakil Rakyat. Itu di luar bandar juga terdapat pengundi-pengundi dari kaum Cina. Itu bukan soalan perkauman. Di luar bandar, mereka tidak ada *accessibility for information*. Oleh itu mereka *more inform*. Oleh itu mereka lebih senang dipesongkan oleh taktik-taktik kotor.

Dr. James Dawos Mamit: Awak tidak pernah pergi ke kawasan luar bandar.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya ada pernah, saya pernah pergi ke Serian sana.

Dr. James Dawos Mamit: Jangan cakap macam itu. Kawasan luar bandar pun sudah berubah sekarang.

Seorang Ahli: Dia tipu.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya pernah pergi ke Serian - satu kampung di Serian. Penduduknya walau pun ada paip air di sana tetapi oleh kerana mereka tidak mampu bayar deposit bekalan air tidak dibekalkan kepada mereka. Ini adalah hakikat *[Dewan masih lagi riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: *I speak first.* Yang Berhormat Bandar Kuching telah menyebut kawasan saya Serian [Disorak] Saya ingin tanya Yang Berhormat Bandar Kuching, dari 300 buah kampung di kawasan saya, berapa buah kampungkah Yang Berhormat telah pergi?

Tuan Chong Chieng Jen: Ada dua. Satu – Tembong Putah itu kampung namanya.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, Kampung Temong Putah adalah hanya satu kampung daripada 300 lebih buah kampung di kawasan saya [Disorak] Saya tahu. Saya tahu.

Tuan Chong Chieng Jen: Satu sudah cukup [Dewan masih terlalu riuh] Dia menunjukkan kelemahan sistem itu. Ada paip disambung ke sana - di hadapan kampung itu tidak dapat disambung. Penduduknya tidak dapat menikmati kemudahan kerana apa? Kerana tidak ada deposit.

Tuan Billy Abit Joo: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya ingin menyentuh satu perkara. Tadi, telah disebutkan orang luar bandar tidak faham. *I think in this case DAP dahulu pernah ke Belaga dan bertanding di sana dan kalah. Jangan salah sangka, mereka di luar bandar faham tujuan DAP ini. Faham segala-galanya. Just because you are rejected you come up with all sort of excuse.*

Tuan Chong Chieng Jen: *No. Not because I was rejected I come out with all those excuse.* Tetapi kenapa papan-papan iklan yang menunjukkan lambang dacing itu, kamu tidak berani letakkan di bandar raya kerana kamu tahu kalau diletakkan di bandar raya, penduduk bandar raya faham bahawa ini bukan dari tabung BN. Ini dari *Consolidated Fund*. Oleh itu, semua terletak di luar bandar.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasihlah Bandar Kuching. Saya bekas pegawai kerajaan dan saya juga terlibat meletakkan logo. Projek ini dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Sebenarnya pada waktu itu, untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching, adakah Yang Berhormat setuju ataupun tidak - Kalau setuju pun mungkin dia bercakap tidak setuju bahawa suasana parti Yang Berhormat Bandar Kuching ialah memutar belitkan fakta yang mengatakan bahawa siapa pun yang memerintah, parti mana pun yang memerintah, inilah projek yang akan dilaksanakan.

Kata mereka ini adalah tanggungjawab kerajaan. Belum tahu! Rekod mengatakan bahawa segala projek-projek untuk kepentingan kesejahteraan rakyat adalah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Chong Chieng Jen: *Itu adalah satu cheating - taking advantage [Dewan terlalu riuh] [Disorak] I won't use the word cheating - taking advantage, advantage. Kenapa? Apakah sangat susah untuk remove the dacing sign from all iklan. [Disampuk] Tak payah, kita tidak mahu. Kita tidak mahu yang unfair practice.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kuching. Kuching. Kuching. Kuching. Kuching. Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata kucingkah? Tidak ada kucing di sini.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jangan hinalah!

Tuan Chong Chieng Jen: Ada manusia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kucinglah. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen:Mungkin ada binatang *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bukan kucing.

Tuan Chong Chieng Jen: Ada hantu, ada binatang ada binatangkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau bukan kucing

Seorang Ahli: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau bukan kucing dia mengiau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching, Jerai bangun.

Tuan Chong Chieng Jen: SPR seharusnya campur tangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan kucing.

Bandar Tuan Chong Chieng Jen: Hah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan? Awak minta penjelasan daripada siapa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Daripada Yang Berhormat Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukanlah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Ini tarik baliklah. Selalu panggil nama

Tuan Chong Chieng Jen: Tak ada *[Ketawa]* SPR

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey okey. Penjelasan daripada Yang Berhormat

Tuan Chong Chieng Jen: Orang tua tidak nampak 'Bandar'kah *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Lain kali beri binokular kepada kamulah *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak ada lupa sedikitlah kucing. Terima kasih Yang Berhormat Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak boleh beri penjelasan kerana dia tidak sebut baik-baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebut baik-baik Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, Yang Berhormat, Yang Dihormati, Yang Berhormat daripada Bandar Kuching *[Ketawa] [Dewan riuh semula]*

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tingkah laku, cara Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini berhujah lebih kurang macam Ipoh Timor, sama. Cuma saya hendak kaitkan adakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini sedar bahawa penubuhan kerajaan hari ini boleh dikatakan majoritinya adalah daripada kawasan-kawasan luar bandar - pengundinya.

Kalau pengundi itu tidak faham, sudah tentu mereka tidak memilih Kerajaan Barisan Nasional yang menuntut kemerdekaan, yang mengisi kemerdekaan, yang memberi pembangunan kepada rakyat dan memberi kebebasan kepada semua parti-parti apabila mereka menghadapi pilihan raya.

Adakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching masih hendak mengatakan bahawa Barisan Nasional memperlakukan ataupun memperbodoh-bodohkan orang kampung? Saya pun orang kampung. Saya dilahirkan di kampung, mungkin 'kucing' dilahirkan di bandar. Tetapi kucing di kampung pun banyak ada dan bukan di bandar sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya minta tarik balik, ada binatang jerit-jerit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan! Saya kata di pasar pun ada kucing. Di kampung pun ada kucing. Salahkah itu?

Cik Fong Po Kuan: Cakap baik-baiklah. Jangan hina kitalah.

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau tak cukup diajar, tak payah bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah. Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: SPR seharusnya

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Chong Chieng Jen: Hah tak cukup diajarlah, pelajaran kamu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya hendak bagi *lesson* Yang Berhormat. *First lesson, smile when you*

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, *smile. Smile, smile, smile, smile* *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Don't irritate your colleague in the Parliament House.*

Cik Fong Po Kuan: Hormatlah, hormatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hai, Batu Gajah? *[Bercakap bahasa Hokkien]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bercakap bahasa Hokkein] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Masih bercakap bahasa Hokkien]*

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat .

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa Peraturan Mesyuarat.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat *[Dewan gamat semula]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Menenteramkan keadaan Dewan yang semakin riuh]* Yang mana satu?

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya sudah minta izin.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat *[Dewan amat riuh dan keadaan semacam tidak terkawal]*

Beberapa Ahli: *[Bersorak-sorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik-baik.

Cik Fong Po Kuan: Saya berharaplah Tuan Yang di-Pertua, 36(4). Yang Berhormat bagi Jerai biarlah hormat pengundi kawasan Bandar Kuching. Panggillah nama kawasan Ahli-ahli dalam Dewan ini dengan baik, dengan penuh hormat. Jangan memainkan nama

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Baik, baik. Sila duduk Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan. Haraplah bagi amaran semua Ahli di dalam Dewan terutamanya Yang Berhormat bagi Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bagi Jerai telah sebut, Yang Berbahagia, Yang Berhormat Bandar Kuching. Jadi, kekalkanlah sebutan itu Yang Berhormat. Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apalah.... [Ketawa] [Dewan riuh]

Cik Fong Po Kuan: *You* sendiri cari fasal sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau cari gaduh, cari gaduh, keluarlah. Saya mahu teruskan ucapan saya.

SPR seharusnya campur tangan untuk menghentikan perkara ini daripada terus berlaku. Undang-undang patut digubal untuk menjadikan pengaruh di luar masa pilihan raya '*extra electoral inducement*' sebagai satu kesalahan. *Extra electoral* yang saya maksudkan ialah sewaktu bukan pilihan raya.

Satu lagi contoh yang saya ingin beri di sini adalah berkaitan dengan *extra electoral* atau pengaruh dan penakutan (*threat*) pada waktu bukan pilihan raya. Harus diingat bahawa sekiranya pengundi boleh ditakut-takutkan dan dipengaruhi semasa pilihan raya berjalan maka mereka juga boleh ditakut-takutkan dan dipengaruhi pada waktu bukan pilihan raya khususnya apabila ia dilakukan oleh mereka yang mempunyai pengaruh langsung terhadap kehidupan pengundi.

Sekiranya perbuatan-perbuatan sebegini tidak dibenarkan sewaktu pilihan raya, maka ianya juga tidak harus dibenarkan pada waktu bukan pilihan raya. Saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, salah satu contoh ialah pada 24 Mei tahun ini, Yang Berhormat bagi Sibu telah dijemput untuk menghadiri Majlis Angkat Sumpah oleh anggota jawatankuasa baru Persatuan Penjaja Maradong di Sibu. Beliau adalah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pengerusi Majlis Perbandaran Sibu. Beliau mempunyai pengaruh langsung terhadap kehidupan penjaja ini.

Dalam ucapan beliau, Yang Berhormat bagi Sibu menyatakan bahawa beliau menganggarkan bahawa hanya terdapat 38% daripada penjaja di Sibu yang mengundi beliau semasa Pilihanraya Parlimen 2004. Tindakan Yang Berhormat ini telah menunjukkan kepada penjaja ini bahawa pengundian tidak dijalankan secara rahsia. Ini adalah salah di sisi undang-undang.

Ahli Yang Berhormat ini seterusnya mencabar penjaja bahawa lesen perniagaan mereka akan dibatalkan atas budi bicara kerajaan. Beliau seterusnya mencabar penjaja, "Sekiranya kamu semua tidak percaya saya, kamu boleh cuba." Itu perkataan yang telah dipetik dari surat khabar.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sibu.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat bagi 'Kuching Bandar'....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Kuching Bandar, Bandar Kuching. [Disampuk] [Dewan riuh]

Datuk Robert Lau Hoi Chew: ...kerana saya nampak dia, saya kenal dia masa umur 5 tahun, kami berjiran, kawan keluarga. Saya ada satu nasihat kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Saya kasihan kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kerana campur tangan atau masuk DAPlah. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Saya kasihan. Tadi dua kali dia sebut nama kawasan Sibü. Kalau *point* pertama, termasuk semua Yang Berhormat di sini, kita perlu beri hormat kepada semua pengundi.

Apa pun keputusan mereka, kita perlu tetap hormat mereka. *[Disampuk]* Jangan kalau DAP kalah, wah ini tidak adillah, ini apa macam semua, banyak alasanlah. *[Tepuk]* Kalau DAP memang, wah semua baik. *[Disampuk]* Ini satu warna asli DAP. *[Disampuk]* *[Tepuk]*

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Selalu begitu, okey ini satu, belum, belum, ini *floor* saya. Belum, duduk.

Seorang Ahli: Bagi, bagi, bagi sama dia, bagi.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Saya diberi peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, mana satu Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Tadi dia sebut, kata tidak boleh dengar. Semua tidak dengar, apa dia cakap, tidak tahu.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: *Sit down.*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Tuan Chong Chieng Jen: Itu *floor* saya.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: *Floor* saya. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching...

Tuan Chong Chieng Jen: Ini *floor* saya. Kalau awak mahu, awak mintalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kasi dia cakaplah.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Dengan *reason* baiklah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Beri peluang untuk Barisan Nasional pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Jangan satu orang *occupied* semua masa.

Tuan Chong Chieng Jen: Awak bukan pengerusi.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak payah ajar pengerusi bagaimana hendak menguruskan Mesyuarat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: You kata adil, ini keadilan, betulkah?

Tuan Chong Chieng Jen: Apa keadilan? Cari satu...

Tuan Lim Kit Siang: Ada orang berucap 7 jam bolehkah?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Datuk Robert Lau Hoi Chew: You sudah berapa minit berucap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Tidak ada Sibulah, tidak ada Sibu.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat bagi Sibu tidak...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Datang Sibu, saya cabar you.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat bagi Sibu tidak mahu meminta penjelasan....

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, datang Sibu, saya cabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Pilihan raya nanti, siapa menang, tengok!

Tuan Chong Chieng Jen: Macam budaklah ini, macam budak.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Robert Lau Hoi Chew: *You shut up!*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Hidup Sibu!

Tuan Chong Chieng Jen: Ada sedikit kesalahan atas...

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Panjang sangat ini, pendeklah sedikit. Kita hendak cakap ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat...

Tuan Chong Chieng Jen: Saya ada dua muka surat lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sudah buang masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tujuh jam cakap pun ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, berhentikanlah bercakap, merepek, tidak usah cakaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi orang lain bercakaplah, Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat bagi Bandar Kuching merepeklah, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: Tidak tahan, tidak tahan dengarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak cakap tujuh jam. Cakap tujuh jam tidak buang masakah? Apa ini?

Tuan Chong Chieng Jen: Ini *constitution*. Saya akan teruskan supaya tidak membuang masa.

Seorang Ahli: Lima jam lagikah?

Tuan Chong Chieng Jen: Lebih kurangnya. Okay. Ini adalah amat jelas bahawa Yang Berhormat bagi Sibu ini telah menakutkan dan mempengaruhi...

Datuk Robert Lau Hoi Chew: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Awak panggil, saya tidak mahu buang masa.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Minta jalan.

Tuan Chong Chieng Jen: juga merupakan pengundi di.....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Minta jalan.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, kata-kata saya di majlis makan penjaja itu, kami cuma mentaksirkan berapa peratusan menyokong Barisan Nasional, taksiran sahaja. Okey, taksiran sahaja. Tetapi siapa yang keluarkan lesen penjaja? *Council*. *Council* itu MPS, Majlis Perbandaran Sibu. Okey? Saya ada banyak penjaja bumiputera. Mereka tidak diberi peluang terima lesen. Mereka berniaga *on the floor, you know*, di atas lantai, tidak ada meja, tidak ada lesen. Mereka pun tidak memberi begitu banyak aduan. Majlis Perbandaran Sibu, you sudah pernah pergi sanakah? Saya undang you pergi sana sekarang. Sekarang pengkerusinya ialah Yang Berhormat bagi Lanang. Tengoklah situasi, *environment* sana, tempat berniaga untuk penjaja ada baikkah? Terbaik di Sarawak! [Disampuk] [Tepuk]

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Dewan riuh]

Tuan Chong Chieng Jen: Sudah cukup, sudah cukup.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: You lahir di Sibu atau di Sarikei? You sudah lupa you punya *root*, tahukah?

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Dewan riuh]

Seorang Ahli: Hidup Sibu, hidup Sibu!

Tuan Chong Chieng Jen: Dia itu tidak faham apa saya kata.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: You hidup di Sibu.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu mengugut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Mengugut pengundi.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Kalau you kata...

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan...

[Dewan menjadi gamat][Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat. [Disampuk] Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kucing mana ada otak. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya fikir masa sudah lama.

Tuan Chong Chieng Jen: Sedikit lagi, sedikit lagi. Orang itu kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya benarkan Yang Berhormat berucap lagi 15 minit.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, terima kasih, terima kasih. *[Disampuk]* Saya tidak mahu jawablah itu.

Seorang Ahli: Jangan sebut Sibulah, jangan sebut Sibu.

Tuan Chong Chieng Jen: Okeylah, saya tidak mahu sebut Sibu.

Seorang Ahli: Jangan sebut Sibulah, kucing sudahlah.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya sebut yang lainlah, saya pergi kepada perkara lain. Yang Berhormat bagi Sibu sudah hangat sangat. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Nanti dapat darah tinggi.

Tuan Chong Chieng Jen: Orang tua nanti dapat darah tinggi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: You punya *uncle* sudah marah.

Tuan Chong Chieng Jen: Kerajaan tidak harus membiarkan penyelewengan sebegitu terus berlaku. Undang-undang harus digubal untuk menjadikan pengancaman, ketakutan dan pencubaan untuk mempengaruhi pengundi sebagai satu kesalahan semasa waktu bukan pilihan raya atau *extra electoral times*. Kemajuan dalam ICT dan link di antara SPR dengan Jabatan Pendaftaran Negara seharusnya dijadikan satu proses automatik. Pengundi-pengundi berdaftar pada masa sekarang tidak semestinya mengambil berat terhadap hal ehwal negara.

Untuk ini kita tidak perlu berterima kasih kepada sistem pendidikan yang kita ada sekarang. Kerajaan dan SPR seharusnya mengoptimumkan penggunaan teknologi moden dan keyakinan untuk melaksanakan satu sistem pendaftaran pengundi secara automatik dan bukannya meminta pengundi-pengundi untuk berdaftar untuk diri mereka sendiri. Masa dan tenaga perlu dicurahkan oleh SPR untuk memperbaiki sistem pilihan raya kita, Sarawak mempunyai pembukaan tanah yang luas. Kebanyakan daripada kawasan ini merupakan kawasan....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan, minta sedikit penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, tidak ada masa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta sedikit penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak mahu, tidak mahu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*...

Tuan Chong Chieng Jen: ...Sarawak mempunyai permukaan tanah yang luas...*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Penjelasan, penjelasan, penjelasan...

Tuan Chong Chieng Jen: ...kebanyakan daripada kawasan ini merupakan kawasan pendalaman terpencil dan susah....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Eh, Kuching takut kah!

Tuan Chong Chieng Jen:dapat sampai dan susah hendak disampai.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat, 36 (6)....

Tuan Chong Chieng Jen:kebanyakan daripada mereka....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hei, duduklah 36 (6).

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 36 (6), saya ini Bandar Kuching...

Tuan Chong Chieng Jen: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bandar Kuching, duduklah, saya hendak bercakap, saya belum habis cakap. Saya hendak bercakap Peraturan Mesyuarat, 36(6)...

Tuan Chong Chieng Jen: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Duduklah

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Duduklah, duduklah....*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 36 (6), Yang Berhormat tadi sudah buat sangkaan jahat, kita diam. Ini Sibu cabar Yang Berhormat, orang muda tidak berani terima kah, cabaran Sibu, hendak bertanding dengan Sibu ini? Jawablah sedikit.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu salah guna Peraturan Mesyuarat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *Gentleman*, jangan takut!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak ada kaitan dengan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua, buat *ruling*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 36 (6)....Tadi dia mengatakan dan dia menuduh pengundi-pengundi luar bandar....

Seorang Ahli: Dia tuduh...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:bodoh, pandai mengundi, sekarang saya cabar Yang Berhormat Bandar Kuching terima *challenge* Sibu. Berani atau tidak berani? Kalau tidak tarik balik apa yang Bandar Kuching sebutkan tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen: Apa tarik balik, apa tarik balik?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang menuduh, memperlekehkan pengundi-pengundi luar bandar, tidak pandai!

Tuan Chong Chieng Jen: Mungkin saya akan pergi ke sana...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekarang saya cabar, saya cabar Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat duduk sekarang!

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]* Hei, duduklah bukan fasal awal lah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Hah, jangan cakap tidak serupa bikin!

Tuan Chong Chieng Jen: Ya! Sarawak mempunyai permukaan tanah yang luas, kebanyakan daripada kawasan ini merupakan kawasan yang terpencil dan susah dapat disampai. Kebanyakan daripada mereka yang dilahirkan di tempat ini tidak mempunyai kad

pengenalan. Kepada golongan rakyat ini, pilihan raya bukanlah suatu isu besar. Jabatan Perdana Menteri seharusnya mempertingkatkan usaha-usaha untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan kepada mereka sebelum kita berbincang tentang hak mengundi mereka. Untuk menggalakkan penyertaan popular, popular *participation*, deposit untuk semua pilihan raya tidak harus membimbangkan.

Pilihan raya bukanlah hak-hak istimewa orang kaya sahaja. Deposit yang dikenakan sekarang adalah terlalu tinggi dan sepatutnya dikurangkan. kerajaan seharusnya menggalakkan penyertaan popular dalam semua pilihan raya dan termasuklah pilihan raya kerajaan tempatan yang seharusnya dipulihkan selepas 40 tahun diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi di Malaysia telah termundur sejak kemerdekaan yang dicapai oleh kita dalam tahun 1957. *[Disampuk]* Pada masa kemerdekaan setiap rakyat kita dapat tiga hak undi. Ianya hak untuk mengundi ahli Parlimen kawasannya, hak untuk mengundi ahli Dewan Undangan Negerinya dan hak undi ketiganya ialah hak untuk mengundi kerajaan tempatannya, tetapi sejak tahun 1965 Perdana Menteri pada masa itu mengumumkan penangguhan pilihan raya kerajaan tempatan atas alasan konfrantasi Indonesia.

Pilihan raya kerajaan tempatan tidaklah dipulihkan walaupun konfrentasi itu pun sudah lama lepas dan negara kita sekarang tidak menghadapi apa-apa ancaman keselamatan dari negara jiran kita. Pilihan raya kerajaan tempatan telah pun dilupakan, *conveniently forgotten* supaya Barisan Nasional dapat mengukuhkan kuasanya. Kemerosotan demokrasi di Malaysia sejak masa kemerdekaan bukan sahaja wujud dalam penangguhan selama-lamanya pilihan raya kerajaan tempatan. Maka ia juga wujud dari segi kemerosotan konsep *proportional representation*. Perlembagaan negara kita pada tahun 1957 adalah memperuntukkan bahawa perbezaan jumlah pemilih di antara satu bahagian pilihan raya dengan bahagian pilihan raya yang lain, tidak boleh melebihi 15 peratus jumlah pemilih sesuatu bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, dan satu perkara yang saya ingin sebutkan. Kemerosotan ini adalah akibat daripada satu operasi SPR yang tidak ketelusan dan pilih kasih terhadap Barisan Nasional. SPR sekarang bukan beroperasi sebagai satu badan yang independent, ada satu perkara yang ditetapkan di buku laporan ini. Walaupun saya telah dipilih oleh pengundi di Bandar Kuching tetapi di dalam muka surat 99, SPR yang menyediakan laporan ini tidak rela atau tidak sudi untuk menyebutkan perkataan "Y.B." di depan nama saya. *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Manakala dalam muka surat, muka surat yang 97, Yang Berhormat Datuk Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, saya bukan hendak menyoal dan mengambil berat perkara yang remeh-temeh. Pengundi saya, rakyat saya dan kawan saya, sebut nama pun tidak apa, ada juga orang sebut Kuching saya pun tidak apa, tetapi ini satu *official record*. Ini adalah urusan rekod urusan yang akan dibentangkan di Dewan ini, kenapa?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Kenapa? Tidak sudikah? *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Ini walaupun satu perkara yang remeh-temeh dan dia menunjukkan fikiran yang sempit.

Tuan Tan Kok Wai: Sempit fikiran!

Tuan Chong Chieng Jen: Kamu tidak mahu menghormati saya tidak apa tetapi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Barangkali, barangkali, dia tidak ingat bukan orang, dia ingat Kucing sebab itu mereka takut dengan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Tetapi mesti menghormati keputusan pengundi di Bandar Kuching, ini adalah satu protokol kerajaan, kenapa *conveniently left out* dan bukan satu kali tetapi dua kali, ada yang di hadapan juga. Kenapa Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tidak ada masalah begitu? *As long as* pemikiran, *attitude prejudicial against opposition* dengan izin, *attitude* itu tidak ditukarkan, *not corrected*. Demokrasi kita tidak ada masa hadapan yang baik.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun] [Dewan menjadi riuh seketika]* Hah Kuching! Bandar Kuching, bandar, bandar. Tolong ya, ini orang tua cakap ya. Ini nampaknya bukan hanya Bandar Kuching sahaja, banyak juga Barisan Nasional pun ada dan mungkin typist salah kah, apa kah, ini janganlah guna ini isu yang kecil, ada cucuk, haiya! Tidak bagus.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya memang haraplah, ini tidak ada *error*....

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Faham, faham dengan dasar

Seorang Ahli: Dia budak kecil.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya memang haraplah adalah salah *typing error*. Bukan satu *attitude*...

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Bukan, bukan, bukan untuk, bukan hanya untuk DAP pembangkang.....

Tuan Chong Chieng Jen: Di mana, di mana, di mana?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Atau banyak itu Barisan Nasional punya channel.

Tuan Chong Chieng Jen: Awak tunjuk, awak tunjuk muka surat apa? Awak tunjuk lah! *[Sambil menunjukkan dokumen kepada Dewan] [Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Masuk ke Dewan dan terus menyampuk]* Open lah Sibu, Sibu pun!

Tuan Chong Chieng Jen: *[Dewan menjadi riuh]* ...Awak tunjuk!

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Hei, sit down you! *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Usik Sibu pun tidak boleh! Apa ini? Budak-budak!

Seorang Ahli: Cool down, cool down! *[Ketawa] [Dewan masih gamat dengan ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Okeylah, Yang Berhormat beri penjelasan ya.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Hei, Ketua Pembangkang, saya sudah menjatuhkan empat calon DAP di Sibu *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Hidup Sibu, Hidup Sibu!

Datuk Robert Lau Hoi Chew: You mahu cabar Sibu kah? Mahu kah?

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Yalah, bertanding di Sibulah! Sama jatuhkan you all!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Jangan macam budak-budaklah!

Tuan Chong Chieng Jen: Saya memang tidak meragui kemampuan dan keupayaan Yang Berhormat daripada Sibu, tidak payahlah!

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Hei, Bandar Kuching, halaman-halaman dalam 73 ya....

Tuan Chong Chieng Jen: 73 berapa?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Mohd Duhan bin Iman, siapa ini? Tidak ada Yang Berhormat? Banyak yang bergelar Yang Berhormat lah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Muka, muka?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 75, pun ada 75. Nombor 6, nombor enam.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Halaman 73, 74...

Tuan Chong Chieng Jen: Di mana, di mana muka surat apa? Sebut baik-baiklah.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Inilah.

Seorang Ahli: Takkan itu pun tidak tahu!

Tuan Chong Chieng Jen: Muka surat apa?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Halaman 73.

Tuan Chong Chieng Jen: Hah! 37, apa ini!

Datuk Robert Lau Hoi Chew: 73, 74 banyaklah.

[Dewan riuh]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal dia ingat kucing bukan orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Ada binatang menyuarakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak susahlah satu orang lama, satu orang baru.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tidak pernah meragui kemampuan Yang Berhormat daripada Sibu, beliau sungguh hebat sekali sehinggakan dia runtuhkan Yang Berhormat dari Sarikei juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching masa cukup.

Tuan Chong Chieng Jen: Banyak cukup?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

3.22 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap sedikit, Insha-Allah saya tidak akan mencelarukan Dewan sebagaimana yang telah dibuat Yang Berhormat daripada Bandar Kuching. Sebenarnya sahaja dibuat, konsep di Dewan ini saya sudah dengar 16 tahun, betullah kata Yang Berhormat daripada Sibu tadi memang betul. Kalau dia menang semua betul, kalau dia kalah, semua salah macam mana betul pun salah juga.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kekalahan DAP itu dua perkara Tuan Yang di-Pertua, kekalahan DAP saya pernah bagi tahu dengan Ketua Pembangkang dahulu bila dia berucap atas lori pada tahun 1995 dia kata kena kalah macam ini. Sebab dia kurang ajar sangat dapat bercakap depan orang ramai, ini budaya orang Malaysia tidak hendak tengok orang kurang ajar sangat Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Betul!

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi saya kata kalah ini bukan salah orang lain, kekalahan ini oleh kerana kekalahan sendiri yang buat. Tuan Yang di-Pertua kita datanglah ke Dewan ini tunjuklah muda-muda tunjuk kemudaan kita, kebaikan kita, perangai dan budi pekerti kita semua kena tunjuk, jadi kadang-kadang kita salahkan orang lain oleh kerana kekalahan ini.

Ini salah dia, yang nombor dua kekalahan dia Tuan Yang di-Pertua macam mana sekalipun *track record* Barisan Nasional tidak boleh dipersoalkan. Tanya dengan kita sendiri yang mana kerajaan yang boleh *deliver* macam Barisan Nasional. Tidak payahlah DAP minta maafah parti-parti pembangkang yang lain itu, kalau duduk di sini pun, banyak ini pun tidak boleh *deliver* kalau perangai macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, kekalahan ini kekalahan DAP, pembangkang dan sebagainya saya sebut semua, sama ada dia Keadilan ataupun PAS ataupun DAP di Sarawak Tuan Yang di-Pertua saya cukup yakin kesalahan itu adalah kelemahan mereka sendiri dan kekuatan Barisan Nasional *[Tepuk]*.

Macam ini tadi Tuan Yang di-Pertua saya hendak sebut sedikit-sedikit saya dengar-dengar cerita orang Tuan Yang di-Pertua saya dengar sahaja pasal orang-orang luar bandar ini, pasal orang luar bandar ini kata orang luar bandar ini senang diperbodohkan oleh Barisan Nasional. Barisan Nasional ini memang cerdik sangatkah memperbodohkah orang kampung itu? Itu perangai DAP hendak membodohkan orang pergilah luar bandar lawan orang luar bandar. Kenapa tidak berani?

Sebab tidak berani sebab memang orang luar bandar tidak boleh diperbodohkan, orang luar bandar bukan bodoh *[Tepuk]*. Orang luar bandar itu cerdik juga Tuan Yang di-Pertua, cerdik menilai yang mana betul, yang mana salah itulah sebab DAP tidak berani. Dia hendak cuba perbodohkan orang luar bandar tetapi orang luar bandar tidak boleh diperbodohkan, jadi hendak carilah orang lain tempat yang mana satu boleh diperbodohkan.

Tuan Yang di-Pertua jangan sebut perkara-perkara yang tidak patut, kita daripada saya daripada luar bandar, asal orang luar bandar bahkan kawasan saya sekarang pun 2/5 di luar bandar jadi saya dengar saya tidak kisah biar dia cakap sebab kita hendak balik ke Sarawak nanti bagi tahu yang DAP ini kata orang luar bandar itu bodoh dan senang diperbodohkan *[Tepuk]*.

Di bandar pun Tuan Yang di-Pertua, banyak migran daripada luar bandar diam, duduk di bandar sengaja dia jadi pengundi di bandar sekarang, bagi tahu dengan mereka DAP kata kamu ini orang bodoh, DAP yang sebut. Minta tolonglah jangan perkatakan benda-benda macam ini yang mendatangkan perasaan kawan-kawan dekat sini khususnya orang kita ini banyak mewakili orang luar bandar,

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kita tidak mengatakan sebab dia orang ini boleh diperbodohkan menunjukkan orang bodohlah dapat diperbodohkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih abang saya Yang Berhormat Santubong, Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tidak hendak campur hal Sarawak tetapi 12 tahun kerja di Sarawak. Saya tengok orang Sarawak ini daripada bandar sampai ke kampung bijak.

Saya tidak pernah bergaduh dalam toleransi beragama saya sebut dalam agama pun tidak ada masalah walaupun Kristian nombor satu jumlah, ini berertinya bijak. Tetapi kalau Yang Berhormat Bandar Kuching sendiri mengatakan orang luar bandar tidak bijak itu satu *political mileage* untuk tujuan politik bukan tujuan sebenar. Saya rasa saya banding dengan orang Kelantan pun orang Sarawak lebih bijak daripada orang Kelantan sebab orang Kelantan pilih pembangkang, dia ketinggalan sedikit, terima kasih setuju tidak? *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya bukan kata tidak hendak setuju sebab saya jarang-jaranglah datang Kelantan itu jadi saya serahlah dengan orang Kelantan membuat keputusan tetapi bagi saya mungkin parti ini boleh bercakap macam itu, macam itu jadikan mirip orang itu kepada satu sebab-sebab yang tertentu dan boleh di katakan sebab ini dan itu dan kenapa orang Kelantan jadi begitu, jadi hendak kata orang Kelantan bodoh itu belumlah saya dapat hendak bersetujulah.

Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat, kalau kita lihat buku yang disediakan oleh SPR ini, Mas Gading Opar, ini kawasan luar bandar hanya satu kawasan Stampin, Kota Sentosa di persisiran bandar dan banyaknya orang luar bandar juga Cina, Bidayuh dan sebagainya, Iban pun ada. Lingga luar bandar, Bukit Saban memang luar bandar, Daro luar bandar, Bekenu luar bandar, Batu Danau luar bandar, jadi kalau kita lihat kawasan-kawasan disebut sini Tuan Yang di-Pertua buka *map* ini, buka *map* yang di tunjuk oleh SPR ini dia menunjuk daripada Tanjung Dato kawasan sampai mengalir ke Lawas, Limbang menunjukkan bahawa pencatutan *seat* yang diatur oleh SPR ini menunjukkan bahawa SPR hendak tiap-tiap satu kawasan itu ada ditambahkan *seat-seat*nya tertentu begitulah juga Ahli Parlimennya, yang tiga Parlimen itu.

Utaranya, di tengahnya dan di selatannya bagi satu, satu, satu semua luar bandar sebabnya ialah satu kita hendak wakil rakyat banyak daripada luar bandar apa tidak setujukah DAP ini orang luar bandar ini banyak wakil rakyat boleh membawa masalah-masalah mereka ke Dewan, kepada pejabat kerajaan, kepada Menteri dan kepada orang yang berkuasa. Inikah yang dipertikaikan?

Kalau kita mempertikaikan ini bawak baliklah cerita DAP ini ke Sarawak pilihan raya tidak lama lagi tahun hadapan yang tidak mahu orang di persisiran bandar, di luar bandar mendapat wakil rakyatnya sendiri yang diatur dengan begitu rupa mencukupi. Tapi Sarawak itu Tuan Yang di-Pertua dia besar saya cukup bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Mambong tadi mengatakan Sarawak itu hanya 200,000 kilometer sahaja kecil daripada Semenanjung Malaysia jadi kita perlu banyak lagi tempat. Tetapi oleh kerana amalan kita, mengikut undang-undang kita, perlembagaan kita mengatakan tiap-tiap 8 tahun sekali kita wujudkan dasar ini dan perlembagaan ini bahawa dengan itu kita hanya selepas 8 tahun dahulu baru kita adakan sekali lagi sekarang, yang ini yang kita hendak luluskan. Semua kebanyakannya wakil-wakil yang kita hendak tubuh ini ialah orang kawasan luar bandar, bukan untuk memperbodohkan orang luar bandar tetapi untuk memberi wakil yang lebih banyak membawa suara rakyat daripada luar bandar oleh kerana kawasan ini luas ditambahkan lebih di luar bandar supaya boleh membawa kepada kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan dan kepada menteri dan akhirnya pula ke Dewan-Dewan peringkat negeri dan juga di Dewan Parlimen ini, jadi ini kita kena menyokong dan jangan dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyebut, ini belum saya berucap, ini baru mukadimah. Mengenai undi pos, saya pernah menjadi pengundi pos berpuluh tahun. Bila orang buat undi pos ini jadi komander dia buat depan tu, dia bagi dengan pegawai dia bahkan platoon sarjan semasa saya dalam *Field Force* dahulu tidak boleh masuk hendak beritahu kepada pegawai-pegawai yang hendak menconteng undi ini, tidak boleh. Tidak ada penyelewengan dalam jabatan kerajaan, hanya polis dan tentera sahaja yang dibenarkan untuk mengundi pos undi, tidak ada penyelewengan. Ini adalah satu persepsi oleh kerana dia tidak dapat sokongan daripada pegawai-pegawai seperti polis dan tentera. Ini dia kata orang menyeleweng pula. Tidak ada orang lain yang hendak dimarahkan, maka marahkan pula pihak SPR. Kita kadang-kadang cari kesalahan dan sebutlah yang salah. Ini betullah macam cerita orang main *football*.

Petang semalam saya tengok orang main *football*, yang pandai sekali main *football* ini ialah orang yang duduk di belakang saya itu. Bukannya 20 orang yang di padang bola tu. Mengapa tidak sepak ke sana, mengapa tidak tendang ke sini, macam-macam cakap tetapi bila suruh dia di sana boleh buat tak? Ha, macam inilah DAP ni hendak mencari masalah hendak mencari kesalahan dan kelemahan orang lain, itulah dia, SPR tidak betullah orang ni tidak betullah, pengaruh Barisan Nasional, semua sekali disebut. Bila diminta untuk menunjukkan bukti sudah tidak boleh tunjuk dah.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin bahawa undi pos masih diperlukan kepada pegawai-pegawai yang ber'*removable*', khususnya pihak polis dan tentera yang perlu berkhidmat di dalam hutan, di luar bandar yang tidak boleh datang ke tempat pengundian dibuat, mesti kita kena wujudkan undi pos. Persoalan tuduhan dan *allegation* dibuat dengan izin pada mana-mana pihak pun kita tidak payah dengar benda ini. Kita hendak supaya orang ini diberi peluang *to exercise the right*.

Kalau dalam hutan, di hutan tidak *exercise the right* tidak ada undi pos pula jadi macam mana. DAP kata tadi orang mesti diberi peluang mengundi, tetapi sekarang kita hendak melarang mereka mengundi pula, pergi ke hutan tidak boleh mengundi, macam mana? Maksudnya kita melarang orang mengundi. Tentera atau *Police Field Force* umpamanya terpaksa masuk ke hutan, pegawai yang berkhidmat di Wisma Putra yang terpaksa pergi ke luar negara tidak boleh juga mengundi pos, jadi macam mana? Hendak balik ke Malaysia dahulu? Semua wakil kita balik ke sini semasa pilihan raya sebab ada pilihan raya. Kita kena beri peluang kepada mereka ini dengan membuat undi pos. Kita ini hendak larang pula, DAP kata buang undi pos khususnya dari Bandar Kuching, jangan undi pos lagi, *deprive this people from their right to undi*. Mana ada satu demokrasi dia cakap sebelah, di sebelah cakap lain.

Saya dengar yang Bandar Kuching cakap tu memang bercelaru pun. *One side* dia kata ini, sebelah dia kata macam tu. Mula-mula dia kata, "Tengok bandar tempat ini, yang satu tu begitu besar dan pengundinya banyak ini". Tetapi betullah, kalau dahulu Ulu Baram *you* buat satu *constituency* sebesar mana pun kalau hanya 20 orang sahaja kita hendak *constituency* juga? Tidak boleh, jadi dengan keadaan sedemikian SPR telah menggunakan semua kebijaksanaannya sudah menggunakan maklumat dan maklum balas oleh masyarakat umum sebagai mana yang kita tunjuk dalam buku ini, mungkin selain dari dalam buku ini, mungkin ada juga yang tidak dimasukkan ke dalam buku ini, setelah berbincang dan memberi pendapat mereka menerusi perjumpaan-perjumpaan peribadi di kedai kopi dan sebagainya yang memberi maklum balas kepada mereka.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Santubong, tadi kita ada dengar daripada rakan-rakan kita khususnya dari Ipoh Timor tentang di Terengganu. Apabila selepas PAS kalah katakan ada pengundi hantu. Saya tidak berapa faham apa pengundi hantu kerana saya juga terlibat dalam pilihan raya sebagai calon. Mungkin saya bukan hantu, mungkin saya tidak berapa kenal apa ini pengundi hantu.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Santubong, sebagai satu proses dengan izin, *escapism* pemimpin-pemimpin PAS di Terengganu pada tahun 1999 kelapan-lapan Ahli Parlimen dimenangi oleh PAS. Kita di pihak Barisan Nasional, saya juga bertanding pada tahun 1999 dan kita kalah teruk dan kita tidak kata ada pengundi hantu, kita tidak kata PAS tipu, kita tidak kata pemimpin menggunakan perkara-perkara tertentu, tetapi sebaliknya di bawah kepimpinan kebetulan selepas itu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri menjadi Pengerusi Perhubungan kita bekerja meyakinkan kepada rakyat.

Tiga hingga empat tahun kita bekerja sebagai satu pasukan yang mantap dan kuat dengan menggunakan gelombang biru supaya rakyat faham. Bagi kita kemenangan balik pada tahun 2004 adalah kerana keyakinan rakyat khususnya orang-orang Melayu orang Islam di Terengganu. Ia pada peringkat awalnya suka kepada janji-janji pemimpin pada tahun 1999 dikatakan ada kepimpinan ulama. Ramai orang Islam nampaknya macam setuju kepada ulama.

PAS pun tidak konsisten Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Santubong. Terengganu sekarang bukan lagi ulama menjadi Yang di-Pertua PAS Terengganu yang dahulu Yang Berhormat Haji Hadi Awang, selaku Presiden PAS telah melepaskan kepada Dato' Mustapha Ali selaku Yang di-Pertua, bukan seorang ulama. Apakah lagi perkara-perkara yang ditimbulkan oleh rakan-rakan kita selepas kalah sebagai proses *escapism* kepada penyokong-penyokong mereka malah peringkat akhir-akhir ini suatu penipuan yang besar cuba diledakkan oleh rakan-rakan kita dalam PAS, iaitu tentang Kerajaan Barisan Nasional Terengganu merobohkan apa yang dinamakan masjid Kampung Bujal, Kemaman. Tunjuk perasaan dibuat oleh pemimpin-pemimpin PAS dan penyokong-penyokong PAS.

Baru-baru ini Yang Berhormat Salahuddin sahabat saya, Ketua Pergerakan Pemuda PAS sendiri datang bersama-sama dengan bijaksana, tetapi apa yang kita perhatikan 90% daripada yang tunjuk perasaan itu yang hendak menghantar memorandum itu bukan orang PAS Terengganu, tetapi di luar Terengganu yang telah disalahfahamkan.

Di Kampung Bujal, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil seminit dua masa Yang Berhormat Santubong, persepsi ini perlu diperbetulkan kerana diperluaskan dengan menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional merobohkan masjid. Di Kampung Bujal ini yang boleh mendirikan, yang boleh menunaikan fardu Jumaat hanya ada 24 orang mana ada buat masjid. Pada zaman pemerintahan PAS selama 4 tahun 3 bulan di Terengganu mana ada satu pun masjid yang didirikan oleh kerajaan PAS. Sekarang ini, Kerajaan Barisan Nasional akan tender tahun ini 30 buah masjid bertentangan dengan apa yang diwar-warkan oleh PAS.

Saya kesian kepada rakan-rakan dalam pimpinan PAS, kita pun bukannya hebat sangat, macam saya boleh jatuhkan Dato' Mustapha Ali, bukan saya yang kuat. Yang kuat selain daripada kuasa Allah ialah kekuatan gelombang rakyat yang yakin kembali kepada apa yang dinamakan pengurusan yang baik untuk membela rakyat. Ini DAP terutamanya Ketua Pembangkang Yang Berhormat Ipoh Timor sentuh tentang pengundi hantu.

Sebenarnya apabila PAS menang pada tahun 1999 Yang Berhormat berpeluk dengan Yang Berhormat Haji Hadi sebenarnya orang Melayu Terengganu benci kepada pemimpin DAP seperti Yang Berhormat Ipoh Timor. Kita pun turunkah berkempenn, itu perkara biasa sebenarnya. Sebab itu kita hendak jelaskan kepada Dewan yang mulia ini supaya proses *escapism* di antara pemimpin-pemimpin PAS terutamanya kita kena kurangkan supaya tidak membahayakan kepada apa yang berlaku khususnya di Terengganu. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Santubong bahawa selain daripada perkara-perkara lain, apakah sebenarnya yang diistilahkan pengundi hantu yang cuba diwar-warkan oleh pemimpin PAS dan juga pemimpin-pemimpin DAP selepas kalah teruk dalam pilihan raya tahun 2004 yang lalu. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebab saya kurang arif dengan soalan apa yang dikatakan pengundi hantu ni, Tuan Yang di-Pertua, susah saya hendak memberikan takrifan yang jelas. Tetapi apa yang dikatakan pengundi hantu mungkin ialah orang yang tidak didaftar boleh mengundi. Itu baru dia jadi hantu. Ini orang yang betul-betul didaftar, orang dalam senarai, orang yang betul-betul wujud macam mana boleh jadi pengundi hantu. Soalnya kalau dia ada duduk di sana ataupun tidak duduk di sana itu cerita lain.

Konsepnya, tiap-tiap orang dibenarkan untuk mengundi, sepatutnya kita menerima hakikat. Kita kena menerima hakikat bahawa orang yang mengundi Barisan Nasional itu telah menerima Barisan Nasional bukan menerima parti pembangkang, itu sahaja. Persoalannya ini *exercise of democratic rights* ini, Tuan Yang di-Pertua, patut jangan dipertikaikan melainkan seseorang itu datang dengan sendiri, tidak ada nama dan memakai nama orang mati ataupun orang yang sudah meninggalkan negara ini, mendiami negara lain, tidak ada dalam senarai mengundi, itu mungkin boleh dikatakan pengundi hantu.

Saya cukup yakin ini tidak berlaku. Saya cukup yakin ini pengundi hantu. Saya berbalik kepada apa yang saya sebut tadi iaitu apabila kalah itu semua orang tidak betul, semua tindakan tidak betul, tidak dapat katakan Barisan Nasional ini salah, yang Suruhanjaya Pilihan Raya salah sebab dia tidak boleh menjawab sendiri. Cari sajalah kelemahan supaya menegakkan apa yang dikatakan oleh orang Sarawak, benang yang basah.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada persoalan pembangunan negeri Sarawak. Ada disebutkan tadi iaitu *distribution of well* dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap orang diberikan peluang dan tiap-tiap orang diberi kemudahan. Semua mendapat peluang yang sama, tidak ada orang yang dilarang atau diberhentikan dari membuat apa-apa sahaja yang perlu. Persoalannya, apakah nasihat wakil-wakil rakyat selain daripada menghasut orang lain? Macam DAP, kalau kita hasutkan orang kita untuk berniaga, hasutkan orang kita untuk memajukan diri sendiri, menghasut orang kita untuk membuat perkara-perkara yang baik, insya-Allah orang akan membuat perkara yang baik dan mendapat hasil selepas itu.

Dalam konteks apa yang dikatakan di Sarawak, politik pembangunan iaitu dua *prong* – satu untuk membangunkan infrastruktur negeri Sarawak, yang kedua untuk membangunkan *human resource* ataupun guna tenaga manusia di negeri Sarawak. Kedua-dua ini telah mencukupi keseluruhan perjuangan politik negeri Sarawak. Persoalan profesional *representation* dan semua sekali, semua yang universal ideal yang disebutkan tadi itu, Tuan Yang di-Pertua, kita kena melihat kesannya. Saya lebih penting dan lebih suka melihat kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak kalau kita buat satu politik yang begitu liberal, yang begitu apa yang disarankan mengikut politik yang digunakan oleh pihak negara yang sudah 800 tahun macam England dan sudah 300 tahun seperti USA merdeka menggunakan hak-hak mereka. Ini kita hendak contohi mereka, budaya mereka, semua ini kita ambil contoh. Tetapi kalau kesannya nanti akan menganiaya masyarakat kita sendiri, apakah ertinya pentadbiran negara ini?

Pentadbiran negara ini ialah untuk mendatangkan rahmat, mendatangkan kemewahan, keharmonian dan kebaikan kepada masyarakat di sini. Bukan kita hanya berbangga dengan soal ideal demokrasi, ideal *human resource*, kita sebut semua benda macam ini tetapi kalau kita hidup papa kedana, saya tidak perlu mahukan itu. Saya lebih bergembira dan lebih selesa kalau orang kita semua cukup makan, semua dalam kedudukan yang elok, boleh membuat pekerjaan kita sendiri tetapi daripada fakta-faktanya belum mencukupi, saya menerima hakikat, kita masih jauh. Jalan kemerdekaan kita baru 50 tahun, ini perlu diterima pakai. Saya pernah berdialog semasa di Oxford University.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebentar, saya belum habis lagi. Saya berdialog dengan *student* di *Oxford University*. Persoalan ini dibangkitkan, budak yang menyual saya ialah seorang pelajar daripada India. Saya kata laporan yang akhir pada tahun 2000 di India, saya kata, 870 juta manusia hidup di bawah tahap kemiskinan *and they are the biggest democratic nation in world*. Mana satu yang *you prefer*? Yang 870 juta hidup papa kedana ini atau macam negara kami yang *you* katakan belum mengikut garis panduan *universal values* macam di Amerika dan di England tetapi kita mempunyai 7% sahaja orang yang hidup di bawah kemiskinan. Saya kata, saya lebih gembira, *for me I said*, untuk masyarakat di negara saya, hidup macam ini daripada mendapat kekayaan tetapi tiga suku daripada rakyatnya hidup dalam papa dan merana. Sila, Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya ambil sedikit sahaja, setujukah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi rahmat dan barakah. Rahmat ini adalah satu anugerah Allah yang terbesar kerana kepimpinan kerajaan kita berteraskan Barisan Nasional, UMNO sebagai teras kepimpinan, membawa Islam Hadhari, masyarakat Islam Hadhari, kita mendapat rahmat.

Yang keduanya ialah barakah. Barakah ini ertinya berkekalan. Kalau ikut mana pun demokrasi kita berjalan, kalau Tuhan tidak beri berkat, kita kena bencana, mala petaka, hancur lebur, apa yang kita hendak perintah? Inilah saya rasa, saya menyokong, barangkali hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Santubong tadi, ulaskan sedikit – papa kedana.

Papa kedana ini kalau kita tidak dapat *survive* ekonomi walaupun ikut mana kita memerintah, kita jadi pemimpin kalau tidak pandai *survive* ekonomi, lepas sembahyang hendak makan, maka lepas sembahyang tidak ada makanan, kita tidak boleh hidup, papa kedana. Kita tidak akan menjadi untuk buat apa-apa, melutut kepada negara-negara maju. Tengoklah negara-negara Islam lain, minoriti, majoriti kerana dia susah dalam ekonomi, tidak dapat *survive*, dia berhutang dengan negara-negara besar, melutut negara besar, suruh cium lutut pun dia cium kerana hendak berhutang duit. Tetapi Malaysia, alhamdulillah IMF kita tidak terima. Kita dapat *survive* sendiri, kita berjaya kerana tidak papa kedana. Setuju atau tidak?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang, memang saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Memang inilah sebenarnya yang saya katakan. Saya bukanlah menyatakan bahawa satu teori baru atau itu *utilitarian approach* kepada persoalan demokrasi dan sebagainya tetapi kita kena menerima hakikat, kalau perut kita masih lapar, kalau perut kita ini masih tidak diisi dengan sepenuhnya, tidak mendapat makanan secukupnya untuk seharian, tidak payahlah soal *high ideal*, demokrasi, *human rights*, tidak payah sebut, Tuan Yang di-Pertua. Yang penting, makan dahulu, ekonomi kita ini dahulu. Jadi, kalau dalam masa kita mengejar ekonomi, kemewahan negara, untuk keharmonian orang kita ini, kita ada sedikit kekurangan daripada amalan kita, kekurangan daripada *freedom* kita, kekurangan daripada demokrasi kita, kekurangan daripada segala benda yang *high ideal* ini. Kita sepatutnya jangan buat kompelin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu apa kata *all man are created equal*, kata Thomas Jefferson, semua kenal, semua orang tahu tetapi Thomas Jefferson sendiri percaya dengan *slavery* pada ketika itu, bahkan dia bukan *abolishnist* ataupun orang percaya hendak menggugurkan semua pengabdian di negara Amerika pada ketika itu. Semua orang yang menyebut benda-benda yang *high ideal* ini semuanya hipokrasi.

Jangan turut Yang Berhormat daripada DAP atau sesiapa pun. Jangan jadi hipokrasi Thomas Jepperson itu. *In slave* orang lain tetapi kata *all man are created equal*. Yang *equal* itu orang putih sahaja, yang Cinanya, yang *blacknya*, yang kuningnya, yang hijaunya, semua *not equal*. Kita di sini hendak *pirating* yang benda ini kita hendak *pirating* tetapi dalam masa yang sama, saya hendak tanyalah, *how democratic is your party?* Saya tidak tahu, saya tidak tahu [Disampuk] [Ketawa]

Yang Berhormat, biarlah tanya sendiri. Yang Berhormat, kita ini orang Timur, budaya, budi pekerti, nilai kita adalah nilai Timur, tidak selaras dengan mereka yang di Barat tetapi banyak perkara yang di Barat itu elok, baik dan sempurna. Tetapi dalam masa yang sama ada benda yang kita tidak boleh terima. Tadi saya bincangkan dengan Timbalan Menteri tentang soalan ini, saya sebutkan yang mana *high contact culture*, yang mana *low contact culture* daripada soal perhubungan. Yang *low contact culture* macam Amerika, *high contact culture* macam orang Malaysia, orang Cina, orang India, jadi komunikasi kita kena tunjukkan *the reflect*, kita ini daripada *culture* yang mana? Kalau kita menggunakan *culture* yang salah dalam masyarakat kita, masyarakat tidak akan menerima kita. Jadi ini jangan *blame* orang lain, jangan cari masalah orang lain sangat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching - penyeragaman. Saya hendak tanyalah dengan menteri, minta tolonglah menteri *take note* persoalan saya nanti. Macam mana hendak buat penyeragaman daripada segi soalan tempat dan soalan orang - *population* di Sarawak. Di Hulu Beram, mungkin beribu batu persegi, tidak ada orang pun di Hulu Tinjar dekat Batasan tetapi kalau di bandar Kuching, bandar Sibu, bandar Miri macamlah tempat-tempat lain juga memanglah dia padat dengan manusia. Tidak wajarlah kalau bandar Kuching ataupun Putrajaya umpamanya yang mempunyai kawasan besar. Dia kata kenapa Putrajaya begitu besar, Putrajaya itu begitu kecil dan Baram itu begitu besar. Kenapa tidak buat sama besar.

Kalau sama besar dengan kawasan Baram sudah *whole* Kuching satu konstitusi sahaja. Jadi macam mana hendak buat penyeragaman, tidak boleh. Dalam keadaan yang memang kompleks ini, saya *salute* Suruhanjaya Pilihan Raya kerana telah membuatkan satu kompromi dari segi penduduk dan besarnya kawasan. Mungkin kalau kita terbang setengah jam naik helikopter - *belon buang kabang* mungkin tidak ada jumpa orang dekat

Hulu Tinjar dan Hulu Baram - di Perbatasan. Macam mana kita hendak buat sebesar Putrajaya ataupun besar Bandar Kuching, tidak boleh. Dalam masa yang sama macam mana hendak mewujudkan dia punya *population* juga. Penyeragaman ini tidak boleh dibuat.

Yang kedua, kita lihat juga soal politik dan kehendak masyarakat setempat. Dalam kita mengaturkan persempadanan ini, kita tidak memberi perhitungan, permohonan dan kehendak masyarakat di luar bandar. Mungkin dia tidak pandai mengikut cara yang telah ditetapkan oleh perundangan ataupun syarat perundangan, kita kena buat petisyen begini sebanyak orang ini dibawa berjumpa barulah didengar permintaan - permohonan mereka, mungkin tidak bertulis pun orang luar bandar ini tetapi dia tahu apa yang dia mahu. Kita tidak boleh ketepikan juga permohonan ini. Saya memberi itulah kepada Wakil-wakil Rakyat khususnya kepada DAP, khususnya kepada Bandar Kuching supaya jangan menafikan kehendak orang daripada luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tadi cerita banyak, soalan menang di Bintulu, menang Bandar Kuching, Bandar Kuching jadi Wakil Rakyat sini. Saya cakap satu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Di Bintulu itu menang sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua! Menang sedikit sahaja marginal sahaja ini. Kena jaga-jaga, kerja kuat sedikit DAP, kalau tidak kena ambil Barisan Nasional balikkah *seat* itu nanti. Jangan bangga sangat sebut kemenangan di Bintulu itu. Kita cukup yakin kalau kita pilihkan wakilkan kita betul-betul, calon kita betul-betul, kempen betul-betul, perbetulkan minda yang telah ditukar belit oleh pihak DAP ataupun pembangkang ini, insya-Allah kita akan ambil balik Bintulu itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang berucap tadi Bandar Kuching Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ceritakan bandar Bintulu sebab bandar Bintulu sudah diambil oleh DAP, yang Kuching ini pun sama juga. Bandar Kuching ini mungkin Tuan Yang di-Pertua, tunggulah pilihan raya akan datang saya cukup yakin tanya dengan SUPP ini, boleh menang, boleh menang kali ini. Saya cukup yakin Bandar Kuching kita boleh tawan semula daripada DAP itu. Betul..[Ketawa]...

Tidak payah bangga menang sedikit itu, nanti kosong nanti. Roket naik atas pun menjunam ke bawah. Tidak ada benda yang hendak cakap sini, bercakap pun sudah tidak boleh lagi, dekat luar sahaja. Jangan sebut benda-benda yang tidak betul ini.

Satu lagi, yang sedapnya dia orang ini cerdik juga memutar belit. Ini betul-betul cerdik memutar belit. Tadi dia kata cerita *proportionate representation* menunjukkan demokrasi, semua orang mesti ada *exercise hug* tetapi bila dia cerita soalan kawasan Serian., dia kata lawat satu kampung sudah cukup untuk mengetahui semua 300 kampung di Serian. Apa macam ini, Yang Berhormat Serian.

Kampung yang dia sebut itu, Temang Bawang Tuan Yang di-Pertua, kampung di perbatasan dekat *border* Indonesia. Ini yang dia cari. Carilah pergi ke perbatasan, cari kampung ini tidak elok, tidak cukup, sebut cerita ini. Inilah menunjukkan, menggambarkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak bagi kemudahan, tidak bagi peruntukan, tidak bagi kewangan, tidak bagi apa, tidak bantu orang luar bandar. Satu sahaja di antara yang 300 baru dia lawat, dia sudah kata semua kawasan Serian tidak baik tetapi dia tidak tengok pekan Serian. Pekan Serian sekarang macam pekan Sri Aman pada sepuluh tahun lepas. Padahal dahulu kampung sahaja tetapi sekarang ...

Seorang Ahli: Macam Putrajaya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kurang sedikitlah Yang Berhormat, kurang sedikit daripada Putrajaya sebab *design* Putrajaya itu memang uniklah. Kita janganlah, jalan bos dekat Putrajaya tetapi sekurang-kurangnya janganlah gambaran itu daripada satu perkara yang tidak betul. Kita kena tunjukkan gambaran yang betul, gambaran yang benar dan penghantaran kemudahan umpamanya jalan, api dan air -

kerajaan sudah buat tetapi sebaliknya kita menerima hakikat bahawa Sarawak itu besar tetapi satu negeri.

Saya memang bersetuju Kerajaan Pusat mesti menghantarkan sumber kewangan jauh lebih banyak lagi ke Sarawak sebab kalau kita lihat satu negeri yang mempunyai tanah lapang yang begitu besar dari Lundu, dari Tanjong Dato kawasan saya nanti sampai ke Lawas, hampir 1000 km panjang. Dari Lundu pergi ke Miri ialah 970 km, memang panjang, jauh panjang daripada Johor pergi ke Perlis. Kita perlukan sumber kewangan yang banyak. Mekanisme, masalah birokrasi dikurangkan sedikit supaya duit ini cepat menurun. Dalam keadaan sedemikian saya setuju bahawa sumber kewangan itu diperbanyakkan, kerehah birokrasi dikurangkan dan semua perkara-perkara yang menyusahkan penurunan sumber kewangan ini kita perbaiki supaya wang ini boleh sampai kepada masyarakat sasaran di negeri Sarawak nanti.

Kita tidak boleh macam Yang Berhormat daripada pembangkang, menafikan usaha kerajaan membantu masyarakat di luar bandar, membantu masyarakat di Sarawak dengan seberapa daya yang boleh. Prestasi hingga sekarang amat membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi iaitu soal deposit. Deposit untuk orang terlibat dengan pilihan raya ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri sini dahulu di Dewan ini, tiap-tiap tahun berdiri dekat Dewan ini kalau ada penghujah soalan suruhanjaya pilihan raya ini, saya selalu membangkit soal deposit ini. Mungkin pendirian saya berlainan, memang betul tidak bersetuju dengan Bandar Kuching.

Saya bersetuju deposit ini ditingkatkan lagi daripada yang ada sekarang, bukan sebesar sekarang sebab di Sarawak kadang-kadang kita lihat Tuan Yang di-Pertua, orang tidak minat betul-betul bertanding politik hendak jadi Wakil Rakyat ini. Dia pasang sahaja nama, cukup RM 2,000, RM 3,000 masuk sahaja deposit bertanding, kempen itu tidak buat, pernah saya sebut di Dewan ini seorang calon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan minta jalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong dan Tuan Yang di-Pertua. Ini saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Santubong. Apabila ada pilihan raya, maka seolah-olah ada pesta dan mereka yang saya lihat bukan memperkecilkan, tidak berkelayakan Tuan Yang di-Pertua. Ada yang saya lihat calon itu, dia masuk dalam dewan apabila waktu pembayaran deposit, dia kena *advance* sebelah, minta sebelah. Pilihan raya ini bukan main-main, ia menentukan kepimpinan masa hadapan negara. Menentukan masa depan rakyat. Lebih baik kalau boleh saya bersetuju minta Yang Berhormat bagi Santubong mencadangkan kepada kerajaan supaya dikaji deposit untuk calon-calon yang bertanding.

Kalau boleh bagi tinggi, jadi bukan semua orang yang dahulu, ini orang bukan memperkecil Yang Berhormat. Tetapi dia memang tidak berkelayakan. Tetapi, dia oleh sebab mungkin isu-isu semasa mungkin dia benci dengan pemimpin di sekitar, maka dia berusaha walau dengan apa jalan cara sekalipun untuk masuk bertanding. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Santubong?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dasar untuk bertanding mengambil tempat dalam Dewan sama ada Parlimen ataupun negeri ini senang sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ia boleh memberi input positif kepada kerajaan. Positif di sini bukanlah bermakna, kita tidak hendak pembangkang. Bukan, kita demokrasi. Kita amalkan demokrasi. Kita tidak mencemuh dan menganiayakan demokrasi. Kita mengamalkan demokrasi.

Tetapi, apabila orang mengambil bahagian dalam pilihan raya hanya sebab dia marah dengan calon Barisan Nasional, marah dengan parti kerajaankah, marah dengan pemimpin kerajaankah, marah dengan pegawai kerajaankah dan dia tidak mempunyai satu idea sekalipun untuk macam mana hendak memperbaiki situasi. Walaupun dia mempunyai wang yang banyak. Pada saya dia tidak layak berdiri Tuan Yang di-Pertua. Tetapi hakikatnya kita tidak boleh larang kerana ini demokrasi. Itulah kenapa saya bersetuju persoalan deposit ini dipertingkatkan kerana kita tidak hendak orang marah dengan kawan sebelah, oh!

Yang Berhormat itu dahulu saya minta ini dia tidak bagi, saya minta kontrak dia tidak dapat tolong, saya minta dia lesen, dia tidak boleh beri, marah macam itu pun, peribadi sangat. Benda yang begitu peribadi dia marah. Dia hendak bertanding melawan calon ini. Keadaan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kita perlu elakkan mereka ini dari bertanding. Persoalan deposit ini tidak ada cara lain. Tidak ada cara lain untuk menghalang mereka yang tidak serius dalam penglibatan politik ini bertanding dalam pilihan raya kerana kita telah melihat sekali pilihan raya datang, ramailah macam mana Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebut, macam pesta.

Cari tauke mana yang boleh *sponsor*. Yang saya sebut tauke ini bukanlah mana dia orang Cina semua tauke, sama ada India, Iban, Melayu, Cina yang boleh bagi duit, tauke itulah hendak dicari *sponsor*, ataupun cari orang mana yang marah dengan siapa. Orang mana yang marah dengan Datuk Haji Wan Junaidi, yang mana marah dengan Ketua Menteri, yang mana satu marah dengan menteri mana, carilah orang itu untuk *sponsor*

Lawan, supaya dia jangan menang. Kita terpaksa menghalang orang ini daripada terlibat. Satu tidak serius, kedua kalau terpilih apa jadi rakyat? Apa jadi rakyat, kepada siapa mereka hendak mengadu? Rakyat yang teraniaya, negara kita pun teraniaya. Saya bersetuju deposit ini kalau dapat tingkatkan lagi, undi lebih tinggi lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai penutup, biarlah saya mengulang lagi, apa yang saya sebut tadi secara rumusan, bahawa DAP jangan berkokok bergegar-gegar tetapi, ekor terkena di bawah gelegar.

Yang kedua, kemenangan DAP di Bintulu itu, tidak payah bangga sangat. Masa akan datang tahun 2006, mungkin terlepas kalau tidak buat betul-betul. Kita biarlah berjaga-jaga. Menang sudah bersyukur dalam apa bahasa sekali, dalam apa agama sekali, bersyukur kalau dapat menang. Tetapi jangan dilaungkan sangat sebab dia *marginal* sedikit sahaja.

Yang ketiga, orang luar bandar jangan diperbodohkan kerana kami ini wakil rakyat luar bandar. Kalau kita kata orang luar bandar ini bodoh, kita semua balik nanti. Saya buat pc sendiri, Ahli Parlimen daripada pembangkang mengatakan orang luar bandar itu bodoh, dapat diperbodohkan. Kita tidak hendak perkara ini berlaku. Sistem kerajaan yang ada sekarang, undi pos itu bukan hendak mengena orang lain, tetapi memberi peluang setiap orang kerajaan sama ada di dalam ataupun di luar negara ini diberi hak mereka mengundi dan *exercise* demokratik *right* dia.

Dalam keadaan sedemikian, barulah kita boleh menerima pandangan demokrasi yang kita pelopori. Dalam masa yang sama, kalau kita bercakap hal demokrasi, tetapi ada orang kita larang terlibat dalam amalan demokrasi ini, makna kita adalah hipokrit sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, dengan pesanan sedemikian saya berharap pihak DAP berjaga-jaga apabila mengeluarkan percakapan, sekian dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

4.06 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, yang mulanya saya sangat terperanjat mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Santubong mahu menaikkan deposit untuk calon-calon pilihan raya. Sama ada untuk peringkat Dewan Undangan Negeri atau peringkat Parlimen. Oleh kerana kita tahu, betul saya bersetuju adalah penyalahgunaan dalam perkara ini di mana ada setengah orang mengangap satu pilihan raya besar sebagai satu pesta dan satu peluang untuk mengaut keuntungan luar biasa, di mana ada berlaku orang yang letak nama untuk menjadi calon supaya boleh jual beli penarikan pencalonan beliau supaya boleh dapat satu keuntungan. Tetapi selalu *target* yang menjadi sasaran kempen ini adalah daripada Barisan Nasional.

Oleh kerana calon daripada Barisan Nasional ada cukup wang untuk jual beli supaya orang yang ada letak nama sebagai calon ada peluang untuk menjadi kaya-raya. Sungguhpun begitu, saya bukan kata ini betul, patut dibenarkan. Saya bersetuju, tindakan semacam ini sangat patut dikutuk dan tidak dibenarkan, tetapi ini bukan *root cause*. Masalah ialah bahawa penyakit yang sebenarnya ialah bahawa pilihan raya besar adalah dianggap menjadikan satu peluang di mana 'wang politik'. Wang di mana peluang untuk mendapat keuntungan.

Sungguhpun kita perlu mengadakan peruntukan-peruntukan untuk melarangkan orang yang mahu menggunakan pencalonan mereka untuk mengaut keuntungan yang luar biasa, tetapi yang lebih mustahak ialah bagaimana, yang pertama kita tidak mahu deposit begitu tinggi sehingga orang yang sah yang ada *legitimate*, ada hak untuk menjadi calon oleh kerana mereka ada tujuan, visi, pendirian yang mahu menyampaikan tujuan mereka untuk dipilih sebagai sama ada Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri, satu peluang. Kita tidak mahu orang kaya sahaja boleh menjadi calon.

Kita tidak mahu orang yang *disponsor*, parti yang kaya-raya sahaja boleh menjadi calon. Oleh kerana kalau begitu, itulah *root cause* kenapa ada *money politics* bermaharajalela di negara kita, di mana wang dicurahkan dalam masa pilihan raya besar untuk dapat kemenangan dan selepas kemenangan perlulah ada berlaku penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, dapat wang balik sebagai satu *investment* 10 kali, 100 kali dan ini betul-betul *corruption* yang berlaku. Saya pun hairan mengapa Yang Berhormat bagi Santubong barulah begitu *selective* mengenai masalah deposit?

Kenapa tidak pun ada diberi perhatian mengenai penyalahgunaan wang dalam kempen? Kita ada satu siling, satu maksimum di mana membenarkan perbelanjaan digunakan, RM100,000 tetapi kita selalu tengok, bukan RM1 juta, bukan RM2 juta atau RM10 juta dibelanjakan untuk satu kawasan. Yang tentu sangat jelas penyalahgunaan kuasa. Kenapa tidak diberi perhatian oleh kerana inilah satu *root cause political corruption* kalau masuk satu *national integrity system*. Kita mahu satu *national integrity system* Ahli-ahli Parlimen perlulah peka mengenai masalah semacam ini tetapi tidak. Mana ada tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya terhadap mereka yang melanggar undang-undang mengenai perbelanjaan luar biasa yang *root cause corruption* di negara ini kalau kita mahu.

Itulah saya harap bahawa cadangan mengenai untuk mempertingkatkan deposit, saya harap bahawa ia tidak akan diberi pertimbangan oleh kerana ini adalah tidak adil. Kita perlu mengatasi masalah-masalah di mana orang yang menggunakan *election* sebagai pesta mahu dapat keuntungan luar biasa yang tidak sihat, itu kita persetujui, tetapi kita pun perlu ambil tindakan terhadap mereka yang menggunakan wang untuk menang besar dalam pilihan raya.

Saya ada tengok laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia mengenai Kajian Semula Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri bagi negeri Perak dan Sarawak dan apabila saya baca mengenai laporan ini, saya dapati bahawa antara perayu-perayu yang ada buat rayuan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya ialah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan apabila saya baca sebab-sebab rayuan beliau, inilah rayuan-rayuan dan sebab-sebab terbaik sekali yang ada dalam kandungan laporan ini. Saya tidak lihat nama Yang Berhormat bagi Sibu yang menunjukkan bahawa dia lalai, dia tidak bertanggungjawab, dia *careless*, tidak buat apa-apa rayuan selain daripada dia setuju 100% apa yang ada dalam laporan ini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Mahu penjelasan? Boleh bagi, tidak payahlah. Okey. Kita tengok apa itu antara sebab-sebab rayuan yang ada dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, antaranya ialah untuk menjadikan setiap undi mempunyai nilai yang sama. Satu prinsip yang sangat kukuh dan fundamental – *one man, one vote, one value*, seorang, seundi, senilai, *same value*. Tidak ada nilai yang berbeza dan ini sangat kukuh. Kenapa ini ditolak? Suruhanjaya Pilihan Raya, apa ulasan dan keputusan SPR? Suruhanjaya Pilihan Raya mendapati cadangan yang dikemukakan oleh perayu tidak khusus dan ditolak. Apa tidak khusus? *One man, one vote, one value*, tidak faham.

Kalau SPR tidak faham, apa guna SPR? Kalau SPR tidak faham, apa ertinya *one man, one vote, one value*? Saya mahu tanya SPR *what right have you to be in SPR*? Siapa yang bertanggungjawab? Sebenarnya ini bukan kali yang pertama. Saya pernah dalam *exercise* persempadanan kawasan-kawasan dalam Malaysia, ada buat rayuan kepada SPR. Saya pun dalam tahun 70-an, 80-an, 90-an, oleh kerana lapan tahun sekali adalah *radiant nation*. Saya pun pernah kemukakan *objection* oleh kerana tidak mengikut *one man, one vote, one value*. Sekurang-kurangnya masa itu mereka ada memberi sebab kenapa tidak boleh diterima tetapi di sini tidak ada langsung. SPR mendapati cadangan yang dikemukakan oleh perayu tidak khusus.

Cadangan yang dikemukakan berasaskan pandangan beliau sahaja dan cuba menentukan di mana sepatutnya bahagian pilihan raya diwujudkan. Saya rasa ini adalah *most unprofessional* yang tidak bertanggungjawab dalam menimbang rayuan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching oleh kerana *one man, one vote, one value* patutlah diberi perhatian oleh Dewan yang mulia ini. Adakah kita percaya? *One man, one vote, one value* atau yang Yang Berhormat bagi Santubong kata, itulah *highfalutin*, itulah *irrelevant* kepada Malaysia. Kalau begitu kenapa ada Parlimen? Kenapa ada *parliamentary democracy*? Kenapa tidak ditutup Dewan yang mulia ini? Kenapa dapat gaji dan elaun sebagai Ahli Parlimen?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kata saya yang mengatakan apa yang dia kata tadi *irrelevant*. Sebenarnya Yang Berhormat tidak dengar betul-betul apa kata saya. Dalam situasi Malaysia sekarang, adakah kita hendak mahu *high ideal* ataupun mengikut praktis dia, praktikal ataupun tidak. Kalau dia tidak praktikal, *high ideal* tidak boleh dilaksanakan. Itu yang saya sebut.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, *high ideal* atau apa yang praktikal, betul. *One man, one vote, one value*, saya setuju tidak boleh dilaksanakan 100%, *100% pure, cannot*. Saya setuju. Tetapi kalau kita lihat apa yang di dalam Perlembagaan apabila negara kita mencapai kemerdekaan, kita ada satu *social compact*, satu merdeka *contract, constitution* merdeka tahun 1957 yang menjadi asas negara kita, menjadi asas membina negara ini.

Kalau kita tidak boleh terima merdeka *contract*, merdeka *constitution* sebagai asas negara kita, apa hak kita menjadi warganegara, apa hak kita menjadi Ahli Parlimen Malaysia di sini? Apa dalam Perlembagaan ialah bahawa ada peruntukan untuk persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya, betul kita ada sedikit kompromi mengenai *one man, one vote, one value* bahawa oleh kerana ada *weightage* diberikan. *Constitutional* mengikut Perlembagaan dibenarkan, ada peruntukan *rural weightage*, berapa? 15% *deviation* daripada *electoral quota*. 15%, itulah realiti praktikal politik. Tetapi apa yang berlaku?

Adakah kita mengikut 15% *deviation* itu daripada *electoral quota*? Tidak. Tengok apa yang kita ada di sini dalam 28 kawasan baru untuk negeri Sarawak, yang terkecil sekali ialah Hulu Rajang, 17,217 dan bilangan yang terbesar sekali pengundi-pengundi ialah Miri. Miri ialah 74,358. Berapa kali? *Four times*, lebih daripada 400%. Adakah ini adil? Itulah kita kata semua sama, tidak, tetapi kita perlulah *deviation* yang kita patut ikut dan ini pun ada diikuti oleh semua negara lain yang percaya mengenai prinsip *one man, one vote, one value*. Jangan kita kata di Malaysia kita tidak terima *one man, one vote, one value* oleh kerana itu *high ideal*, kita tolak, mana boleh. Adakah kita tolak?

Pada masa kita mencapai kemerdekaan kita boleh menerima, sekarang tidak boleh. Sungguhpun ada *deviation* tetapi kita perlu dan saya rasa sangat kesal bahawa prinsip ini tidak diikuti. Dalam tahun 1962, kalau tidak silap, satu pindaan Perlembagaan ada dibuat di mana 15% *deviation* ada ditukar kepada 50% *deviation*. 15% tukar kepada 50% *deviation*.

Di tahun 1973 lagi satu pindaan di mana satu had, satu *deviation* ini, satu had tidak lebih dan keluar daripada 50 peratus *deviation* langsung dihapuskan. Sekarang tidak ada *the sky is the limit*, *the sky is the limit*, sekurang-kurangnya kita boleh kembalikan, pulihkan apa, bukan *high ideal* negara-negara yang lain atau zaman-zaman yang dahulu tetapi apa yang termaktub di dalam Perlembagaan, merdeka masa kita mencapai kemerdekaan. Adakah kita selepas 48 tahun rela adakan satu sistem yang lebih teruk dan lebih *undemocratic* daripada masa yang kita mencapai kemerdekaan. Bukankah itu malu?

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ingin meminta penjelasan. Boleh izinkan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Merbok.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya dengan segala hormatnya, Tuan Yang di-Pertua, ingin mendapat penjelasan, bagaimanakah proses demokrasi dalam DAP yang membolehkan Yang Berhormat dapat kekal menjadi seorang pemimpin yang paling lama sekali memimpin sebuah parti tanpa ada pilihan yang lain kecuali Yang Berhormat? Saya ingin mempelajarinya tentang proses demokrasi mengekalkan kedudukan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Merbok.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berani tanya soalan itu apabila Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri 22 tahun, kenapa sekarang baru ada keberanian? [Dewan riuh seketika] [Tepuk] Masa itu *coward*, sekarang ada keberanian...

Datuk Zainudin bin Maidin: [Bangun] [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti, masa itu *coward*, sekarang ada keberanian dan saya dalam DAP, kita lebih demokratik daripada UMNO. UMNO mana ada? 20 tahun tidak boleh ada *election* untuk presiden, tidak boleh *election* untuk Timbalan Presiden..

Beberapa Ahli: Hoi! [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: DAP lebih bersih daripada UMNO, UMNO *corrupt*, bukan. *Vice president corrupt*. Vice president yang dapat undi yang terbesar *corrupt* tetapi masih menteri, masih menteri, bukan? [Dewan menjadi riuh lagi]

Beberapa Ahli: Yaa!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan ada orang lain pun *corrupt*, mungkin di sini ada orang pun *corrupt*, siapa *corrupt*, berdiri. Berdiri!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi kalau mahu BPR jalan, mungkin tidak ada Kabinet, tidak ada *supreme counsel*, bukan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Eh! DAP pun *nepotism* lah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada apa lagi soalan? Saya bagi *chance* dan jangan kesal jawapan saya!

Datuk Zainudin bin Maidin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Merbok, bangun.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya tidak pernah kesal.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tidak, saya ingin tahu, apakah Yang Berhormat percaya bahawa parti Yang Berhormat benar-benar bersih walaupun belum benar-benar bersih, tidak ada penyelewengan, tidak ada penyalahgunaan wang dan sebagainya? Saya ingin mendapat jawapan yang tepat daripada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *As clean as can be and not as UMNO as dirty as can be!* [Dewan menjadi riuh seketika] Okey!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hei! [Dewan masih riuh]

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *DAP as clean as can be*, bukan UMNO *as dirty as can be*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mana ada! [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada lagi? Jangan main-mainlah, jangan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hey DAP nepotism apa cerita? Apa cerita DAP? Itu nepotism apa cerita?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Berani berdirilah. Haiya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak mahu balik, bantu saya, ini mustahak. Tuan Yang di-Pertua, ini mustahak, bagaimana kita mahu satu persempadanan kawasan-kawasan pilihan raya yang menjadi satu *basic* pokok, untuk menentukan sama ada sistem demokrasi kita baik atau tidak baik. Bebas, demokratik atau tidak? Itu mustahak. Kita tahu bahawa kawasan-kawasan pilihan raya ditentukan dan dipersempadankan oleh SPR yang sepatutnya menjadi satu badan yang bebas, autonomous tetapi adakah ini benar? Adakah ini benar?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional mudah lupa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa lupa, apa lupa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir berkata, dia menangis, orang Melayu mudah lupa, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mudah lupa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu Melayu dekat Ipoh Timorlah, Melayu lain tidak lupalah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Selepas pilihan raya yang besar. Selepas pilihan raya besar Mac tahun lalu, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional marah, hentam maki-hamun SPR tidak adil, tidak guna, sekarang nampaknya sudah lupa. Sebab itu saya kata Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mudah lupa, mudah dan senang lupa, khasnya kalau ada gula-gula, khasnya kalau ada little sweets. Kita mahu satu SPR yang berwibawa....

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Diktator nombor satu DAP bercakap!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa itu?

Seorang Ahli: Lipis!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berani berdiri, *don't be a coward!* Jangan jadi pengecut, berdiri! [Dewan riuh] [ketawa] Mana? Berdiri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah masalah, itulah masalah...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis, Ya Lipis sila.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini DAP...saya menengok Ketua Pembangkang, daripada dahulu saya mula-mula ingat, dia ini seorang yang bagus dan bersih tetapi rupa-rupanya diktator nombor satu dalam DAP *[Tepuk]* Bila dia kalah, dia pun berkata hendak letak jawatan jadi Setiausaha Agong, membohong nombor satu. *[Disorak]* Selepas itu dia kata dia hendak jadi Pengerusi, anak dia pula jadi Setiausaha Agong, *[Disorak]* esok cucu dia pula jadi Setiausaha Agong, dia jadi *advisor* anak dia pula jadi Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu tidak ada *standard*, apa.....*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Beberapa Ahli: Wei, kecoh lah! Apa tidak ada *standard* pula?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa, maafkanlah Yang Berhormat, mahu buat personal, mahu buat itu dan ini, fokus apa yang kita bincangkan ini boleh?

Semua Ahli: Oo! Betul lah....*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya boleh buat balasan terhadap pemimpin-pemimpin UMNO, MCA, MIC, Gerakan setiap parti, itu tidak ada masalah, itu masa yang lain, okey. *[Dewan riuh lagi]* Kita mahu SPR berwibawa, *credible* dan *independent*. Langkah yang pertama ialah untuk kembalikan atau *restore*, memulihkan peruntukan di Perlembagaan Merdeka mengenai ada menetapkan satu *deviation*, peraturan di mana setiap kawasan pilihan raya tidak boleh lari daripada mungkin 15 peratus terlalu kecil, 25 peratus atau 30 peratus tetapi perlulah satu had. Satu had supaya tidak ada pilihan raya atau kawasan-kawasan atau *constituency* yang ada bilangan pemilik-pemilik tiga kali, empat kali, lima kali lebih daripada kawasan-kawasan yang lain, itulah kita serius.

Kita serius supaya kita ada satu sistem elektro sistem yang boleh dihormati oleh semua dan kita tahu bahawa persempadanan kawasan-kawasan pilihan raya menjadi satu *weapon*, satu alat di mana parti-parti pemerintah *control* dan menguasai negara ini. Ini berlaku dalam 2003, setiap kali ada berlaku dalam 2003 kita tahu contoh yang sangat jelas kenapa *delineation* 2003 menjadi satu alat untuk Barisan Nasional dapat kemenangan dalam 2004. Tidak perlulah saya beri sebab-sebab antara lain ialah kalau ada adil, kalau mengikut prinsip-prinsip yang boleh diterima patutlah diadakan penambahan kawasan-kawasan atau *constituencies* di Terengganu, di Kelantan, di Kedah, bukan sahaja ada dalam Johor, di Selangor dan di Pahang. Dan, kenapa ada tambah 6 kerusi di Johor? *[Disampuk]*

Sungguhpun di Selangor kalau mengikut lunas-lunas atau kriteria-kriteria untuk menambahkan 6 kerusi Parlimen di Johor, patut tambah 10 kerusi Parlimen di Selangor. Patut ada satu *guideline* yang konsisten dan tidak diskriminasi tetapi ini semua berlaku. Kita tahu bahawa sehingga tahun 1999, persempadanan kawasan-kawasan pilihan raya digunakan untuk memperkukuhkan dan memperkuat kedudukan parti pemerintah terhadap DAP untuk menganiayai DAP tetapi 2003 kita tahu *target* ialah PAS, *open cigarette*, kita semua tahu tetapi adakah itu mengikut demokratik *principal*. Kita patut mengikut *democratic principal* yang baik dan saya harap bahawa khasnya mengenai Sarawak *delineation* untuk masa hadapan. Ini akan diluluskan oleh kerana ada cukup majoriti, semua menteri-menteri pun ada di sini, menteri-menteri yang jarang datang pun muncul di sini untuk luluskan usul ini. Tetapi saya harap bahawa kita boleh *have a new beginning*, di mana kita mahu SPR, saya masih ingat tadi saya ada sebut nampaknya Ahli Parlimen Barisan Nasional mudah lupa.

Apabila Parlimen bersidang selepas pilihan raya besar kali yang pertama bulan Mei tahun lalu, saya ada kemukakan satu usul ketidakpercayaan - *no communes motion* terhadap pengerusi dan ahli-ahli SPR oleh kerana cara tidak profesional, cara tidak adil mengendalikan pilihan raya besar tahun 2004. Tetapi pada masa itu Tuan Yang di-Pertua ada buat satu *ruling* bahawa ini *subjudice*, oleh kerana ada *election appeal* usul itu tidak boleh di bincang.

Sebab itu sampai sekarang lebih daripada satu tahun atau 15 bulan cara SPR mengendalikan pilihan raya besar 2004 tidak pernah dibahas dengan sedalamnya dalam Dewan yang mulia ini. Inilah kali yang pertama tetapi *tangible* oleh kerana bukan mengenai cara pilihan raya besar 2004 dikendalikan tetapi mengenai persempadanan semula untuk negeri Sarawak, *tangible* tetapi kenapa? Kenapa kita perlu satu perbincangan bahawa rungutan, sungutan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mengenai cara yang tidak profesional SPR, semua diberi perhatian yang berat atau sekarang semua boleh dimaafkan, boleh dilupakan?

Inilah antara lain kita tidak mahu persempadanan kawasan-kawasan pilihan raya menjadi satu alat, menjadi satu instrumen untuk parti-parti memerintah mengongkong kuasa politik yang kita lihat di Sabah, apa yang berlaku di Sabah kenapa PBS sekarang perlu balik *crawl back* kepada Barisan Nasional? Oleh kerana mereka sudah hilang itu faktor untuk berdikari, dahulu adalah 1/3. Kita tahu sekarang oleh kerana persempadanan semula yang dengan tujuan supaya PBS atau pengundi-pengundi Kadazan hilang kuasa politik yang mereka dahulu ada sekarang mereka tidak ada pilihan yang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Inilah yang kita tidak mahu ini berlaku. Kita mahu *fair* - adil, process of ... dan saya harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak betulkan sedikitlah Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ipoh Timor, soal SPR tidak adil, SPR menyebelahi Barisan Nasional, semua ungkapan-ungkapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor ini sebenarnya sangkaan-sangkaan buruk. Pada tahun 2003 Yang Berhormat Ipoh Timor tidak ada dalam Dewan ini. Waktu untuk mengemukakan usul berkaitan dengan persempadanan semula kawasan Parlimen di Semenanjung kita telah bahaskan dengan begitu panjang lebar dan hebat.

Waktu itu yang menjadi juara ialah parti PAS, tetapi hari ini parti PAS nampaknya tidak berapa berminatlah. DAP cuba hendak mengambil alihlah peranan PAS tahun 2003 dahulu, Yang Berhormat Ipoh Timor belum ada, waktu itu PAS mengetuai pembangkang. Banyak perkara-perkara yang kita bahaskan yang berkaitan dengan undang-undang yang dikemukakan oleh SPR yang kami semua membantah. Ramai Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional membahaskan ketika itu membantah, macam-macam cadangan balas kita kepada SPR menunjukkan bahawa SPR tidak menyebelahi Barisan Nasional. Kalaulah waktu itu SPR menyebelahi Barisan Nasional tidak akan anggota-anggota Barisan Nasional hendak membantah atau memberi cadangan balas kepada SPR.

Begitu juga semua pembangkang-pembangkang memberikan cadangan-cadangan, jadi jelas menunjukkan bahawa SPR waktu menggubal segala persempadanan ini tidak memikirkan kepentingan Barisan Nasional atau parti-parti pembangkang. Itu peristiwa tahun 2003 waktu kita membahaskan di Parlimen ini dan akhirnya dengan begitu bantahan daripada anggota-anggota Barisan Nasional, SPR tetap juga dengan alasan yang kukuh yang munasabah yang buat oleh SPR dan telah daya berlangsung, akhirnya Barisan Nasional menang bukan kerana kawasan pilihan raya tetapi kerana rakyat jelas dan nyata Barisan Nasional sahajalah parti yang boleh mewakili rakyat untuk kebaikan mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Okey?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya tidak tahulah kalau sekarang ada pilihan raya besar apa keputusan akan muncul, sekarang ada *election* masa itu ada *feel good factor*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau ada pilihan raya mungkin Yang Berhormat Ipoh Timur boleh jadi kaya.

Tuan Lim Kit Siang: Yang baru, yang barulah menjadi Perdana Menteri ada *feel good factor* bahawa adalah satu *reform*, satu *clean up* kalau kita sekarang ada *election*, *I'm not so sure*lah. *Feel good factor sure* digantikan dengan *feel no good factor* dan Yang Berhormat kata bahawa adalah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun ada teguran-teguran saya tidak tahu, saya terima. Tapi mungkinlah perbezaan ialah adalah Ahli-ahli Parlimen, antara mereka di Barisan Nasional yang teguran-teguran mereka mungkinlah berpunca daripada fikiran bahawa mereka rasa SPR tidak cukup, tetapi kita dalam kita, kita mahu mereka bebas dan tidak mengikut apa-apa arahan atau panduan yang diletakkan oleh parti-parti politik sungguhpun memerintah.

Beberapa Ahli: Gulunglah, gulunglah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak bagi satu contoh, di mana SPR tidak menyebelahi Barisan Nasional. Dalam pilihan raya 2004, tiba-tiba kami diberitahu oleh SPR bahawa Barisan Nasional tidak boleh menggunakan balai raya-balai raya yang dibina oleh Barisan Nasional. Kami marah, banyak bilik gerakan-bilik gerakan [*Disampuk*] - yang ada di balai raya terpaksa dibongkar balik kerana SPR kata tidak boleh. Kalau kita gunakan juga kita *disqualified* waktu dalam pilihan raya. Maknanya SPR tidak peduli parti kerajaan tidak parti kerajaan, dia ada undang-undang dia sendiri. Itu jelas menunjukkan SPR tidak memihak, menang kalah bukan kerana SPR, menang kalah bukan kerana kawasan pilihan raya, menang kalah kerana kerajaan diyakini oleh rakyat. DAP minta maaf, tidak ada simpan-simpanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, Okey baik terima kasih. Kalau ada dalam perkara itu saya boleh terima. Dalam perkara semacam ini menunjukkan SPR bebas tapi itu dalam perkara-perkara yang kecil bukan perkara-perkara yang pokok, *central*, *crucial*, *critical*! Dalam perkara yang *crucial*, *central*, *critical* mereka tidak bebas, mereka tidak berwibawa mereka tidak adalah itu kebebasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh gulung tidak Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu dalam masa itu oleh kerana Yang Berhormat daripada Sri Gading dia ganggu dan saya harap akhirnya bahawa kita mahu suatu reformasi. Tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading kata bahawa Barisan Nasional dapat kemenangan besar dalam pilihan raya besar 2004, ya? Kenapa? Oleh kerana perjanjian yang dibuat untuk perubahan, reformasi dalam segala aspek pemerintahan supaya adalah semua penyalahgunaan kuasa, penyelewengan boleh dibetulkan dan reformasi ini bukan sahaja dalam polis.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: dalam kerajaan tetapi Parlimen supaya Parlimen boleh menjadi *first world* Parlimen tetapi pun SPR, sistem demokrasi, sistem *parliamentary democracy*. Kita tidak kata bahawa kita mahu mengikut barat, supaya demokrasi ala *west minister*, tidak. Tetapi sekurang-kurangnya apabila kita mencapai merdeka,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Sekurang-kurangnya apabila kita mencapai merdeka tahun 1957 muafakat tiga komoditi dan yang boleh mencapai mengenai corak, cara dan sistem demokrasi kita perlulah sekurang-kurangnya boleh kita kembalikan dan memulihkan sistem itu. Oleh kerana kalau kita buat satu bandingan semenjak tahun

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Tuan Lim Kt Siang: Nanti, nanti. Semenjak tahun 1957 sampai sekarang 48 tahun Yang Berhormat Menteri Penerangan sekarang sangat sibuk untuk *48 National Day celebration* itu mustahak. Kita mahu menjayakan dan memeriahkan itu tetapi tidak mahu ia bererti bahawa apa yang kita sudah hilang mengenai demokrasi, mengenai *democratic practice*, mengenai *government accountability*, 1957 sampai sekarang kita boleh *go back* apa yang kita sudah hilang sekurang-kurangnya kita boleh kembalikan, bukan membandingkan dengan Barat, bukan membandingkan dengan *high ideal* tetapi dengan cita-cita. Cita-cita generasi merdeka, semua *community* bersetuju.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Ipoh Timor. Saya terpanggil dengan hujah Yang Berhormat Ipoh Timor seolah-olah *desperate*. Berbicara soal demokrasi tetapi tidak ada keyakinan langsung terhadap demokrasi. Kenapa saya katakan begitu? Pertama, pilihan raya kita bebas dan pihak pembangkang, Ipoh Timor seolah-olah menyalahkan SPR sebab kekalahan pembangkang. Kita tidak pernah menyalahkan sesiapa dalam pilihan raya. Ini jelas bahawa rakyat tidak memihak kepada pembangkang. Saya mahu Ipoh Timor mengetengahkan cadangan yang *constructive* yang bernas yang boleh membantu SPR untuk menangani isu-isu pilihan raya, jangan hanya bercakap tidak berasas retorik semata-mata. Kalau kalah bukan cara kalah. Kalau begini lagi, pilihan raya akan datang saya tengok Ipoh Timor pun akan kalah lagi. Bukan hanya anak-anak buah sahaja kalah tetapi sendiri pun akan kalah.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasihlah. Saya percaya itu harapan Yang Berhormat Kinabatangan tetapi itu sama ada akan berlaku, masa akan menentukan. Saya harap kita boleh dengan serius menangani isu di hadapan kita supaya kita boleh memulihkan satu sistem demokrasi yang dicita-citakan dalam masa kita mencapai kemerdekaan lebih sempurna dan lebih bererti, lebih bermakna. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang.

4.43 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil bahagian sedikit dalam bab ini terutama sekali ada perkara-perkara yang masih lagi saya menunggu jawapan. Dua tahun lepas saya berucap di sini dalam perbahasan benda yang sama walaupun dahulu perkara Semenanjung tetapi sekarang ini masalah khusus bagi Sarawak tetapi ada kaitan di antara satu sama lain. Saya berterima kasih kerana nampaknya Parlimen Sarawak dapat mendapat jawapan daripada pihak kementerian apa logiknya sebelum ini Kedah dan Terengganu tidak ditambah satu pun Parlimen. Walaupun alasan-alasan yang ditunjukkan di sini adalah lebih kurang dengan apa kami ajukan sewaktu perbahasan dua tahun yang lampau.

Keduanya ialah saya ingin mendapat jawapan juga pada masa perbahasan dahulu pihak kementerian memberi jawapan untuk mengkaji beberapa perkara yang telah disarankan khususnya saya sendiri menyarankan beberapa perkara pada waktu itu. Di antaranya ialah pendaftaran secara automatik yang waktu itu pihak kementerian menjawab perkara ini kita akan kaji dengan sehalus-halusnya kerana perkara yang menyentuh perkara teknikal ini perlu kita mengambil keputusan dengan cara berhati-hati.

Apakah dalam masa dua tahun ini perkara itu telah dikaji ataupun tidak dikaji langsung. Perlu jawapan daripada pihak kementerian.

Yang ketiga, pengundian wajib juga. Pada waktu itu kami mencadangkan supaya belia-belia, pemuda-pemuda kita yang berumur 18 tahun dibolehkan mengundi dengan cara wajib, tidak 21 tahun seperti mana sekarang ini. Jawapan yang diberi oleh Menteri pada waktu itu ialah 21 tahun dianggap barulah matang pemuda-pemuda kita sebagai pengundi. Soalannya ialah kenapakah sewaktu pengambilan askar-askar kita banyak yang berumur 18 tahun? Apa umur 18 tahun itu tidak matang? Kalau tidak matang kenapakah diambil menjadi salah seorang anggota tentera ataupun askar. Itu persoalan yang timbul sekarang ini. Minta juga penjelasan dari pihak kementerian.

Yang kita minta pada waktu itu ialah *polling* agen kita supaya boleh masuk dalam kem tentera untuk memastikan perjalanan pilihan raya berjalan dengan lancar dan memuaskan hati semua pihak. Jawapan juga ialah untuk dikaji kerana beberapa masalah dalam kem tersebut terutama sekali dalam kem tentera itu merupakan kawasan larangan yang perlu dikaji dengan cara halus oleh beberapa kementerian yang berkaitan dengan tentera.

Yang keempat ialah kita mencadangkan pada hari itu juga supaya bagi menjamin tidak berlaku penipuan pengundian ini khususnya oleh Barisan Nasional supaya setiap pengundi itu menggunakan cap jari bagi memastikan pengundi-pengundi tidak mengundi dua kali. Itu juga kononnya akan dikaji walaupun kita telah memberi contoh beberapa negara seluruh dunia ini yang telah pun menggunakan cap jari termasuk India yang boleh menjamin seseorang itu tidak akan berulang mengundi.

Seterusnya ialah masalah yang telah pun berlaku iaitu dalam pilihan raya baru-baru ini deposit poster yang terpaksa kami bayar kepada kerajaan tempatan sebanyak RM5,000. Apa yang berlaku selepas pilihan raya ini ialah apabila satu-satu parti politik tidak membuang semua poster-poster ataupun sepanduk-sepanduk dan sebagainya di kawasan majlis kerajaan tempatan maka sepatutnya wang RM5,000 itu tidak dirampas kesemuanya oleh kerajaan tempatan. Ia sepatutnya diambil setakat apa yang digunakan oleh buruh-buruh.

Kerajaan tempatan yang membersihkan poster-poster dan sepanduk-sepanduk atau bendera yang dibuang oleh parti-parti politik. Sebaliknya ada beberapa kawasan, saya ada contoh dan perkara ini telah saya sampaikan kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya sendiri bahawa ada kawasan pihak kerajaan tempatan mengambil semua wang deposit RM5,000 walaupun hanya ada satu sepanduk yang dibuang oleh buruh kerajaan tempatan. Saya minta penyiasatan dibuat dan perlu jawapan apakah perkara ini telah disiasat oleh SPR terhadap kerajaan tempatan yang sebutkan baru-baru ini.

Saya melihat hasil perdebatan yang berlaku daripada Ipoh Timor dan Santubong tadi, saya boleh membuat satu kajian atau pandangan saya sendiri, masalah deposit yang tinggi, ada yang mahu tinggi dan ada yang mahu berpatutan. Saya rasa kalaulah kita masih menggunakan deposit kepada calon itu kita tinggikan lebih tinggi daripada apa yang dikenakan sekarang ini, saya bimbang dan saya takut satu masa di Malaysia ini akan terjadi orang-orang kaya yang tidak cerdik dapat bertanding. Dalam bahasa yang lebih kasar lagi 'orang kaya berada tetapi bodoh' boleh bertanding kerana ia mempunyai wang yang banyak. Orang yang cerdik dan pandai tetapi tidak mempunyai wang cukup dia tidak boleh bertanding, usah hendak jadi pemimpin. Satu masa lagi kalau perkara ini diteruskan oleh UMNO khususnya Barisan Nasional maka akan terjadilah pemimpin-pemimpin yang bodoh-bodoh di dalam negara kita. Yang cerdik tidak ada wang tidak boleh jadi pemimpin. Ini telah pun berlaku dalam UMNO sendiri walaupun tidak dalam kerajaan kita sekarang ini.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan hari ini supaya kerajaan membuat kajian dengan secara teliti iaitu setiap calon Parlimen di masa hadapan mestilah seorang itu *graduate* sekurang-kurangnya, BA sekurang-kurangnya. Hendak *Master* dan Ph.D itu lainlah. Sekurang-kurangnya demikian, kerana kita mendengar tadi sahabat-sahabat kita daripada Sarawak bila dikatakan masyarakat bodoh dia kata, kita lihat Ahli-ahli Parlimen semuanya cerdik dan berkelulusan yang daripada Sarawak sekarang ini, bahkan ada yang lebih daripada Semenanjung - ada yang doktor, BA, MA biasa saja di Sarawak, di Sabah demikian juga.

Apakah mustahil kita kenakan syarat untuk menjadi calon di masa hadapan khususnya dalam Parlimen sekurang-kurangnya seseorang itu berkelulusan BA. Ini sudah berlaku di Thailand.

Di Thailand, calon Dewan Negara, oleh kerana Dewan Negara di Thailand ini ia bertanding, tidak seperti kita, Dewan Negara dipilih. Ahli Dewan Negara di Thailand, sekurang-kurangnya BA untuk seseorang itu hendak bertanding, telah pun dibuat. Ada bantahan daripada rakyat, apakah boleh di Malaysia ini, seorang calon itu dipastikan daripada kalangan *graduate*, khususnya Ahli Parlimen. Dewan Undangan Negeri terpulang kepada negeri masing-masing, ini cadangan saya.

Kemudian, ingin saya sebutkan di sini ialah apa yang kita sebut dan saya sendiri pernah sebut di sini dan saya telah mengemukakan peta di kawasan saya, terlalu hodoh yang saya sebut di waktu itu, macam pinggang Allahyarham Seniwati Saloma saya sebut iaitu halus dan kemudian besar. Kalau binatang, macam pinggang kerengga, halus pinggang itu, kepala besar, pinggang kecil, punggung besar balik. Saya sebut di Parlimen. Bantahan daripada saya, bantahan daripada rakyat, lebih daripada 3,000 pengundi yang membuat bantahan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi tidak dilayan kerana UMNO memang berkehendakkan demikian. Ternyata sekarang ini, UMNO tidak payah hendak menafikan perkara ini.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua yang bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Barisan Nasional di Sabah dan Sarawak, saya tidak tahu? Tetapi kalau di Semenanjung, khususnya Kelantan, memang UMNO main peranan dalam persempadanan semula seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri laluan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Santubong, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Kemaman?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Boleh.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya oleh....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman, ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya atau Yang Berhormat bagi Kemaman.

Tuan Yang di-Pertua: Kemaman.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Oh, Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Soalan saya ialah, tadi saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tentang setiap yang hendak bertanding mestilah mempunyai syarat yang tertulis dari segi akademi. Sebelum itu saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, *graduate* dari mana? Yang kedua, soalan saya ialah ada banyak yang berpendapat tadi bahawa kemenangan Barisan Nasional terutama di Kelantan dan di Terengganu juga, kerusi-kerusi yang dimenangi itu adalah disebabkan penyelewengan.

Dalam pilihan raya yang lepas, tidak ada, boleh dikatakan petisyen kerana sistem petisyen adalah satu sistem yang menunjukkan kesediaan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menerima bantahan terutama sekali yang dikaitkan dengan penyelewengan. Di Terengganu, petisyen yang dikemukakan tidak ada petisyen yang boleh dianggap sebagai petisyen untuk membantah apa yang disebutkan penyelewengan, pengundi hantu dan sebagainya. Tetapi yang lebih ketara sekali, sampai pada waktunya, pihak PAS menarik semua petisyen ini, baik di Kelantan atau di Terengganu.

Apakah ini bukti sebenarnya apa yang dicakap tentang kemenangan pilihan raya oleh calon-calon Barisan Nasional disebabkan penyelewengan? Sebenarnya tidak wujud sebab ada waktunya apabila pihak pembangkang yang kalah boleh membawa ke mahkamah tetapi sampai waktunya mereka menarik kerana mereka tidak ada asas yang kukuh terhadap dakwaan. Cuma sekadar untuk memberitahu mereka kalah tetapi sebenarnya mereka kalah kerana rakyat telah menolak mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Barangkali Ahli Parlimen bagi Kemaman ini baru sangat, kali pertama bertanding. Masalah petisyen, bukan sahaja PAS yang tarik, UMNO juga tarik. Ini adalah satu *agreement*. Di Kelantan sama-sama tarik, bukan sahaja PAS tarik tetapi UMNO tarik juga.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tetapi, Yang Berhormat, tetapi....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ha! ini yang dia tidak faham. Nanti sekejap.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Nanti sekejap. Kalau kita hendak katakan PAS menarik balik petisyen ini kerana tidak ada asas, tidak ada alasan yang kukuh, UMNO pun serupa juga. Perkara ini ada rundingan, barangkali Yang Berhormat tidak termasuk dalam rundingan kerana orang baru barangkali, tanya orang yang tua-tua, orang lama ini, ada cara dia. Kita bukan hendak menang secara semberono. Pasir Puteh itu terlibat, dia hebat, dia lawan, dia tidak mahu pakej perundingan. Bila mahkamah isytihar, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh lain. Ada pun yang lain-lain itu ada perkaranya masing-masing, *give and take*, kita sama-sama, biar *win-win situation* yang kita hendak.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat, UMNO Barisan tidak pernah menyatakan bahawa menang kalah disebabkan penyelewengan. Berbeza dengan PAS, lepas kalah, ceramah merata kerana pengundi hantu, kerana politik wang, sebenarnya PAS tidak pernah buat salah, rakyat tidak pernah tolak PAS, seolah-olah hanya semata-mata kekalahan adalah disebabkan penyelewengan. Barisan Nasional tidak timbul sebab Barisan Nasional kalau di Terengganu tidak kalah. Petisyen dibuat berbeza dengan niat PAS membuat petisyen. PAS ingin membuktikan bahawa terdapat penyelewengan. Peluang diberikan untuk membuktikan cukup dengan satu kawasan, itu pun tidak ada satu kawasan pun yang berjaya dibuktikan oleh PAS, malah PAS menarik balik, membuktikan bahawa sebenarnya mereka mengaku bahawa kekalahan mereka adalah kekalahan hakiki disebabkan rakyat telah menolak mereka dalam pilihan raya yang lepas.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, semua petisyen dibuat ditujukan kepada SPR. Yang Berhormat boleh lihat affidavit pula, apa-apa bukti, apa-apa tuduhan semuanya termaktub dalam affidavit masing-masing. Boleh semak affidavit apa yang PAS tulis. Dalam UMNO, apa yang ditulis. Jangan dikatakan yang PAS itu dimasukkan perkara-perkara yang remeh-temeh, perkara-perkara yang tidak patut dimasukkan, maka PAS tidak yakin kemasukan petisyen kerana dalam affidavitsnya terlalu ringan, terlalu tidak kuat, bukan demikian. Kita boleh semak balik, perkara ini boleh disemak balik dalam affidavit dan salinan masing-masing ada. Sebab itu kita *submit* perkara ini untuk daftar dalam mahkamah. Baik, saya hendak teruskan lagi.

Tadi masalah tentang kelulusan. Saya rasa ini boleh disemak, ini kawan lama saya, saya berkelulusan dari mana? Sama ada sekolah pondok, sama ada sekolah luar negara ataupun sekolah atap, boleh disemak tetapi apa yang saya memberanikan diri ini ialah saya hendak lihat akan datang ini, semua calon-calon, sama ada daripada Barisan Nasional ataupun daripada PAS, daripada DAP dan semua sekali, saya hendak lihat calon terdiri semuanya daripada *graduate*. Masa hadapan, sesuai dengan kita hendak mengaku kita ini Parlimen, *world standard* punya, kita mengaku tetapi kalau masih ada lagi mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang sepatutnya dalam Parlimen ini, maka tidak patut kita mengaku diri kita. Oleh yang demikian, saya memberanikan diri. Kalau saya tidak bertanding pun tidak apa, saya biasa sahaja. Bukan kata, "Oh! dia tidak mahu cadang, tidak mahu beranikan diri kerana dia tidak cukup syarat". Tidak. Saya tidak apa, saya rela, ini biasa sahaja.

Saya hendak lihat sendiri bagaimana harapan rakyat sekarang ini yang boleh dikatakan semua sudah cerdik, pengundi-pengundi dikatakan semua cerdik. Kita tahu ramai di antara pelajar-pelajar lulusan universiti jadi penganggur. Kalau kita mempunyai syarat demikian, maka peluang kepada mereka ini untuk naikkan diri mereka dalam politik, ada harapan. Tetapi kalau masih ada lagi, orang-orang lama masih bertahan di kawasan-kawasan dengan pengalaman-pengalaman yang ada ini, tidak memberi peluang kepada generasi baru, maka inilah akan terjadi kepada Malaysia kita ini, tidak seimbang. Tetapi saya berterima kasih banyak, kepada Sarawak, okey. Saya lihat imbang, di Sabah dan Sarawak di akhir-akhir ini walaupun mereka tidak jadi Menteri, tetapi orang-orangnya berkelulusan walaupun pengundi-pengundinya, mereka itu tidak mengaku bahawa pengundi di luar bandar itu tidak cerdik, mereka mengaku, itu tidak patut demikian.

Kita boleh menyatakan calon Barisan Nasional, wakil rakyat Barisan Nasional di Sarawak ini memang terdiri daripada orang cerdik pandai sekarang ini. Tetapi pengundinya tidak payah hendak cerita, tidak payah hendak mengaku pengundi cerdik. Ini kalau kita kata pengundi di luar bandar tidak berapa cerdik, bangun, bangkit, marah. Tidak payah marah. Semua rakyat boleh nilai, pegawai kerajaan boleh nilai, pengundi-pengundi di bandar dan pengundi-pengundi di luar bandar sudah tentulah pengundi di bandar lebih cerdik dalam menilai perkara ini. Sebab itulah UMNO lebih suka menipu pengundi luar bandar. Boleh tengok di mana sahaja pun. Waktu hendak buat Dewan ini tahun lepas, kena belanja RM80 juta. Saya tunggu hendak tengok, ada atau tidak UMNO ataupun Barisan Nasional memberanikan diri meletakkan papan tanda, "*Inilah Satu Lagi Projek Kerajaan Barisan Nasional*", tidak berani. Tetapi di kampung, RM30 ribu jalan kampung pun ditulis, "*Inilah Satu Lagi Projek Kerajaan Barisan Nasional*". Itu perbandingan yang kita boleh lihat sekarang ini.

Pegawai-pegawai kerajaan yang dok ulang-alik boleh tengok. UMNO tidak memberanikan diri meletakkan papan tanda seperti itu di kawasan bandar tetapi di luar bandar, Kerajaan Kelantan telus sepanjang kita memerintah Kelantan. Mana ada yang PAS tulis, "*Inilah Projek Kerajaan PAS Kelantan*". Tidak ada. Kalau UMNO hendak mengaku, mengakulah, tidak ada apa-apa, tidak payah kita tulis. Seolah-olah yang tidak tulis inilah projek Kerajaan PAS Kelantan, yang tidak tulis itu, semuanya hak PAS?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang tulis sahaja itu hak Kerajaan Barisan Nasional, yang tidak tulis itu semua PAS Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tumpukan kepada perkara yang kita bincangkan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ini pun ada sangkut paut.

Tuan Yang di-Pertua: Jauh sikitlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Jauh sedikit? Tidak apa, saya undur balik [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada lagi, boleh bagi orang lain.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada lagi, cuma ada gangguan sedikit. Kalau tidak ada projek di Kelantan, apa guna JPP di Kelantan? Angkat JPP mari balik ke Persekutuan, tinggal Perbadanan PAS sahaja, Perbadanan Negeri ada. Jabatan Pembangunan Persekutuan gulung tikarlah, sudah tidak ada projek, ini malu semua. Tengok ini Menteri Pembangunan Luar Bandar, baik hati, sekurang-kurangnya dia tahu. Bukan hendak puji dia tetapi yang betul, kita cakap betul, keikhlasan dia betul, ada pun menteri-menteri lain, lain ceritanya.

Saya tidak kata Menteri lain itu tidak ada simpati dengan Kerajaan Kelantan - tidak, tetapi kurang sedikit terutama sekali Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, tidak ada apa pun Kelantan bagi.....[Dewan Riuh].....tidak bagi, saya tunggu, tunggu tidak ada apa pun di Kelantan.

Rakyat Kelantan pun tunggu juga, kalau ada Menteri tulus, ikhlas itu bagilah, tidak bagi pun. Hendak juga, ini sedap ini Menteri, hendak umum ini, hendak umumkah, hendak umum sila.

Tuan Yang di-Pertua: Tekan lagi, tekan lagi.....[menunjuk ke arah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi supaya menekan mikrofon]

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak berhajat untuk bangun tetapi kerana nama saya disentuh. Saya hendak bertanya sedikit, minta sedikit maklumat apa yang dinyatakan. Adakah kerana tidak ada *signboard* katakan Kerajaan Kelantan adalah kerana kemungkinan di Kelantan tidak ada projek yang diusahakan oleh Kerajaan Kelantan, sebab itu tidak ada *signboard* dia, tidak ada papan tanda.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Kalau hendak kata Kelantan tidak ada projek menyebabkan tidak ada papan tanda, itu tidak munasabah sangat sebab kalau kita tengok laporan audit itu, banyak audit yang dia *query* tentang projek-projek yang dibuat oleh Kerajaan Kelantan, yang mereka tidak puas hati, ada banyak, maknanya projek itu ada, sama ada sempurna atau tidak buat - itu cerita lain, projek tetap ada.

Menteri Kerja Raya ini, berapa banyak dia bagi Kelantan, ini juga saya boleh puji dia. Rancangan Malaysia Ke-9 ini saya tengok banyak Kelantan nampak gayanya. Kerajaan Kelantan sebenarnya, saya tidaklah hendak bangga sangat kalau saya kata kalau Kerajaan Kelantan seperti mana Kerajaan Barisan Nasional lain-lain negeri, saya rasa tidak boleh berjalan jalan-jalan kampung ini. Inilah satu lagi projek Kerajaan Pas Kelantan, inilah satu lagi projek Pas Kelantan daripada kita membuat demikian lebih baik kita mendiadakan diri.

Biarlah rakyat anggapkan inilah sahaja projek Kerajaan Barisan Nasional yang ditulis itu, yang tidak ada tulis itu, itu siapa punya, rakyat boleh menilai sebab itulah saya haraplah supaya Kerajaan Barisan Nasional ini jangan ghairah sangat menipu rakyat di kampung, tidak payah tulislah rakyat boleh nilai. Kalau Sabah, Sarawak itu tidak ada apa, tidak payah tulis pun tidak apa, rugi papan tanda rugi sahaja. Rakyat boleh nilai kecuali kerajaan merasai bahawasanya apa yang dibuat ini tidak boleh dinilai oleh rakyat. Seolah-olah rakyat itu bodoh tidak boleh menilai apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional di Sarawak, lain cerita.

Kita pergi balik kepada persempadanan semula. Saya tengok ada tiga kategori cara pemilihan, di antaranya; purata memilih bagi negeri Sarawak - tengok, antara A antara 15,000 sehingga 20,000 memilih. Ini kawasan dia, agak kawasan maju. Saya tidak boleh hendak mengetahui sama ada kawasan maju yang dimaksudkan oleh aspek itu maju dari segi pemikiran rakyat atau maju dari segi industri, maju dari segi pembangunan, saya tidak tahu. Ini akan dijawab oleh pihak Menteri.

Seorang Ahli: Pasir Puteh, Pasir Puteh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Nanti sekejap, saya akan bagi. Yang kedua ialah kawasan yang dianggap kategori B antara 10,000 sehingga 14,900 memilih. Kawasan kurang maju dan kawasan sedang membangun. Ini dia sebut kawasan sedang maju, sedang membangun. Barangkali, daripada segi pembangunan bukan dari segi pemikiran rakyat itu.

Kategori C ialah di bawah 9,000 memilih - kawasan luar bandar belum maju disebut ini ada 29 kawasan kesemuanya, kawasan luar bandar. Saya minta supaya pihak kerajaan memberi penjelasan takrif maju dari segi apa yang dikatakan maju dan yang kurang maju, juga belum maju, yang belum maju ini barangkali yang tidak akan maju bukan setakat belum maju, tidak akan maju selama-lamanya barangkali. Minta Pasir Puteh, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakan daripada Rantau Panjang. Kita sebut rakan juga walaupun dia pembangkang. Saya hendak jawab sedikit mengenai dengan papan

tanda itu. Sebenarnya dia tidak tulis projek UMNO, dia tidak ada tulis projek Barisan Nasional. Dia tulis ialah projek Kerajaan Persekutuan, JPP itu tidak salah.

Barangkali kalau bagi dekat Pas besok, dia tulis, Kerajaan Pas, Kerajaan Pas. Itu salah mana ada guna duit kerajaan untuk parti. Parti *is* parti, kerajaan, kerajaan. Maka, dengan sebab itu saya yakin bahawa saudara saya dari Rantau Panjang dia lebih lama pada saya dalam Dewan ini, tetapi apabila saya ambil alih Pasir Puteh, 15 tahun Tuan Yang di-Pertua, jalan itu berlubang-lubang sudahlah satu, saya tukar tayar 2 bulan sekali. Biasa tayar ini setahun, dia ada *guarantee* tetapi 2 bulan sekali. Pasal apa, pergi melawat kawasan teruk, jalan tar ini kalau sudah berlubang teruk baik tiada tar, kerana hendak tampung tar itu belanja kos yang tinggi. Kerajaan negeri tidak ada duit, saya cerita terus teranglah, hakikat sebenarnya.

Maka dengan sebab itu apabila Kerajaan Persekutuan buat projek, dia kena tulis sebab kalau tidak tulis orang katakan, dia mengaku ini adalah kita habis duit kerana buat jalan. Padahal Kerajaan Persekutuan buat jalan. Apabila masjid tidak boleh cat, kita bagi hampir RM3 juta tahun ini untuk cat masjid, *repair* masjid Kerajaan Persekutuan bagi, tidak tulis pun di masjid itu Kerajaan Persekutuan, tidak tulis yang itu tetapi jalan kena tulis pasal dia kata, "Jalan elok ini mungkin Dato' Seri S. Samy Vellu bagi ini, Menteri Kerja Raya", tetapi ialah kita buat. Kita habis duit kerana ini. Kita tulislah. Salah tidak macam itu, setuju tidak?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya ada setuju, ada tidak setuju, yang tidak setuju itu masalah tulisan tadi. Sebenarnya masih lagi ditulis situ, inilah satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun tidak kata UMNO tetapi Barisan Nasional, masih lagi kekal begitu, saya boleh tunjuk bukti, gambar saya tidak bawa hari ini, biasa saya bawa gambar-gambar itu hendak bukti di Parlimen tetapi secara tidak langsung hari ini saya tidak bawa, saya minta maaf.

Kemudian masalah jalan luar bandar tidak buat 15 tahun lebih, betul sebab JPP tidak main peranan waktu itu kerana UMNO yang menyekat. JPP pegawai-pegawai dia bagus, pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Persekutuan yang ada di Kelantan itu memang semua bagus. Memang hendak buat projek-projek ini, kasihan dekat rakyat Kelantan, dia tahu duit pun ada. Menteri Pembangunan Luar Bandar pun banyak bagi kepada JPP tetapi bila hendak buat, UMNO kata kalau hendak buat menguntungkan Pas baik tidak buat. Dia rela tidak buat jalan itu kerana takut menguntungkan Pas. Ini politik, politik teruk sangat ini UMNO Kelantan saya sebut ini, UMNO Kelantan bukan Sarawak ini.

Kita harap kalau UMNO hendak menang di Kelantan ini kena buka minda sedikit, *gentlemen* sedikit, cara lain, jangan main politik lama. Kalau main politik lama tidak menang Kelantan kerana sudah tahu cara menilainya. Baik saya hendak pergi terus pada yang ini penggunaan EGIS ini. *Election Geographical Information System* ini.

Saya hendak ucap terima kasih banyak kepada pihak SPR ini. Menggunakan kaedah ini, saya rasa kaedah ini lebih mudah dan lebih cepat kaedah, ini yang dahulunya tidak pernah digunakan. Nampaknya Sarawak barangkali kali pertama digunakan untuk mengambil data-data bagi membantu memudahkan tugas persempadanan semula seperti ini dan kalau digunakan waktu dahulu, saya rasa lebih tepat dan lebih cepat lagi.

Oleh kerana Sarawak barangkali keadaannya agak teruk sedikit. Maka pihak SPR dibenarkan menggunakan kaedah EGIS ini. Saya terima kasih banyaklah kepada pihak SPR dan akhir sekali ialah saya hendak sebut berkenaan dengan apa yang disyorkan oleh pihak tertentu khususnya daripada pihak rakyat, daripada pihak Ahli Parlimen Bandar Kuching yang telah mengesyorkan ini, saya harap ulasan keputusan yang dibuat oleh SPR ini ditimbang semula kerana kadang-kadang keputusan yang dibuat itu tidak logik, alasan tidak logik, seperti mana apa yang berlaku dua tahun lepas.

Apabila kami memberi alasan-alasan, sebab-sebab ataupun syarat-syarat rayuan itu, tetapi dalam jawapannya ialah cukup-cukup tidak memuaskan, tetapi oleh kerana peluang bagi kita untuk merayu kali yang kedua tidak ada lagi. Maka menyebabkan semua rayuan kita itu ditolak dengan alasan-alasan yang boleh dipertikaikan lagi oleh pihak yang membuat bantahan dan rayuan tersebut.

Pasal itulah benda yang saya sebut pada hari ini, dan saya harap pihak SPR khususnya sewaktu kita hendak meluluskan laporan ini supaya memberi penjelasan yang sebaik-baik, dan memberi peluang kepada pihak kami untuk mengajukan beberapa pertanyaan lagi sebelum pengundian ini dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri Sri Aman ya untuk 10 minit sahaja lagi. Selepas itu menteri akan buat usul dan jawab terus.

5.09 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita berbincang dan saya menyokong tentang satu lagi hadiah Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat Malaysia amnya dan Sarawak khususnya, iaitu menambah wakil rakyat supaya berkhidmat dengan lebih dekat untuk rakyat di Sarawak.

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sebagai seorang daripada pemimpin Parti Rakyat Sarawak bagi pihak Presiden Parti Rakyat Sarawak dan Majlis Tertinggi dan semua ahli Parti Rakyat Sarawak mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin Parti Barisan Nasional kerana sudi menyambut Parti Rakyat Sarawak ke dalam Barisan Nasional, dan Parti Rakyat Sarawak akan memainkan peranan secara positif dan konstruktif dalam keluarga handal yang bernama Barisan Nasional ini.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kerajaan kerana penambahan kerusi ini. Ini bererti ramai lagi wakil dari Sarawak dapat mengemukakan masalah dan juga membantu menyelesaikan masalah yang terdapat di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak *is an awakening giant*, gergasi yang sedang membangun. Sarawak akan menyumbang kepada kesejahteraan dan kekayaan negara Malaysia kita ini, lebih-lebih lagi dari segi ekonomi dan dari segi sosial. Saya Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa buah cadangan lagi. Saya nampak masih banyak kawasan yang besar yang harus dikaji apabila masa mengizinkan nanti. Saya rasa apabila kita membuat kajian semula, kawasan ini patutlah dipertimbangkan untuk dipecahkan lagi. Ia itu saya telah mengambil senarai kawasan-kawasan di mana besarnya lebih 2,500 kilometer persegi iaitu Hulu Rajang, Baram, Kapit, Julau, Selangau, Bintulu, Mukah, Lawas, Limbang dan kawasan saya sendiri Sri Aman. Di kawasan yang besar seperti ini walaupun penduduk tidak begitu ramai tetapi wakil rakyat susah berjalan dari satu pelosok, ke satu pelosok.

Untuk perbandingan Tuan Yang di-Pertua, kawasan baru saya dari Balai Ringin berdekatan dengan Simpang Pekan Kelili, iaitu sejauh saya rasa 150 kilometer. Jadi, ini adalah kawasan yang amat besar dan kadang-kadang kita mendengar rakyat mengatakan wakil rakyat tidak pernah berjalan. Tetapi, kita berasa kita berjalan setiap minggu. Setiap hujung minggu kita berada di kawasan, tetapi orang tidak nampak oleh kerana kawasan itu begitu besar. Yang kedua, kereta-kereta yang kita pakai pun tidak tahan kerana jalan yang terlalu panjang, kadang-kadang tidak begitu baik dan apabila kita menggunakan sungai, air cetek dan susah. Saya haraplah apabila persempadanan semula di fikirkan, kawasan-kawasan ini dapat di bagi sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita menambah kawasan, kita menambah Ahli Parlimen, kita menambah Ahli Dewan Undangan Negeri, saya haraplah, selepas penambahan ini, kita juga menentukan, kita memberi peruntukan yang cukup supaya penambahan ini disusuli oleh peruntukan yang cukup supaya kesejahteraan, keselesaan yang dijangkakan oleh rakyat-rakyat kita di sana dapat kita beri kepada mereka seperti api, air, bekalan elektrik dan lain-lain.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita segan menyebut ini, kita malu, kita tidak berapa mahu sentuh perkara ini, tetapi ini juga perkara yang selalu mengekori kita. Iaitu Parlimen kita di sini adalah mengikuti Parlimen *Westminster Style*. Di *Westminster*, ahli-ahli Parlimen mereka memang diminta bekerja di Parlimen dan setengah masa bekerja untuk sendiri supaya *supplement* mencukupkan pendapatan mereka. Tetapi kita di Malaysia ini kita mahu Ahli Parlimen kita bekerja *full time*, pertama. Yang kedua, kalaulah Ahli Parlimen ini datang dari luar bandar, tidak ada *business* untuk beliau hendak buat. Yang ketiga, kalau dia buat *business* pun orang tidak suka.

Tengok Ahli Parlimen buat *business* dan saya haraplah, walaupun saya malu menyentuh perkara ini, saya harap kalaulah ada masa nanti apabila, kita lebih selesa elaan Ahli Parlimen ini harus dikaji supaya kita dapat satu golongan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri yang dapat memberi tumpuan 100% kepada tugas dan tanggungjawab mereka.

Satu lagi perkara yang saya nampak Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah adalah orang yang boleh diharapkan dan hari Isnin, Selasa, Rabu apabila Parlimen bersidang, oleh kerana kita tidak ada rumah di sini, kita tidak ada keluarga kita boleh diharapkan untuk duduk di Parlimen menjaga Parlimen. Tetapi apabila ada perkara yang terpaksa dilanjutkan, kita sudah susah kerana tidak ada kereta. Saya bercadang untuk Ahli Parlimen yang akan datang, mungkin Parlimen dapat menyediakan kereta supaya kita dapat menjaga Parlimen hingga pukul 10, 11 malam. Ini adalah satu masalah besar untuk Ahli Parlimen di Sarawak. Kalaulah terpaksa menyumbang, saya rasa itu pun boleh kita bincangkan, dan kalau tidak mungkin Kementerian-Kementerian yang ada lebih kereta semasa Parlimen bersidang dapat meminjamkan kereta mereka supaya Ahli Parlimen tidak risau apabila Parlimen itu bersidang hingga pukul 10, pukul 11 malam.

Juga di pendalaman Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang hanya klinik yang ada, saya harap golongan yang baru ini, yang di luar bandar ini, kalaulah mereka sakit dapat diberi *penal doctors* di mana mereka dapat pergi supaya mereka dapat dijaga. Seterusnya saya tahu Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya penambahan kerusi ini, kita akan mendapat wakil dari pelbagai kaum dengan pelbagai budaya mereka sendiri. Saya nampak di negara-negara yang lain, ahli-ahli Parlimen dibenarkan memakai pakaian tradisional mereka dan saya rasa, kalaulah *Malaysian Parliament* ini dibenarkan memakai pakaian tradisional, Parlimen kita ini akan menjadi lebih ceria, lebih *colorful* dan saya haraplah Menteri yang menjaga Parlimen nanti dapat memikirkan syor saya ini. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat ada satu usul daripada Menteri, sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.15 ptg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Saya mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diputuskan dan ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu, mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

5.20 ptg

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun Dewan yang mulia ini adalah untuk menggulung perbahasan mengenai usul yang telah dibentangkan oleh saya pada pagi ini berkaitan dengan laporan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi Negeri Sarawak.

Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan pada hari ini, lebih-lebih lagi kepada pihak yang telah memberi sokongan kepada usul yang dibentangkan. Antara Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ialah, Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Bukit Mas, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat Sri Gading ada mencelah, Yang Berhormat bagi Sri Aman dan juga Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian Pilihan Raya bagi Negeri Sarawak adalah urusan dan syor Suruhanjaya Pilihan raya. Suruhanjaya Pilihan raya telah melaksanakan tugas secara bebas walaupun dipertikaikan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan beberapa lagi konco-konco dia. Mereka melaksanakan tugas dengan bebas tanpa diganggu oleh mana-mana pihak. Suruhanjaya Pilihan Raya telah menjalankan tanggungjawab dan tugas kajian semula itu tanpa memikirkan soal-soal kepentingan politik mana-mana pihak. Urusan ini dijalankan semata-mata berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Setiap keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya adalah untuk kepentingan rakyat keseluruhannya dan demi kelancaran proses demokrasi amnya.

Balik kepada hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Yang Berhormat bagi Mambong ingin bertanya mengapa Mambong tidak terlibat dengan urusan persempadanan. Di sini saya ingin maklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berpendapat Mambong tidak perlu dilibatkan dalam urusan persempadanan kali ini kerana ianya baru diwujudkan dalam urusan persempadanan yang lepas. Begitu jugalah dengan jumlah pemilihnya yang hanya hampir purata pemilih kawasan Parlimen Sarawak. Jadi Mambong baru sahaja, jadi kawasan Parlimen baru tidak payahlah kita libatkan bahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya ingin menyatakan bahawa kita amat merasa kesal kerana Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sanggup menuduh dan menyalahkan Suruhanjaya Pilihan Raya dan mengecap suruhanjaya itu sebagai tidak bebas, tidak adil dan tidak telus. Saya harap pegawai ambil maklum tentang cacian, kejian, cemuhan, penghinaan dan tuduhan yang melulu yang dibuat oleh beliau.

Yang Berhormat bagi Bandar Kuching secara terbuka menuduh Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya bermain politik semata-mata kerana beliau tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan yang diputuskan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya telah melaksanakan tugas dengan bebas dan telus dan tidak mengikut telunjuk mana-mana pihak sebagaimana tohmahan-tohmahan yang dibuat itu. Kita di Dewan yang mulia ini sepatutnya berterima kasih kepada Suruhanjaya Pilihan Raya yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan begitu telus dan rapi.

Yang Berhormat bagi Sri Gading telah menyebut di sini bahawa sebenarnya dalam majlis yang lepas, banyak bantahan yang telah dibuat secara bersopan-santun oleh Barisan Nasional, namun SPR tetap dengan keputusannya yang jelas menunjukkan bahawa mereka ini bebas dan ini juga timbul dalam kenyataan, dia kata "Melayu cepat lupa", maknanya UMNO, BNlah cepat lupa. Dia juga berkata bahawa dalam pilihan raya yang lepas waktu kita kaji semula persempadanan, banyak Ahli BN ataupun UMNO yang membantah. Ini jelas menunjukkan bahawa sememangnya SPR adalah bebas. Kerana itulah mereka membuat keputusan yang tidak dipersetujui oleh UMNO itu sendiri. Tidak betullah kata tidak bebas. Jangan pada waktu Barisan Nasional bantah, dia kata SPR adil. Waktu mereka bantah, SPR tidak adil. Ini pembangkang punya politiklah.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dikaji dengan teliti syor-syor yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, kita dapati SPR telah memberi peluang seluas-luasnya kepada

semua pihak dan rakyat Sarawak yang tergolong daripada berbagai-bagai kaum untuk mengambil bahagian di dalam pilihan raya yang akan diadakan pada masa hadapan. Bahagian-bahagian pilihan raya yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini tidak diwujudkan semata-mata untuk kepentingan satu-satu pihak tertentu sahaja, tetapi untuk semua pihak dan seluruh rakyat negeri Sarawak sama ada di kawasan bandar, luar bandar ataupun di kawasan pedalaman.

Sekiranya pihak Barisan Nasional atau pihak kerajaan yang memerintah sekarang mahukan bahagian-bahagian pilihan raya dipersempadankan itu dibuat mengikut kehendak parti BN bagi tujuan untuk memenangi pilihan raya, maka sudah tentu ia tidak akan dibuat mengikut apa yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya seperti yang terkandung dalam laporan. Kalau persempadanan ini dibuat untuk memenuhi kehendak parti Barisan Nasional, maka kerajaan tentu campur tangan bagi tujuan mewujudkan bahagian-bahagian pilihan raya yang dikehendaki oleh kerajaan.

Tetapi sebaliknya apa yang dibentangkan kepada kita kali ini adalah jelas menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya telah bertindak secara bebas dan tidak ada sebarang campur tangan dari pihak kerajaan. Sebagai buktinya, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh lihat semasa pameran pertama syor oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dari 17 Januari 2005 hingga 19 Februari 2005 sebahagian besar daripada rayuan dan bantahan yang dibuat adalah dari penyokong-penyokong Barisan Nasional. Itu hakikat sebenarnya. Saya hendak menafikan sekeras-kerasnya bahawa kita menggunakan SPR sebagai alat kepentingan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di Dewan Undangan Negeri Sarawak ada 62 kerusi, kalau komposisinya itu terdiri daripada 21 daripada Barisan Nasional dan mungkin 20 ataupun 22 daripada BN dan 20 daripada pembangkang, barulah ada alasan untuk kita menggunakan SPR ini untuk memperkukuhkan kedudukan kita kerana beza kerusinya hanya dua kerusi. Tetapi hakikat sebenarnya pada hari ini, Dewan Undangan Negeri ada 62 kerusi dan 61 adalah Barisan Nasional, satu sahaja pembangkang. Apa benda yang dikukuhkan? Adalah lebih baik bagi kita, Barisan Nasional, jangan ada lagi kerusi baru sebab dalam keadaan 62 kerusi, kita ada 61. Lebih baik kita kekalkan yang ada. Ini akan dapat memastikan kita akan memerintah buat selama-lamanya tetapi oleh kerana kita ini bagi kebebasan kepada SPR, ia hendak mewujudkan 9 kerusi lagi dan kemungkinan bukan 9 kerusi itu dimenangi oleh BN. Kemungkinan 8 kerusi dimenangi oleh pembangkang. Rugi kepada kita.

Daripada segi logiknya itu pun, sebenarnya kita tidak mahu supaya dibesarkan Dewan Undangan Negeri ini kerana kedudukan kita sudah cukup mantap. Begitu juga di dalam soal kerusi Parlimen ada 28. Satu sahaja DAP. Apa benda yang hendak diperkukuhkan? Sudah memang kukuh pun. Kalau sama-sama 24, 24 BN, 24 pembangkang, ha... itu ada sebab kita hendak *gerrymandering* kah apa ke untuk memastikan kita dapat mempertahankan kelebihan kita. Tetapi ini 27:1, nasib baik tidak 28:0. Kalau tidak ada isu dalaman dalam BN, betul - Ketua Menteri ada di sini. Kalau tidak, 28:0.

Tuduhan yang mengatakan kita menggunakan SPR ini langsung tidak ada logiknya. Kita *gentleman*, kita anak jantan Barisan Nasional. Dalam persempadanan semula dahulu, Terengganu kita tidak tukar kerana apa? Kalau kita tukar daripada 8 jadi 12 ataupun 32 jadi 40, ini dia kata kita hendak menang tetapi kita *gentleman*. Dahulu kita kalah lapan, kita lawan lapan. [Disampuk] [Tepuk] Dahulu kalah 36, lawan 36, kita menang besar. Kita menang besar dalam pilihan raya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Minta jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, tuduhan yang melulu yang dibuat oleh pembangkang itu langsung tidak boleh dipakai dan saya hendak beritahu bahawa SPR memang bebas dan kita langsung tidak campur tangan dalam hal urusan SPR ini. [Tepuk] Okay.

Tuan Yang di-Pertua: Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Semua orang tahu dahulu PAS memerintah Terengganu, hendak tambah banyak takut PAS menang lagi di Terengganu. Sudah menang sebenarnya. Kalau dia sangka hendak menang, 10 dia tambah lagi di Terengganu. Itu sebenarnya. *[Disampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, kita jantanlah, kita jantan! Itu cakap pondan PAS. *[Dewan riuh]* Kalau dia pegang SPR, dia buat macam itu tetapi kita tidak buat. Kerana apa? Kita kalah lapan, kita bertanding balik, kita hendak menang yang kita kalah dahulu sebab kita anak jantan dan kita tidak mahu menipu dalam soal pilihan raya yang diadakan.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat. Barisan Nasional dalam Dewan ini tidak ada perempuan, semua jantan. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, saya hendak beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang perempuan ini patut mesti pertikaikan dia sebab dia menganggap perempuan ini betina. Sebab itu dia marah kalau saya kata ayam jantan. Ini 'ayam jantan' pepatah Melayu. Takkan kita hendak panggil Ahli-ahli Yang Berhormat perempuan ini betina. Mereka perempuan, ya. Kalau kita tidak faham bahasa Melayu, Yang Berhormat, saya minta tidak usah dok cakaplah. Benda ini sudah banyak kali, malu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berapa penggal duduk dalam Dewan tidak faham lagi pepatah Melayu, macam manalah. Saya hendak kata bahawa kita tidak pernah menipu. Kita tidak tukar Terengganu walaupun kita kalah - lapan tetap lapan. Kerana apa? Kalau kita menang, kita tidak mahu orang tuduh kita menipu dengan melakukan *gerrymandering* dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tahu bahawa terdapat syor-syor yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya tidak digemari oleh beberapa pihak dalam kerajaan sendiri. Sungguhpun begitu untuk keadilan Suruhanjaya Pilihan Raya yang mempunyai kuasa dan kebebasan untuk menjalankan urusan itu telah tidak diganggu dan dipengaruhi oleh mana-mana pihak di dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Terdapat banyak rayuan dan bantahan dari pihak Barisan Nasional sendiri yang telah ditolak oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Berhubung dengan faktor perbezaan bilangan pemilih antara bahagian-bahagian pilihan raya yang berlainan seperti yang telah pun dijelaskan oleh saya ketika membentangkan usul persempadanan ini pada pagi ini bahawa faktor-faktor topografi dan demografi tidak membolehkan suruhanjaya mewujudkan bahagian-bahagian pilihan raya yang mempunyai keluasan kawasan yang sama.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kemaman bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oleh itu,

Tuan Yang di-Pertua: Kemaman.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya habiskan sekejap, ya. Oleh itu, dalam melaksanakan tanggungjawabnya Suruhanjaya Pilihan Raya telah bertindak secara adil untuk memberi peluang bukan sahaja kepada rakyat yang tinggal di bandar bahkan kepada rakyat yang tinggal di luar bandar untuk mendapat hak memilih wakil rakyat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih, Yang Berhormat Dato Menteri. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap pandangan yang menyatakan bahawa sistem pilihan raya di Malaysia ini adalah merupakan antara yang terbaik di dunia?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Betul!

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kenapa dia berkata demikian? Kerana kalau dibandingkan di Indonesia misalnya, terpaksa mengambil sebulan hendak tahu keputusan.

Di Filipina, mengambil masa sebulan untuk mengetahui, itu orang kata dalam dunia yang ketiga. Kalau dibandingkan misalnya, dengan Amerika sendiri sewaktu pertarungan antara *Bush* dengan *Al-Gore* untuk merebut jawatan presiden negara itu terdedah banyak kelemahan dalam sistem tersebut yang begitu ke belakang sekali, yang telah di bantah oleh kedua-dua pihak tentang kelemahannya.

Sehingga sekarang misalnya di Amerika, prosesnya dipertikaikan, dua minggu sebelum pilihan raya boleh mendaftar lagi. Tidak ada satu maklumat pusat di mana satu pendaftaran dibuat satu negeri, dia tahu untuk seluruh masing-masing boleh hendak daftar lima tempat di dalam lima negeri pun boleh, di Amerika itu sendiri. Ini telah dibantah dan ditimbulkan sebelum pilihan raya yang lepas. Ertinya sekarang ini kalau hendak cari kelemahan itu ada, tetapi hendak cari yang terbaik ada prosesnya, ada waktu pamerannya, ada waktu tambahannya, ada waktu *petition*nya, tidak ada yang lebih daripada sistem yang ada di Malaysia sekarang ini. Itu pandangan orang ramai, apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini bukan pandangan saya tetapi memang pandangan orang ramai iaitu bahawa sistem kita yang terbaik sekali sebab dalam masa satu hari kita boleh tahu dan sudah tahu keputusan jika dibandingkan dengan negara-negara lain, itu kelebihan kita. Sekarang ini pun di Sarawak pun kita cuba untuk membolehkan diadakan dalam masa satu hari sahaja. Sebab itu saya kata sistem kita adalah sistem pilihan raya yang baik. Kalau tidak baik, macam mana PAS boleh menang di Kelantan, di Terengganu dahulu? Yang itu mereka tidak pertikai, bila menang semua betul. Bila mereka kalah, ada sahaja hendak dipertikaikan.

Kepada saya jelas menunjukkan bukti itu bahawa kalau pembangkang boleh menubuhkan sebuah kerajaan dalam satu negeri yang mana pernah dikuasai oleh kerajaan Barisan Nasional itu jelas menunjukkan adillah itu. Jangan mempertikaikanlah, ini memalukan orang sahaja, sebab kalau tidak orang kata kita buta, pekak, tuli, tidak faham, orang semua faham, mereka yang tidak faham. Apabila terkena kepada dia, semua tidak betul. Ini pembangkang di Malaysia begitulah, semua orang tahu dia macam itu.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar terdapatnya kawasan-kawasan pendalaman ataupun luar bandar di Sarawak yang begitu luas kawasannya dan menyukarkan wakil-wakil rakyat untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Akan tetapi keadaan ini telah wujud sejak beberapa pilihan raya yang lepas dan berbagai-bagai masalah telah dapat diatasi. Kita semua tahu iaitu bahawa Sarawak adalah sebuah negeri yang besar dan penduduknya cuma 2 juta lebih dan inilah sebabnya mengapa kadang-kadang satu kawasan itu, ia adalah kawasan pilihan raya Parlimen lebih besar daripada beberapa buah negeri di Semenanjung.

Ini suatu perkara yang fizikal yang kita hadapi, jadi kita cuba seberapa yang boleh. Wakil-wakil rakyat di kawasan-kawasan luar bandar telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik mengikut cara dan bersesuaian dengan keadaan kawasan masing-masing. Sejak pilihan raya diperkenalkan di Malaysia, rakyat negeri Sarawak telah mendapat peluang seluas-luasnya untuk memilih wakil rakyat dan wakil-wakil rakyat juga telah mendapat peluang yang sama untuk memimpin dan membangunkan negara, sama ada di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar.

Saya percaya satu masa kelak apabila pembangunan negara dapat berjalan lebih pesat atau telah terlaksana sepenuhnya, maka unsur-unsur perbezaan yang wujud antara bahagian-bahagian pilihan raya seperti yang ada sekarang ini akan dapat diatasi. Pembangunan yang sedang dijalankan, khususnya pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pembangunan kawasan-kawasan industri dan pelbagai bentuk pembangunan sosial ekonomi yang pesat sekarang akan secara beransur-ansur merapatkan jurang-jurang perbezaan yang terdapat di antara satu bahagian pilihan raya dengan satu pilihan raya yang lain.

Walaupun terdapat kesukaran yang dihadapi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, saya mendapati badan itu telah dapat mewujudkan bahagian-bahagian pilihan raya yang boleh

dikiraikan sebagai adil, yang boleh memberi peluang kepada semua rakyat untuk mendapat perwakilan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana telah dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga telah membangkitkan berkenaan dengan kerajaan di Sarawak menekan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memberi kemenangan kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam urusan persempadanan. Ini satu tuduhan yang tidak benar. Suruhanjaya Pilihan Raya membuat persempadanan berdasarkan prinsip-prinsip persempadanan yang telah pun dibuat oleh pembangunan dan perhubungan. Tidak berbangkitlah soal itu bahawa ada tekanan daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk Suruhanjaya Pilihan Raya menjalankan tugas mereka dan saya sudah sebut sebentar tadi pun kita menang 61/1, jadi apa benda yang kita hendak campur tangan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu pengundi hantu yang dibangkitkan oleh Ipoh Timor, undang-undang pilihan raya berkenaan pendaftaran pemilih membenarkan Suruhanjaya Pilihan Raya mendaftar mana-mana warga negara yang mencapai umur 21 tahun sebagai pemilih di suatu bahagian pilihan raya adalah berdasarkan alamat permastautinannya yang tertera di dalam kad pengenalan. Beliau boleh mengundi di bahagian pilihan raya berkenaan. Oleh itu, tidak timbullah soal pengundi hantu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga membangkitkan berkenaan dengan satu pemilih satu undi. Kita ada corak kita sendiri di Malaysia ini yang mana kita mengadakan pilihan raya ialah dengan cara *first by the post*. Selain daripada itu Ahli Parlimen kita juga diharapkan untuk mereka bekerja untuk rakyat di kawasan yang telah mengundi mereka. Kerja wakil rakyat bukan sahaja di Parlimen, sistem kita kerja wakil rakyat juga di kawasan-kawasan. Maka oleh kerana itulah kita mengamalkan apa yang dikatakan *first by the post*. Ini juga yang dilaksanakan di Great Britain dan ini juga telah dilaksanakan di *Congress*, mereka punyai *district*. Setakat ini sistem *proportionate representation* itu kita tidak laksanakan kerana di Malaysia peranan Ahli Parlimen bukan sahaja membawa suara di Dewan Rakyat tetapi peranan Ahli Parlimen juga ialah untuk menjaga kawasan yang mana pengundi-pengundi itu telah memilih mereka. Sebab itulah kita tidak menggunakan *proportionate representation* dalam pilihan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching juga telah membidas Suruhanjaya Pilihan Raya yang katanya telah tidak berlaku adil dan cadangan persempadanan adalah bertujuan untuk kepentingan politik pihak Kerajaan Barisan Nasional. Beliau menggunakan beberapa contoh daripada laporan yang dibentangkan di Dewan ini untuk menyatakan bahawa laporan itu tidak adil dan memberi kepentingan kepada Barisan Nasional dan kerajaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ini juga telah memberitahu Dewan ini bahawa rayuan beliau telah tidak diberi perhatian oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa jua rayuan atau bantahan dalam urusan persempadanan ini adalah perlu mengikut peraturan dan prosedur undang-undang yang ditetapkan. Oleh yang demikian, setiap rayuan yang layak akan dibuat siasatan sewajarnya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Jika siasatan itu telah tidak dilakukan ia adalah disebabkan suatu bantahan atau rayuan itu telah tidak dapat menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Jika ia ditolak itu bukanlah kerana Suruhanjaya Pilihan Raya mengamalkan secara pilih kasih dalam tindakannya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Kuching juga telah menuduh Suruhanjaya Pilihan Raya telah tidak memberi perhatian yang sewajarnya terhadap fakta bilangan pemilih untuk menentukan kawasan pilihan raya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingin jelaskan bahawa dari segi penentuan bilangan.....

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya ingin tahu berkenaan kawasan Bintulu yang....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Diamlah awak tidak berani memperjuangkan untuk rakyat Bintulu, saya perjuangkanlah. Berkenaan Bintulu, keluasan Bintulu adalah lebih daripada 10,000 kilometer persegi dan bilangan pemiliknya adalah kelima terbanyak di Sarawak. Kenapa ia tidak dibentukkan satu kawasan Parlimen yang baru dan berbanding dengan Mas Gading keluasannya adalah lebih kurang sama dengan Bintulu sekarang, tetapi Mas Gading telah dibahagi kepada dua kawasan Parlimen. Saya ingin minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lain kali, iyalah dia orang muda betullah Yang Berhormat Sibn kata, "Dia orang mudalah" sabarlah dahulu saya belum sampai lagi saya hendak jawablah itu tunggu ya, mahu sabar saya tahu *you* muda. Saya ingin jelaskan bahawa dari segi penentuan bilangan pemilih bagi sesuatu bahagian pilihan raya adalah amat sukar Suruhanjaya Pilihan Raya mengikuti secara tepat yang boleh diterima dalam menentukan kadar perbezaan bilangan pemilih antara kawasan yang maju dan kawasan yang belum maju atau antara kawasan luar bandar dan kawasan bandar.

Bagi menentukan terdapatnya satu bentuk keseragaman di dalam menentukan jumlah bilangan pemilih bagi semua bahagian pilihan raya, SPR telah menggariskan satu kriteria yang mengandungi ciri-ciri yang digunakan untuk menentukan bahagian-bahagian pilihan raya sebagaimana yang telah dinyatakan di perenggan 16 dan 17 dalam laporan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang dalam menepati kehendak perlembagaan faktor *weightage* perlu juga diambil kira oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, di mana jumlah bilangan pemilih juga ditentukan oleh sesuatu kawasan. Ini dilakukan untuk menjamin terdapat bilangan pemilih yang sesuai dan berpatutan bagi bahagian pilihan raya di dalam kawasan luar bandar dan pedalaman, yang pada amnya merangkumi kawasan-kawasan yang amat luas dan sukar dalam urusan perhubungan antara wakil rakyat dengan pengundi-pengundinya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian boleh mengkaji laporan yang telah dibuat yang menunjukkan, bahawa satu ikhtiar telah dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengecilkan bahagian-bahagian pilihan raya luar bandar supaya dapat meringankan beban wakil-wakil rakyat, khususnya di kawasan-kawasan di mana kemudahan-kemudahan perhubungan dan pengangkutan sangat terhad atau langsung tidak wujud. Namun demikian masih terdapat bahagian-bahagian pilihan raya di Sarawak di mana luas kawasan luar bandar tertentu telah melebihi luas kawasan luar bandar yang lain. Keadaan ini tidak dapat dielakkan disebabkan oleh keadaan geografi dan topografi serta bilangan penduduknya yang kecil, yang terdapat di dalam bahagian-bahagian tertentu.

Contohnya macam kawasan Parlimen Ulu Rajang dari segi luas kawasannya meliputi hampir 1 suku kawasan negeri Sarawak, tetapi mempunyai jumlah pemilih 17,217 orang sahaja. Itu sebagai menjawab Bintulu tadi, kenapa tidak dipersempadankan semula, SPR berpendapat bahawa Bintulu telah mempunyai tiga DUN berbanding dengan Parlimen lain yang hanya mempunyai dua DUN sahaja. Oleh itu jumlah pemilihnya yang tinggi sedikit dari purata pemilih adalah sesuai dengan *total* kerana ia sebagai bandar. Purata pemilih untuk bandar ialah antara 40,000 hingga 49,000.

Sebab itu di Bintulu kita tidak memberikan satu kawasan Parlimen lagi kerana alasan tersebut tadi, iaitu bahawa Bintulu telah dapat 3 Dewan Undangan Negeri Mas Gadingkah apa tadi, tapi cuma dua sahaja, dan kawasannya luas, tetapi kalau hendak kira pengundi dia pokok-pokok memang banyaklah, tetapi oleh kerana penduduk tidak ramai jadi kita terpaksa buat satu kawasan, walaupun kawasannya luas tetapi pengundinya kecil

kerana dia bertaburan. Tapi sekurang-kurangnya saya ingat lebih penting kepada DAP, pembangkang elok banyak sedikit DUN daripada banyak Parlimen, sebab Parlimen tidak usah mimpilah hendak dapat jadi kerajaan. Saya ingat itu sebab Bintulu sudah ada pun 3 DUN ya, sudah ada 3 DUN.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tuduhan Yang Berhormat Ipoh Timor semasa mencelah perbahasan Yang Berhormat Bandar Kuching, bahawa persempadanan yang dibuat adalah untuk menguatkan kedudukan parti pemerintah sukalah saya nyatakan berkali-berkalilah, tadi pun sudah cakap, tetapi pasal dia bangkit selalu. Dia pun mai rekod banyak kali itu macam rekod rosak menyatakan bahawa tuduhan-tuduhan yang dilemparkan seperti ini menjadi basi kerana ia sentiasa dikeluarkan berulang-ulang kali di Dewan yang mulia ini oleh pihak pembangkang.

Tuduhan Yang Berhormat bahawa SPR menjalankan urusan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya semata-mata mengikut arahan dan selera Barisan Nasional adalah salah dan satu tuduhan yang tidak bertanggungjawab.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum SPR adalah satu badan yang bebas yang ditubuh di bawah Perlembagaan mengikut Perkara 114 dan bertanggungjawab kepada Yang di-Pertuan Agong. Suruhanjaya Pilihan Raya menjalankan tanggungjawab persempadanan adalah mematuhi arahan Perlembagaan, iaitu Bahagian I Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan, yang mana dengan jelas menyenaraikan prinsip-prinsip utama yang perlu dipatuhi. Selain itu Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai sebuah badan bebas adalah juga melandaskan tindakan mereka berpanduan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan, yang mana dapat menjamin kelancaran proses demokrasi pengurusan pilihan raya dan menjaga kepentingan para pengundi.

Balik kepada Yang Berhormat Bandar Kuching yang ini pun saya sudah jawab sudah berkenaan dengan Bintulu, kemudian Yang Berhormat Bandar Kuching juga mahu diusulkan untuk menghapuskan undi pos, yang ini Yang Berhormat cukup tidak demokratik sebab kita tidak memberi peluang mengundi kepada orang yang mempertahankan negara kita, mereka bertugas waktu pilihan raya seperti tentera dan juga polis. Waktu kita dalam keadaan yang tenang mengundi mereka menjalankan tugas mereka, jadi untuk Yang Berhormat mengatakan kita kena hapus, Yang Berhormat tidak demokratiklah tidak sesuai dengan nama Parti Tindakan Demokratik itu.

Oleh kerana itu kita tidak boleh terimalah dan kita juga rasa agak merbahaya kerana Yang Berhormat berkata demikian seolah-olah hendak dilemparkan kepada pihak polis, pihak tentera bahawa mereka tidak ada otak hendak memikirkan siapa yang mereka mahu undi sebagai wakil rakyat mereka. Itu adalah tidak adil ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab saya tidak nampak alasan lain melainkan Yang Berhormat minta dihapuskan kerana undi-undi itu semuanya diberikan kepada Barisan Nasional, oleh sebab itu kesimpulannya ialah kerana Yang Berhormat rasa, iaitu bahawa polis dan angkatan tentera tidak ada otak untuk membuat keputusan mereka sendiri.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu minta penjelasan, *don't put into my mouth* ya. *Firstly*, saya ada sebut bahawa jikalau itu pegawai-pegawai menjalankan tugas mereka, mereka dapat diterima bahawa mereka mengundi secara undi pos, tetapi bagaimana tentang isteri-isteri mereka? Adakah isteri-isteri mereka juga undi dengan pos sementara mereka tidak menjalankan tugas mereka, sila jawab.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, yang mengundi dengan pos ini kalau tidak silap sayalah mereka yang bertugas, waktu mereka bertugas dan mereka tidak dapat berada di kawasan peti undi di mana mereka sepatutnya berada waktu mengundi, jadi ini sahaja yang boleh mengundi dengan pos.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab bukan saya hendak "letak perkataan dalam mulut" Yang Berhormat, tapi kesimpulan yang saya boleh perolehi kerana tidak puas hati sebab undi banyak pergi kepada Barisan Nasional jadi marahlah itu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi marah kerana tidak dapat undi dan rasa kecewa dan terus melemparkan tuduhan seolah-olah mereka tidak ada kebebasan untuk mengundi sendiri. Ini Yang Berhormat Rantau Panjang hendak apa? Hendak bertanding di Thailandkah? Ada kaitan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Persoalan sekarang ini ialah askar pengundi pos, tidak siapa pertikai. Dahulunya isteri masing-masing tidak dibenarkan mengundi pos. Sekarang peraturan baru isteri masing-masing dibenarkan mengundi pos. Apakah logik demikian? Alangkah baiknya kalaulah isteri masing-masing itu diberi peluang mengundi di mana-mana UPU berdekatan dengan kem askar tersebut, dia boleh keluar sekejap, askar boleh menghantar dengan kenderaan dia pergi mengundi. Itu maksudnya. Tidak adillah kalau askar pengundi pos, isteri dia tidak bersangkut paut pun yang dia boleh keluar mengundi di tempat-tempat mengundi yang berhampiran.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, yang ini lagi teruk. Kalau yang tu kata askar tidak ada otak yang ini kata isteri askar pun tak ada otak juga. Nampaknya begitulah oleh kerana tidak bersetuju. Sebenarnya apa yang kita perlu bimbang kalau kita merasakan itu bahawa mereka boleh mengundi ikut suka hati mereka maka undi pos pun tidak kisahlah. Tetapi apabila dipertikaikan ini bermakna dia curiga bahawa isteri-isteri tentera ini tidak ada otak dan mungkin mengundi pos dia akan mengundi Barisan Nasional. Itu sahaja yang saya nampak. Kalau tidak begitu dia tidak perlu mempertikaikan.

Isteri tentera kemungkinan mereka duduk di dalam pos yang begitu jauh di kawasan hendak angkut dia macam mana? Nanti kalau BN angkut dia kata kita mempengaruhi isteri-isteri askar ini. Sebab itu saya ingat biarlah dia buat dengan pos, melainkan Yang Berhormat tidak percaya kepada kebolehan isteri-isteri ini untuk membuat pilihan mereka sendiri. Itu dia. Kalau kepada saya tidak ada salahnya kalau mereka mengundi menerusi pos disabitkan oleh kerana mereka berada di tempat yang begitu jauh daripada tempat peti undi itu. Hendak tanya lagi? Tidak ada dah?

Tuan Yang di-Pertua, Bandar Kuching bangkitkan fungsi SPR menggubal undang-undang, menyekat isu *extra electoral effect*.. Fungsi SRP tertakluk kepada kuasa yang diberi oleh Perlembagaan Persekutuan di mana P.113 peruntukan menyatakan bahawa SPR hendaklah menjalankan pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri. Kedua, menyediakan dan menyemak daftar-daftar pemilih bagi pilihan raya. Ketiga, mengkaji semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya seperti di peruntukan di bawah Jadual 13. Oleh itu, perkara-perkara yang berkaitan *extra electoral effect* bukanlah isu dalam fungsi SPR.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Ipoh Timor juga membangkitkan berkenaan dengan iklan. Sebenarnya kita tidak mahu buat iklan ini, tidak pernah buat pun iaitu kalau ada projek *Federal*, dahulu tidak pernah. Tetapi kita terpaksa lakukan sekarang sebab pembangkang penipu. Sebab dia penipu, hak kita dia kata dia buat yang sebenarnya dia tidak buat. Itulah sebabnya mengapa kita terpaksa mengadakan iklan ini kerana untuk mengelakkan penipuan yang dilakukan oleh parti macam PAS di Kelantan. Itu sebabnya. Kalau dia tidak menipu kita tidak buat benda ini. Kerana penipuan dialah dalam dia punya ceramah-ceramah, itu terpaksa kita buat. Jangan marah kalau kita buat demikian, itu ialah kerana disabitkan oleh perbuatan 'mu' jugalah, kata orang Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, kita bagi undi pos kepada isteri kerana dia dianggap sebagai anggota tentera juga.

Yang akhir sekali, dua perkara yang saya hendak bangkitkan di sini iaitu pertamanya berkenaan dengan Yang Berhormat bangkitkan sekali lagi iaitu soal automatik, tidak boleh buat Yang Berhormat sebab

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dengarlah dahulu, hendak jawablah ni. Hendak saya bercakap bahasa Siam atau Melayu ni? *[Ketawa]* Okey, fasal dia bisung tu dia hendak saya cakap Thai ke? Saya hendak beritahu di sini, kadangkala kita tidak bagi automatik 21 tahun terus atau 18 tahun, sekarang ini 21 tahunlah automatik. Sebenarnya kita memberi pilihan kepada dia. Kadangkala dia tidak mahu mengundi Barisan Nasional kemudian dia lagi menyampah kepada PAS, jadi kedua-dua dia tidak mahu mengundi. Kita jangan paksa dia mengundi. Sebab itu kita tidak buat automatik. Pergi untuk mendaftar mengundi itu juga ialah hak demokratik dia, pilihan dia, kita jangan paksa. Sebab itu, siapa yang mahu mengundi maka daftarliah, siapa yang tidak mahu itu dia punya pasallah. Bukan kita menghalang hak dia, itu pilihan dia sendiri untuk tidak mahu mendaftar. Sebab itu kerajaan kita pada hari ini kita tidak mahu mengadakan sistem mendaftar secara automatik.

Keduanya, Yang Berhormat sebut tentang hendak bertanding. Saya sudah agak dah di mana Rantau Panjang ini mirip kepada Thai. Dia hendak suruh kita ikut Thailand, tetapi kita tengok di Thailand tu walaupun yang jadi calon itu semua *graduate* tetapi Parlimen mereka berkecamuk, tidak macam di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa Ahli Parlimen itu walaupun dia *educated* tetapi dia tidak *wise*. *Wisdom* ini tidak datang daripada *education*. Kadang-kadang *wisdom* ini menerusi pengalaman, jadi kalau kita syarat sekali pun bahawa Ahli Dewan Rakyat mesti ada *basic degree* maka itu tidak akan menjamin bahawa Parlimen tidak akan berkecamuk seperti juga berlaku di Thailand.

Dan yang paling penting Yang Berhormat ialah demokrasi, hak demokratik sesiapa untuk menjadi calon tidak boleh dirampas oleh mereka. Saya ingat kalau PAS ni dia nak rampaslah. Sebab itu siapa yang hendak menjadi calon kita tidak boleh had, mesti BA ke, mesti MA ke tidak boleh kerana demokrasi itu bermaksud bahawa kebebasan untuk kita mengundi dan kebebasan juga untuk kita diundi oleh rakyat, maka cadangan Yang Berhormat itu ditolak dengan bulat-bulat sahaja tidak boleh terima. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penggulungan saya dan saya mengucapkan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Oleh kerana usul dikehendaki dipersetujui dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan Ahli Majlis, sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 10 Bahagian 2, Jadual ke-12 Perlembagaan Persekutuan dan mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5) maka dengan ini saya memerintah satu belah bahagian diadakan sekarang.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, inilah keputusan pengundian dalam belah bahagian. Ahli-ahli yang bersetuju ialah 185 orang; *[Tepuk]*, ahli yang tidak bersetuju tiada *[Tepuk]* dan ahli-ahli yang tidak mengundi 14 orang.

YANG BERSETUJU:

YANG TIDAK BERSETUJU:

-tiada-

YANG TIDAK MENGUNDI:

14

[Senarai terperinci ahli-ahli yang bersetuju, tidak bersetuju dan tidak mengundi adalah seperti di Lampiran A]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana ...

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa orang yang tidak mengundi, at the something is wrong. Extension bukan orang yang tidak mengundi, ada undi tetapi undi extension
[Disorak]

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tetapi tadi cakap!

Seorang Ahli: Yang enggan mengundi!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak kurang setengah daripada jumlah bilangan ahli Majlis ini mengundi bersetuju dengan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, maka usul ini dipersetujukan *[Tepuk]*

UCAPAN PENANGGUHAN**KES SAMAN PEMULA NO 24-345-2004 DI MAHKAMAH TINGGI (4) MALAYA
DI PULAU PINANG.**

6.08 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, tajuk ucapan ialah Kes Saman Pemula No 24-345-2004 Antara Wan Foo Cheong dan Lim Sui Yong dalam Mahkamah Tinggi (4) Malaya di Pulau Pinang. Kes ini adalah berkenaan dengan satu petisyen yang disusulkan oleh Wan Foo Cheong untuk pemansuhan perkahwinan kepada Lim Sui Yong, isterinya.

Defendan kes ini Lim Sui Yong telah membawa empat anak yang berumur antara empat dan sebelas tahun meninggalkan rumah dan menyewa sebuah rumah di Jalan Uda, Butterworth pada Februari 2004 kerana tidak tahan lagi dengan perlakuan Wan Foo Cheong. Wan bukan sahaja sentiasa mengganas terhadap dia tetapi juga berzina dan telah melahirkan seorang anak luar nikah. Wan memohon perceraian pada Mac 2004 tetapi hingga kini perbicaraan telah ditangguh empat kali; dua kali kerana permintaan plaintif dan satu kali kerana tuan hakim akan bersara, dan satu kali kerana tiada hakim baru untuk mengambil alih kes ini. Penangguhan terakhir ialah pada 15 Jun dan tarikh yang baru ialah 3 Ogos.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini bermakna, setelah 16 bulan telah berlalu tetapi kes ini masih belum mula dibicarakan. Kepada Puan Lim Sui Yong, 16 bulan merupakan tempoh masa yang agak lama. Beliau terpaksa melakukan tanggungjawab sebagai ibu dan juga sebagai bapa.

Beliau sanggup bekerja dan menjaga empat orang anaknya asalkan suaminya tidak mengganggu lagi dia dan anak-anak mereka.

Oleh kerana satu peristiwa 13 Januari 2005, Puan Lim telah memohon mahkamah pada April 2005 untuk mempercepatkan perbicaraan kes ini dan juga memohon mahkamah membenarkan beliau memindahkan dua orang anak yang bersekolah di SRJK(C) Chung Hwa 3, Prai ke sekolah yang berdekatan tempat kediamannya sekarang iaitu SRJKC Kwang Hwa yang juga di Jalan Raja Uda juga.

Sepanjang 16 bulan menunggu perbicaraan Puan Yong bukan sahaja seorang diri bekerja untuk menampung kehidupan beliau dan 4 orang anaknya. Beliau juga menjaga mereka dan menghantar mereka balik, pulang dari sekolah dengan motosikal. Perjalanan ke SRJK(C) Chung Hwa 3 mengambil masa setengah jam. Beliau hantar anak pertama pada waktu pagi dan anak kedua pada waktu petang dan di antara masa ini beliau terpaksa menghantar anak ketiga ke tadika.

Masa-masa beliau menghantar anak-anaknya dapat dijimatkan dan digunakan untuk kerja lain, jika anak pertama dan anak keduanya dapat dipindah ke sekolah berdekatan. Pihak sekolah sangat bersimpati kepada beliau tetapi tidak dapat uruskan permohonan pemindahan itu kerana bapa mereka telah menghantar dan memberi amaran supaya jangan luluskan permohonannya.

Kes ini bukan satu kes tunggal dan terasing. Pada tahun lalu saya telah menerima sekurang-kurangnya tiga kes yang sama. Kes seperti ini bukan sahaja menyulitkan ibu yang terlibat tetapi juga menjejaskan kebajikan kanak-kanak. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kerajaan menetapkan untuk penceraian seperti ini mahkamah menguruskan isu-isu berkaitan dengan kebajikan kanak-kanak terlebih dahulu, sementara menunggu perbicaraan dan keputusan terakhir mahkamah.

Isu-isu kebajikan kanak-kanak termasuk nafkah dan pelajaran. Sesiapa yang menjaga anak atau yang tinggal sama anak sama ada ibu atau bapa mempunyai hak untuk memilih sekolah anaknya khasnya sekolahnya yang berhampiran rumah kediaman mereka tanpa perlu mendapat kelulusan pihak yang lain. Pihak yang tidak tinggal sama dengan anak boleh mengemukakan bantahannya ke mahkamah sekiranya ia mempunyai sebab yang baik.

Saya juga ingin menyeru pihak yang bertanggungjawab mempercepatkan perbicaraan kes ini dan juga kes-kes yang sama dengan kes ini demi menjaga kepentingan semua pihak. Selain daripada itu, saya juga menyeru kerajaan mewujudkan Mahkamah Keluarga secepat mungkin supaya kes-kes seperti ini dapat diurus dengan lebih cepat dan sempurna.

Satu lagi kes ialah kes Gheta a/p Rajendran, *inquest number* STR21-2000 di Mahkamah Bukit Mertajam. Kes ini mula pada 6 Januari 2004 dan telah menetapkan tarikh-tarikh untuk perbicaraan seterusnya tetapi sampai Jun tahun ini ia telah di tangguh beberapa kali kerana majistret telah dipindah dan tiada majistret mengganti tempatnya. Saya bagi pihak keluarga memohon supaya kes ini diselesai secepat mungkin supaya keluarganya dapat memulakan kehidupan yang baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Yang Berhormat Menteri.

6.14 ptg

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kes yang pertama. Saya ingin memaklumkan di dalam sesuatu permohonan atau petisyen untuk penceraian di antara relief sampingan *and several relief* dengan izin, yang dipohon oleh pemohon adalah penjagaan anak-anak ditentukan. Walaupun petisyen penceraian belum diputuskan oleh mahkamah ianya langsung tidak menghalang mana-mana *litigant* daripada memohon kepada mahkamah agar isu-isu mengenai anak-anak diputuskan terlebih dahulu.

Berkenaan dengan isu kelewatan pendengaran kes ini adalah diakui bahawa permasalahan ini timbul setelah Yang Arif Mahkamah Tinggi bersara dan sehingga kini kekosongan akibat persaraan tersebut masih belum diisi. Walau bagaimanapun tindakan sedang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

Berkenaan dengan isu pengwujudan Mahkamah Keluarga, buat sementara ini memandangkan jumlah pendaftaran kes-kes keluarga di Kuala Lumpur adalah tinggi, maka hanya Kuala Lumpur sahaja yang mempunyai Mahkamah Keluarga. Manakala, di negeri-negeri lain memandangkan jumlah pendaftaran kes-kes keluarga masih lagi berada di tahap yang rendah dan terkawal keperluan mengujudkan mahkamah tersebut masih belum timbul.

Berkaitan dengan kes yang kedua ingin saya memaklumkan bahawa di dalam kes ini penangguhan pendengaran berlaku setelah peletakan jawatan majistret tetap di situ. Tindakan sedang di ambil untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut. Sekian, terima kasih.

PENGABAIAN SAMBUTAN HARI TIADA TEMBAKAU SEDUNIA

6.16 ptg

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, kempen anti merokok yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia selama bertahun-tahun belum lagi signifikan kerana kerajaan masih belum lagi mengambil apa-apa langkah signifikan berhubung kawalan rokok seperti membantu para perokok memberhentikan tabiat merokok dan mencegah golongan rakyat bukan perokok daripada tabiat merosakkan kesihatan ini.

Pada 31 Mei setiap tahun negara-negara di seluruh dunia menyambut *World No Tobacco Day* termasuklah 31 Mei tahun ini. Di Malaysia, rakyat tidak menyedari ada sambutan "Hari Tiada Tembakau", selain kempen "Tak Nak Rokok" yang terbukti gagal. Tiada sebarang acara dan program yang berkesan untuk menyambut hari tersebut di negara kita sedangkan WHO telah mengisytiharkan 31 Mei hari yang mana setiap penduduk dunia bebas dari ancaman tembakau.

Mengapa terjadi begini dan mengapakah tiada sambutan di Malaysia sedangkan negara-negara lain termasuk jiran kita mengadakan sambutan besar-besaran *World No Tobacco Day* seperti Thailand yang menjalankan pelbagai kempen kesedaran awam anti merokok ke seluruh negara tersebut termasuklah menggalakkan pekedai memberhentikan jualan rokok pada hari tersebut. Manakala Kerajaan Thailand mengumumkan juga penubuhan pusat penyelidikan yang khusus bertanggungjawab untuk mencari jalan dan merumus penggunaan tembakau meliputi dasar kawalan tembakau yang berkesan.

Apa yang telah kita lakukan pada hari istimewa itu. Kerajaan hendaklah mengakui bahawa ia tidak melakukan penyelidikan yang secukupnya untuk mengetahui dan memahami perubahan-perubahan yang berterusan dan pantas berlaku dalam strategi pemasaran syarikat-syarikat tembakau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat jangan tambah banyak sangat, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Adakah kerajaan berfikir.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat terus keluar.....

Tuan Tan Kok Wai: Bukan ucapan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Tuan Tan Kok Wai:ucapan penuh ini. Adakah kerajaan berfikir dan beranggapan bahawa dengan pengharaman iklan rokok dan amaran kesihatan yang dituliskan ke atas kotak rokok sudah mencukupi atau adakah kerana Kementerian Kesihatan cuai dan abai kerana menganggap *World No Tobacco* tidak penting atau adakah kerana ia tidak ada penajaan dari syarikat-syarikat tembakau seperti mana siaran langsung Piala Dunia, jika syarikat rokok tidak menaja, maka siaran langsung tidak ditayangkan.

Kementerian Kesihatan hendaklah benar-benar serius melancarkan kempen anti merokok di kalangan remaja dan orang dewasa negara kita kerana amalan merokok sudah menjadi masalah yang kian membesar di kalangan remaja Malaysia berumur antara 15 hingga 24 tahun. Ada satu aspek lagi yang menunjukkan dengan jelas betapa kerajaan kita tidak jujur, tidak ikhlas dan hipokrit dalam menangani isu merokok ialah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.....

Tuan Tan Kok Wai:di satu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Perenggan yang terakhir. Di satu pihak kerajaan menentang amalan merokok tetapi di satu pihak kerajaan membenarkan *World Expo On Tobacco* yang bakal diadakan di Kuala Lumpur pada November 2005 sedangkan negara-negara lain seperti Bangladesh dan India.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai:dan sebagainya tidak membenarkan ekspso seumpama ini di negara mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.....

Tuan Tan Kok Wai:Ekspo ini bertujuan mempromosikan tabiat merokok dan memperluaskan pasaran tembakau. Saya mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat keluar daripada 17(3). Yang Berhormat Menteri sila jawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sambutan *World No Tobacco Day* atau dikenali sebagai Hari Tanpa Tembakau Sedunia yang jatuh pada 31 Mei pada setiap tahun telah bermula sejak tahun 1990 lagi. Acara tahunan yang dipelopori oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO, ini mempunyai tema yang berbeza-beza bagi setiap tahun sambutan. Tema sambutan pada tahun ini ialah Peranan Profesional Kesihatan Dalam Kawalan Tembakau atau *Role of Health Professionals in Tobacco Controls*.

Kementerian kesihatan tanpa sebarang kegagalan telah menyambut Hari Tanpa Tembakau Parlimen setiap tahun sejak tahun 1997. ianya disambut di peringkat kebangsaan, negeri-negeri dan juga daerah-daerah. Acara peringkat kebangsaan pada tahun ini telah diadakan di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya pada 31 Mei 2005 dan berlangsung serentak dengan acara kempen Cara Hidup Sihat dengan menyambut ketibaan pasukan berbasikal Jom Kayuh ke Wilayah Persekutuan setelah menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia sebelum meneruskan perjalanan ke Sabah dan Sarawak. Sambutan Hari Tanpa Tembakau 2005 ini, telah disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan menyeluruh adalah amat perlu untuk membendung masalah penggunaan tembakau dalam masyarakat. Hanya sekadar menyambut Hari Tanpa Tembakau sahaja adalah tidak memadai. Selain aktiviti promosi kesihatan, Kementerian Kesihatan turut mengadakan pelbagai pendekatan yang berkesan seperti menguatkuasakan peruntukan perundangan, percukaian, serta menyampaikan perkhidmatan berhenti merokok.

Sejajar dengan tema-tema Hari Tanpa Tembakau, Kementerian Kesihatan juga mengadakan pelbagai usaha lain dan aktiviti bukan promosi yang berkaitan. Contohnya untuk tema tahun ini ialah Peranan Profesional Kesihatan Dalam Kawalan Tembakau. Kementerian kesihatan juga mengadakan pelbagai usaha lain dan juga aktiviti bukan promosi yang berkaitan. Sebagai contoh, untuk tema tahun ini iaitu peranan profesional kesihatan dalam kawalan tembakau, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua anggota Kementerian Kesihatan dan juga kepada semua pemimpin pertubuhan profesion kesihatan tentang isu tembakau.

Pelbagai penubuhan profesional kesihatan telah diberikan maklum balas menyokong kod etika berhubung isu tembakau. Berhubung isu kempen 'tak nak' yang dituduh sebagai tidak berjaya, Kementerian Kesihatan ingin memperbetulkan tanggapan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu kajian bagi menilai keberkesanan kempen 'Tak Nak' telah dijalankan dan berikut adalah keputusan utama yang diperolehi;

- (i) pendedahan terhadap kempen Tak Nak adalah sangat tinggi, iaitu 93% di kalangan perokok dewasa, 94.43% bagi bukan perokok dewasa dan 95% golongan remaja;
- (ii) semua saluran media yang digunakan dalam kempen Tak Nak telah menerima perhatian dari golongan yang disasarkan;
- (iii) pendedahan masyarakat Sabah terhadap mesej-mesej kempen Tak Nak adalah sangat tinggi berbanding di semenanjung dan Sarawak;
- (iv) remaja mencatatkan pendedahan paling tinggi terhadap mesej yang disalurkan melalui semua jenis media kecuali panggung wayang;
- (v) lebih daripada 80% responden kajian mampu mengulangi sekurang-kurangnya satu daripada 12 mesej yang dihebahkan melalui kempen ini;
- (vi) kempen Tak Nak telah berjaya merangsang perbincangan tentang bahaya merokok di kalangan ahli keluarga dan rakan-rakan;
- (vii) setiap satu dari tiga perokok dan setiap tiga daripada empat bukan perokok serta remaja berasakan bahawa kempen Tak Nak adalah sangat relevan dan mampu mengubah persepsi tentang norma bagi tabiat merokok;
- (viii) pendapatan daripada kempen ini adalah golongan yang merasakan kempen ini relevan adalah lebih berkemungkinan untuk berhenti merokok bagi perokok dan lebih berkemungkinan jika tidak ingin merokok, bagi bukan perokok dan remaja;
- (ix) pendapatan daripada kempen ini adalah keberkesanan saluran media dalam menyampaikan mesej Tak Nak adalah bagi saluran televisyen iaitu 88.7%, radio 1.4%, papan iklan 4.6% dan akhbar 1.4%.

Hasil dari kajian ini Kementerian Kesihatan membuat keputusan membuat keputusan bahawa kempen Tak Nak akan diteruskan selama beberapa tahun lagi dengan mengubah suai cara penyampaian dan pemilihan saluran media agar mendatangkan pulangan terbaik. Selain daripada itu, tumpuan juga akan diberi kepada aktiviti kemasyarakatan dan usaha membantu perokok untuk meninggalkan tabiat merokok. Sememangnya usaha menurunkan kadar perokok di kalangan masyarakat negara amat mencabar dan memerlukan sokongan dan kerjasama semua anggota masyarakat dan juga termasuk ahli-ahli Parlimen sekalian. Kementerian kesihatan amat komited dalam usaha membendung gejala penggunaan tembakau dan tidak pernah cuai, alpa dan abai dalam melaksanakan tanggungjawab ini, sekian terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai: *World Expo* macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, kita telah selesai dengan ucapan penangguhan, oleh yang demikian Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.26 petang

LAMPIRAN A**KEPUTUSAN BELAH BAHAGIAN****BERSETUJU**

1. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak,
2. Dato' Seri Ong Ka Ting,
4. Dato' Seri S. Samy Vellu,
5. Dato' Seri Azmi bin Khalid
6. Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein
7. Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim
8. Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil
9. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
10. Dato' Mohamed Khaled bin Nordin
11. Dato' Mustapa bin Mohamed
12. Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad
13. Datuk G. Palanivel.
14. Dato' Zainal Abidin bin Zin
15. Datuk Lim Si Cheng
16. Datuk Dr. Yusuf bin Yacob
17. Dato' Fu Ah Kiow
18. Datuk Zainudin bin Maidin.
19. Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik
20. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
21. Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz
22. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis
23. Dato' Sri Chan Kong Choy
24. Dato' Sri Adean bin Satem
25. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili
26. Datuk Dr. Chua Soi Lek
27. Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar
28. Datuk Anifah bin Haji Aman
29. Datuk Dr. Tiki Lafe
30. Dato' Dr. Ng Yen Yen
31. Dato' Haji Noh bin Haji Omar
32. Dato' Khamsiyah binti Yeop
33. Tuan Chia Kwang Chya
34. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin
35. Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir
36. Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn

37. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz
38. Datuk Dr. Michael Toyad
39. Datuk Peter Chin Fah Kui
40. Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal
41. Dato' Dr. Hajio Shafie Mohd. Salleh
42. Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin
43. Dato' Seri Kerk Choo Ting
44. Datuk Douglas Uggah Embas
45. Datuk Tan Chai Ho
46. Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad
47. Dato' Hon Choon Kim
48. Dato' Donald Lim Siang Chai
49. Dato' Veerasingam a/l Suppiah
50. Datuk Wong Kam Hoong
51. Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah
52. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi
53. Datuk Robert Lau Hoi Chew
54. Dato' Joseph Salang Gandum
55. Dato' Kong Cho Ha
56. Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed
57. Dato' Zulhasnan bin Rafique
58. Dato' Shaziman bin Abu Mansor
59. Dato' Mah Siew Keong
60. Datuk Azizah binti Mohd. Dun
61. Datuk Abdul Rahman bin Bakar
62. Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin
63. Joseph Entulu Anak Belaun
64. Dato' Tengku Putera Tengku Awang
65. Dato' Mohd Johari bin Baharum
66. Dato' Yong Khoo Seng
67. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya
68. Datuk Wira Abu Seman Yusop
69. Dr. S. Subramaniam
70. Dato' Haji Zainal Abidin Haji. Osman
71. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew
72. Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim
73. Puan Noriah binti Kasnon

74. Puan Komala Devi
75. Datin Paduka Chew Mei Fun
76. Dato' Paduka Haji. Abdul Rahman Ibrahim
77. Prof. Datuk Dr. Mohd. Ruddin Abd Ghani
78. Tuan Yew Teong Look
79. Tuan Ng Lip Yong
80. Tuan Hoo Seong Chang
81. Datuk Dr. Adham Baba
82. Tuan Samsu Baharum Haji. Ab. Rahman
83. Tuan Sazmi Miah
84. Tuan Lee Kah Choon
85. Tuan S. Vigneswaran
86. Tuan Ahmad Shabery Cheek
87. Tuan Hashim Jahaya
88. Dato' Razali Ismail
89. Tuan Ismail Mohamed Said
90. Tengku Razaleigh Hamzah
91. Tuan Mohd. Yusof bin Majid
92. Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib Mahmud
93. Dato' Chua Jui Meng
94. Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan
95. Tan Sri Dr. Ting Chiew Peh
96. Tan Sri Law Hieng Ding
97. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
98. Datuk Seri Panglima Md. Salleh Tun Said
99. Dato' Loke Yuen Yow
100. Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor
101. Dato' Abu Bakar bin Taib
102. Datuk Dr. Tan Kee Kwong
103. Dato' Chor Chee Heung
104. Dato' Mat. Yasir Ikhsan
105. Dato' Dr. Wan Azmi Ariffin
106. Tuan Syed Hood bin Syed Edros
107. Puan Lim Bee Kau
108. Dato' Yap Pian Hon
109. Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
110. Dato' Shahril bin Abdul Samad
111. Dato' Jacob Dungau Sagan

112. Tuan Jimmy Donald
113. Tan Sri Dato' Hew See Tong
114. Tuan Jawah Anak Gerang
115. Datuk Richard Riot Anak Jaem
116. Tuan Billy Abit Joo
117. Tuan Tiong Thai King
118. Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh
119. Datuk Dr. Yee Moh Chai
120. Dato' Liow Tiong Lai
121. Datuk Ronald Kiandee
122. Dato' Seri Tiong King Sehingga
123. Tuan Alexander Nanta Linggi
124. Tan Sri Dr. K. S. Nijhar
125. Dato' Goh Siow Huat
126. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz
127. Datuk Bung Moktar bin Radin
128. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar
129. Tuan Enchin bin Majimbun
130. Datuk Abd. Rahim bin Bakri
131. Tuan Aaron Ago Anak Dagang
132. Tuan Jeliang Anak Mersat
133. Tuan Fadillah bin Yusof
134. Tuan Loh Seng Kok
135. Tuan Madius bin Tangau
135. Tuan Henry Sum Agong
136. Datuk Juslie Ajirol
137. Tuan Shim Paw Fatt
138. Dr. James Dawos Mamit
139. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman
140. Dato' S. G. Sothinathan
141. Datuk Haji. Abdul Wahab bin Haji. Dolah
142. Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof
143. Tuan Haji Mohd. Razali Che Mamat
144. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob
145. Tuan Ismail bin Abdul Muttalib
146. Tuan Shaari bin Hassan
147. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail

148. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]
149. Datuk Rosli bin Mat Hassan
150. Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin
151. Datuk Abdul Ghapur bin Salleh
152. Dato' Astaman bin Abdul Aziz
153. Tuan Teng Boon Soon
154. Puan Tan Ah Eng
155. Tuan Hasni bin Haji Mohamad
156. Dato' Haji Hasan bin Malek
157. Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman
158. Dr. Rozaidah binti Talib
159. Tuan Razali bin Haji Ibrahim
160. Tuan Mohd. Daud bin Haji Tarihep
161. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat
162. Tuan Bernard S. Maraat
163. Tuan Raimi Unggi
164. Tuan Mohamad Shahrum bin Osman
165. Dr. Wee Ka Siong
166. Devamany a/l S. Krishnasamy
167. Tuan Huan Cheng Guan
168. Puan Tan Lian Hoe
169. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin
170. Donald Peter Majuntin
171. Tuan Markiman bin Kobiran
172. Tuan Haji Baharum bin Mohamed
173. Tuan Haji Mohd. Alwi bin Haji Che Ahmad
174. Dato' Ghazali bin Haji Ibrahim
175. Tuan Nasarudin bin Hashim
176. Datuk Dr. Rahman bin Ismail
177. Dato' Firdaus Harun
178. Tuan Haji Idrin bin Harun
179. Dr. Wan Junaidy bin Abd. Wahab
180. Tuan Wong Nai Chee
181. Datuk Che Min bin Che Ahmad
182. Tuan Edmund Chong Ket Wah
183. Tuan Haji Hamim bin Samuri
184. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh
185. Tuan Chong Hon Min

Tidak Hadir:

1. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
2. Datuk Ir. Ong Tee Keat
3. Dato' Seri Haji. Mohd. Shariff Haji Omar
4. Datuk M. Kayveas
5. Dato' Mahadzir Mohd. Khir
6. Dato' Dr. Mashitah Ibrahim
7. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
8. Dato' Seri Dr. Siti Zaharah Sulaiman
9. Datuk Dr. Marcus Mojigoh
10. Dato' Mohd. Zaid bin Ibrahim
11. Tuan Lau Yeng Peng
12. Tuan R. Karpal Singh
13. Dato' Haji Abdul Halim Abdul Rahman
14. Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail
15. Tuan Salahuddin Ayub
16. Tuan Haji Ismail Noh

Tidak Mengundi

1. Tuan Lim Kit Siang
2. Dr. Tan Seng Giaw
3. Dato' Kamarudin bin Jaffar
4. Puan Chong Eng
5. Tuan M. Kula Segaran
6. Tuan Tan Kok Wai
7. Tuan Fong Kui Lun
8. Tuan Haji Abdul Fatah Haji Harun
9. Puan Teresa Kok Suh Sim
10. Tuan Chow Kon Yeow
11. Dr. Mohd. Hayati bin Othman
12. Puan Fong Po Kuan
13. Tuan Lim Hock Seng
14. Tuan Chong Chieng Jen